

Jilid II
Bil. 29



Hari Rabu
19hb Disember, 1984

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KEENAM

Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3777]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah)
(Pindaan) [Ruangan 3820]

Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) [Ruangan 3848]

Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan) [Ruangan 3876]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 3892]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM — DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M.,
P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik)
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR. MOHAMAD
YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOOR, J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Dilantik)
- ” Timbalan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO SULAIMAN BIN NINAM
SHAH, P.S.M., S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik)
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik)
- ” LT. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S.
(Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K., J.P.
(Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N., (Dilantik)
- ” TOH MUDA DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M., (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik)
- ” TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah)
- ” DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI
MOHIDEEN (Sarawak)
- ” TUAN ALEXANDER Y.L. LEE (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik)
- ” TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis)
- ” DATO S. GOVINDARAJ, D.P.M.S., K.M.N., P.P.N., P.P.T., J.P. (Dilantik)
- ” PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Pahang)
- ” PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik)
- ” PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM @ HASANAH FATIMAH
BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu)
- ” TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik)
- ” TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik)
- ” TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan)
- ” TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K.
(Pulau Pinang)

- Yang Berhormat TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik)
- ” DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah)
- ” PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN R.M. JASNI, B.K. (Dilantik)
- ” DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik)
- ” TUAN KEE YONG WEE (Wilayah Persekutuan)
- ” TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sabah)
- ” DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang)
- ” TUAN KUAN PENG SOON @ KUAN PENG CHING (Perak)
- ” TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS, P.B.S. (Dilantik)
- ” TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik)
- ” CIK LIM SEAN LEAN @ LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik)
- ” DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik)
- ” TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang)
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor)
- ” DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan)
- ” TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis)
- ” TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak)
- ” TUAN MOHD. YUSOFF @ YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan)
- ” TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka)
- ” PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka)
- ” TUAN NYANAPANDITHAN (Selangor)
- ” TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik)
- ” DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik)
- ” PUAN ROKIAH @ MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN SALLEH BIN KASSIM, A.M.T., A.M.N., P.J.K. (Terengganu)
- ” TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik)
- ” TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik)
- ” TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor)
- ” TUAN D.P. VIJANDRAN (Dilantik)
- ” TUAN WONG YAU KET (Sabah)
- ” DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap

Penyunting: P.B. Menon

Penyunting: Haji Osman bin Sidik

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy

Louis Yeoh Sim Ngoh

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah

Suhor bin Husin

Amran bin Ahmad

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof

Juliah binti Awam

Supiah binti Dewak

Ismail bin Hassan

Shamsiah binti Mohd. Yusof

Hajjah Kalsom binti Ghazali

Mohamed bin Osman

Norishah binti Mohd. Thani

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Rabu, 19hb Disember, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

**MEMBASMI KEMISKINAN
RAKYAT LUAR BANDAR**

1. Tuan Jaafar bin Harun minta Perdana Menteri menyatakan rancangan Kerajaan untuk mengatasi masalah kemiskinan rakyat luar bandar.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang Dipertua, dalam usaha membasmi kemiskinan di kalangan rakyat luar bandar, Kerajaan telah dan akan terus mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan lagi pendapatan serta memperbaiki taraf hidup mereka. Salah satu langkah yang diambil ialah dengan menyerap golongan miskin daripada kawasan luar bandar ke dalam sektor moden melalui pembangunan sektor bukan pertanian, terutamanya pembangunan perindustrian.

Selain daripada mengadakan peluang-peluang pekerjaan untuk mengurangkan kemiskinan, Kerajaan juga membuka tanah baru dan memajukan kawasan yang sedia ada termasuk penyediaan kemudahan pengairan, khidmat perkembangan dan penanaman semula dengan benih yang bermutu tinggi, dengan tujuan untuk

meningkatkan daya pengeluaran golongan miskin.

Di samping langkah-langkah tersebut, Kerajaan juga telah dan akan terus menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan awam seperti bekalan air dan elektrik, kesihatan, pelajaran dan perumahan untuk memperbaiki taraf hidup golongan miskin terutamanya di kawasan luar bandar.

Kerajaan telah juga memperkenalkan strategi-strategi baru dalam usaha membasmi kemiskinan seperti yang dinyatakan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat. Strategi-strategi ini termasuk sistem perkebunan secara koperatif iaitu kebun-kebun akan disatukan secara besar-besaran dan diuruskan secara estet supaya petani-petani akan dapat menikmati faedah daripadanya.

Di samping itu menerusi strategi perbandaran kawasan luar bandar pula, kampung-kampung yang berselerak akan dikumpulkan untuk dijadikan satu pusat perbandaran. Ia akan menjadi asas bagi pertumbuhan aktiviti-aktiviti bercorak bandar dan dengan itu menjadi punca pendapatan luar kebun. Di samping itu perkhidmatan dan kemudahan awam akan dapat disediakan dengan lebih teratur untuk meninggikan lagi taraf hidup penduduknya.

Strategi Kerajaan ini juga menekankan supaya golongan miskin hendaklah mengambil peluang-peluang yang ada dan mengubah sikap supaya jangan terlalu bergantung kepada bantuan Kerajaan, tetapi hendaklah mencari kemajuan dengan daya usaha dan

keusahawanan sendiri. Kerajinan bekerja umpamanya dapat meningkatkan daya pengeluaran dan pendapatan serta taraf hidup penduduk bandar dan luar bandar.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang Dipertua, saya suka bertanya berapa peratuskah rakyat di luar bandar di seluruh negara yang berpendapatan di paras garis kemiskinan, dan adakah strategi Kerajaan untuk membasmi kemiskinan ini telah dirangka sehingga bila kemiskinan rakyat di luar bandar ini dapat dibasmi, adakah dalam jangka 15 tahun ataupun jangka sehingga tahun 2050? Terima kasih.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang Dipertua, mengenai peratusan saya perlu notis. Walau bagaimanapun, untuk menjawab tentang hakikat cara mana Kerajaan mengukur garis kemiskinan, kita telah katakan tahap kemiskinan ini dikira mengikut angka-angka kita sendiri, yang sebenarnya berubah daripada dahulu dan sekarang. Jadi tahap kemiskinan yang ada ini dikira agak tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara lain yang sedang maju. Jadi dalam hal ini sudah tentu kita mengambil banyak perkiraan dan penilaian yang lain, yang mana umpamanya kalau kita turunkan peratusan pendapatan tiap-tiap bulan, dengan sendirinya angka ataupun peratusan kemiskinan yang ada di negara ini akan turun dan saya tidak menyangkakan bahawa kita mempunyai satu matlamat dari segi masa di mana kita dengan pasti dapat mengatakan kemiskinan akan dengan sendirinya terhapus.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bagi mengatasi masalah kemiskinan rakyat di luar bandar yang sekarang ini kalau kita lihat memang daif, kadangkala tidak dapat makan pun ada, dan di samping itu juga mereka ini tidak mempunyai tanah dan

seterusnya. Oleh itu saya ingin bertanya, adakah pihak Kerajaan bercadang oleh kerana di luar-luar bandar yang pendalaman banyak tanah-tanah Kerajaan yang masih kosong untuk dapat diberi kepada mereka ini untuk memajukan tanah-tanah tersebut bagi mengelakkan kemiskinan-kemiskinan yang berlaku, khususnya di pendalaman dalam negara kita?

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang Dipertua, strategi pemberian tanah ini bukan secara langsung, di mana umpamanya jika terdapat penduduk-penduduk luar bandar yang mengaku mereka tidak mempunyai tanah, maka Kerajaan akan memberi tanah. Kita memberi tanah dengan cara dirancangan, umpamanya, melalui program-program seperti FELDA di mana mereka yang tidak mendapat pekerjaan tetapi di kampung, tidak mempunyai tanah, akan ditempatkan di rancangan FELDA di mana mereka akan memiliki satu kawasan untuk rumah dan untuk kebunnya sendiri mengikut sistem blok yang ada.

Selain daripada itu, kita juga umpamanya menyediakan tanah-tanah melalui program-program agensi-agensi yang lain seperti RISDA dan FELCRA dan juga agensi-agensi di bawah Kerajaan-kerajaan Negeri.

Strategi kita ialah mengatasi masalah kemiskinan dan masalah mereka tidak memiliki tanah dengan diberikan secara perancangan tanpa umpamanya kita memberi secara terus di mana mengikut pengalaman jika kita mengharapkan mereka ini yang sudah pun mendapat satu pendapatan yang tetap untuk memajukan tanah kita dapati bahawa mereka tidak mempunyai kemampuan untuk berbuat demikian.

Tuan Loo Swee Mok: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, pihak Kerajaan untuk mempertingkatkan taraf hidup rakyat telah melaksanakan berbagai-bagai

projek pembangunan termasuk membuka tanah baru untuk kepentingan golongan miskin. Adakah pihak Kementerian sentiasa memberi galakan kepada semua kaum supaya mereka dapat menyertai semua projek-projek pembangunan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dan supaya mereka dapat menikmati hasil dari Dasar Ekonomi Baru yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:

Tuan Yang Dipertua, dalam rangka kita meninggikan tahap kemiskinan khususnya yang dirangka untuk mereka yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar kita tidak mengikut garis-garis mengikut kaum. Strategi kita ialah untuk memberi tahap hidup mengatasi kemiskinan bagi semua kaum.

Dalam hal ini, oleh kerana terdapat di kawasan luar bandar satu jumlah besar penduduk-penduduk datang daripada satu kaum sahaja, jadi seolah-olah ada gambaran strategi kerajaan ini ditunjukkan kepada satu pihak sahaja.

Sebenarnya ini adalah kurang tepat oleh kerana dari segi FELDA umpamanya mereka daripada kaum-kaum yang lain yang menghadapi masalah kemiskinan tidak memiliki tanah juga dijemput untuk menyertai rancangan-rancangan seperti FELDA yang saya sebutkan.

PARTI KOMUNIS MALAYA (PKM)

2. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada benar bahawa kumpulan pengganas komunis yang berada dalam hutan pada masa ini sudah tua-tua belaka; jika benar nyatakan:

- (a) sama ada mereka ini ada mengambil rekrut baru;
- (b) anggaran jumlah kekuatan kumpulan ini pada masa sekarang; dan
- (c) sejauh mana ancaman kumpulan ini kepada keselamatan negara.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat adalah benar bahawa pengganas-pengganas komunis yang bergerak sejak darurat pada masa ini sudahpun tua. Rekrut-rekrut baru sememangnya ada diambil oleh pihak Parti Komunis Malaya (PKM) di mana kebanyakan adalah terdiri dari kalangan rakyat Thai.

Setakat ini anggaran jumlah kekuatan PKM adalah seperti berikut:

Thailand Selatan jumlahnya 2,780 orang.

Semenanjung Malaysia jumlahnya 242 orang.

Ancaman kumpulan ini adalah pada tahap yang rendah kepada keselamatan negara memandangkan mereka menerima tekanan dari Pasukan Keselamatan serta kekurangan sokongan daripada orang ramai kepada kumpulan tersebut.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:

Soalan tambahan. Oleh kerana Parti Komunis Malaya ini yang diketuai oleh Chin Peng pada mula-mulanya, adakah pada hari ini yang Chin Peng yang sedang berada di negeri Komunis China masih lagi membuat arahan-arahan kepada Parti Komunis yang ada di sempadan Malaysia ini.

Pertanyaan saya yang kedua, adakah di antara sahabat-sahabat Chin Peng ini juga yang telah melarikan diri, berselindung atau dilindungi oleh Kerajaan Republik Rakyat China pada masa sekarang ini.

Ketiga, berapa ramaikah saki baki pengganas komunis yang masih berada di Sarawak dan bilangan mereka yang telah kembali ke pangkuan masyarakat.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, sepertimana yang disebutkan tadi oleh kerana pengganas-pengganas komunis ini bergerak sejak begitu lama dari darurat yang pertama

iaitu pada tahun 1948 hinggalah pada tahun 1960 maka terdapat ketua-ketua mereka yang berusia di antara 50 sehingga 65 tahun sekarang dan memandangkan keadaan ini ada pula di antara mereka yang telah diarah bersara dan kembali ke pangkuan masyarakat.

Untuk menjawab dengan tepatnya adakah arahan masih diterima daripada pihak Chin Peng yang berada di negeri China, saya hanya boleh menyatakan bahawa dari masa ke semasa arahan diterima dari pucuk pimpinan mereka di negeri China, adakah dari Chin Peng atau tidak, itu tidak bolehlah dijawab dengan tepatnya.

Jumlah mereka yang berada di Sarawak, saya inginlah mendapat notis terlebih dahulu untuk menjawab dengan tepatnya.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Soalan tambahan. Saya ingin tahu setakat manakah benar bahawa komunis-komunis sekarang ini sedang mendapat kerjasama ataupun pertolongan daripada Orang-orang Asli di negara kita ini.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, sepertimana yang kita semua sedia maklum, pihak komunis sekarang ini berada dalam keadaan defensive dan offensive. Defensive bermakna mereka, dengan izin, mengadakan keadaan low profile; offensive, mereka memperalatkan ataupun mengeksploitasikan isu-isu yang sensitif dan di antara golongan yang menerima sasaran ialah kumpulan Orang-orang Asli. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat pihak keselamatan kita selalu mengawasi perkampungan Orang Asli dan buat sekarang ini tidaklah begitu hebat ancaman kepada perkampungan Orang Asli.

Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman: Menurut angka yang diberi oleh Kementerian berhubung dengan Angkatan Parti Komunis Malaya ini, pada pendapat saya Angkatan ini tidak

akan berkembang tetapi adakah Kementerian sedar bahawa setelah komunis ini tidak berjaya gerakan-gerakan secara offensive ataupun defensive mereka telah mengubah corak perjuangan iaitu daripada hutan mereka masuk ke bandar dengan memasuki saluran-saluran fahaman komunis ke dalam parti-parti, pertubuhan atau sebagainya lagi iaitu cara sulit. Jika sedar, apakah langkah untuk mengatasinya?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana menimbulkan kesedaran bahawa memanglah pihak komunis ini sentiasa menjalankan kegiatan mereka baik di dalam hutan ataupun di bandar-bandar dan pihak Kementerian dengan kerjasama pasukan keselamatan selalu mengawasi gerak-geri mereka dan dari masa ke semasa tindakan undang-undang diambil terhadap bukan sahaja mereka bahkan penyokong-penyokong mereka. Sebab itulah kita mengekalkan Akta Keselamatan Dalam Negeri mungkin buat selama-lamanya.

BMF — LAPORAN JAWATANKUASA PENYIASATAN

3. Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) reaksinya setelah "Interim" report oleh Jawatankuasa Penyiasat berkenaan dengan isu BMF dikeluarkan; dan
- (b) tindakan Kerajaan memikirkan lain-lain usaha atau jalan yang lebih berkesan lagi bagi menentukan agar skandal ini dapat dikupas habis-habisan dan orang-orang yang bertanggungjawab di atas penyelewengan ini diberkas.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom Jan Pos (Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar): Tuan Yang Dipertua,

- (a) sepertimana yang telah dinyatakan pada masa-masa yang lepas isu-isu berhubung dengan ini mungkin melibatkan penyalahgunaan wang rakyat dan penyalahgunaan kuasa oleh pegawai-pegawai BMF, Hong Kong. Mana-mana orang yang bersalah perlu dibawa ke pengadilan dan Kerajaan tidak akan memberi apa-apa perlindungan kepada mereka.
- (b) Jawatankuasa Penyiasat berhubung dengan isu pinjaman BMF, Hong Kong belum lagi selesai menjalankan penyiasatannya. Oleh itu, tindakan Kerajaan selanjutnya tidak dapat diputuskan buat masa ini dan ianya akan bergantung kepada laporan-laporan lengkap dan terakhir daripada Jawatankuasa tersebut.

PEMBANTU HOSPITAL DI KLINIK LADANG

4. Tuan D. P. Vijandran minta Menteri Buruh menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat banyak ladang-ladang yang mempunyai klinik yang diuruskan oleh pembantu-pembantu hospital yang tidak mempunyai kelayakan serta bekalan ubat yang tidak mencukupi yang menyebabkan pekerja-pekerja ladang dirawat dengan kurang baik serta mendatangkan beberapa komplikasi; jika ya, apakah tindakan yang sedang diambil untuk mengatasi perkara ini.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang Dipertua, klinik-klinik ladang biasanya diuruskan oleh pembantu-pembantu hospital yang berkelayakan iaitu sekurang-kurangnya Pembantu Hospital Gred III. Mereka itu adalah dibawah penyeliaan Pegawai Perubatan Pelawat.

Berhubung dengan bekalan ubat yang dikatakan tidak mencukupi dan

rawatan yang kurang baik, sekiranya hal yang demikian itu diketahui maka Kementerian saya akan merujukkan perkara itu kepada Pegawai Kesihatan untuk mendapat nasihat/syor-syor daripadanya. Kementerian saya juga akan memastikan nasihat/syor-syor Pegawai Perubatan itu adalah dipatuhi oleh pihak majikan sewajarnya.

Di samping itu juga pegawai-pegawai dari Kementerian Buruh sentiasa menjalankan pemeriksaan ke ladang-ladang untuk memastikan kemudahan-kemudahan perubatan dan kesihatan yang dibekalkan adalah memuaskan.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Datuk Abang Haji Ahmed Urai.

Tuan Kenneth Kanyan anak Temenggong Koh: Tuan Yang Dipertua, dengan izin, Soalan No. 5.

KALIMANTAN BARAT DENGAN SARAWAK

5. Tuan Kenneth Kenyan Anak Temenggong Koh (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bahagian jalanraya di antara sempadan, Kalimantan Barat dengan Sarawak di kawasan Tebedu dalam Bahagian Pertama hingga sekarang belum bersambung dengan sempurnanya dan dengan demikian ianya menyebabkan kesukaran bagi rakyat di kedua-dua belah sempadan tersebut menjalankan perdagangan yang lebih giat dan lawatan muhibbah yang lebih selesa.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya memang sedar bahawa jalanraya di antara sempadan Sarawak dengan Kalimantan Barat di kawasan Tebedu dalam Bahagian Pertama masih belum disambungkan dengan sempurnanya hingga ke masa ini. Jauhnya jalan ini yang belum disambungkan di antara Sarawak dengan Kalimantan Barat di kawasan Tebedu itu ialah 500 meter.

Kementerian saya adalah bersedia untuk menyiapkan jalan ini pada bila-bila masa sahaja. Masalahnya ialah terletak kepada persediaan kemudahan-kemudahan Imigresen, Kastam dan lain-lain langkah keselamatan yang belum lagi disediakan di kawasan ini. Kemudahan-kemudahan ini terpaksa dipersetujui dan peruntukannya disediakan dan projek-projek disediakan bersama sebelum Kementerian saya dapat melaksanakan pembinaan jalan bagi menyambung Sarawak dengan Kalimantan Barat di kawasan Tebedu yang berkenaan itu.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang Dipertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, adakah Kementerian Kerjaraya membuat rancangan jangka panjang bagi negara kita untuk mengadakan satu 'inter-State highway' ataupun lebuhraya antara negeri-negeri iaitu seperti Sabah, Sarawak, Negara Brunei Darussalam dan Kalimantan Barat, Indonesia seperti Banjar Masin dan Pontianak.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang Dipertua, soalan itu lain daripada soalan asal.

BANK BUMIPUTRA — MENSWASTAKAN

6. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan mengkaji untuk menswastakan Bank Bumiputra; jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang Dipertua, Bank Bumiputra tidak perlu lagi diswastakan memandangkan ianya sebuah Institusi Bank yang berdaftar di bawah Akta Bank, 1973.

PUSAT PENERBITAN R.T.M. KAWASAN UTARA

7. Tuan Ahmad bin Othman minta Menteri Penerangan menyatakan sama

ada Kerajaan sedar bahawa batu asas tapak Pusat Penerbitan R.T.M. Kawasan Utara (Production Centre) diletakkan pada 22.1.1980 oleh Duli Yang Maha Mulia Tunku Sultan Kedah; jika sedar nyatakan bila bangunan itu hendak dibina atau Kerajaan bercadang hendak membatalkan sahaja projek tersebut.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang Dipertua, memang termasuk dalam rancangan Kementerian Penerangan untuk menubuhkan sebuah Pusat Penerbitan RTM kawasan utara yang akan diadakan di Mukim Pengkalan Kundur, Daerah Kota Setar, Kedah. Satu tapak seluas 10 ekar telah diambil di daerah tersebut pada tahun 1979. Kerja-kerja membekal, menambun tanah merah serta merata tapak tanah telahpun disiapkan pada tahun 1982 dan lukisan bangunan serta perancangan dalam projek ini telah disiapkan. Pusat Penerbitan kawasan ini melibatkan pembinaan sebuah auditorium yang boleh memuatkan seramai 500 orang penuntun dan kemudahan-kemudahan penerbitan rancangan TV dan radio seperti stereo, bilik suntingan bilik pusat kawalan dan lain-lain.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini oleh kerana keadaan ekonomi negara, pembinaan Pusat Penerbitan ini terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu. Walau bagaimanapun, Kementerian Penerangan akan memberi keutamaan yang tinggi kepada projek ini dan akan memasukkan perlaksanaannya ke dalam cadangan Rancangan Malaysia yang Kelima.

PERDANA MENTERI MELAWAT MALDIVES

8. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan hasil lawatan beliau dan hasil perbincangan dua hala dengan pemimpin negara Maldives semasa beliau ke sana baru-baru ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir): Tuan

Yang Dipertua, mengenai soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah itu, ingin saya memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan yang hampir serupa telah saya buat semasa menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Haji Latip Haji Dris pada 4-12-84, Saya tiada sebarang tambahan kepada jawapan tersebut.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Soalan tambahan. Tuan Yang Dipertua, seperti mana jawapan Yang Berhormat Menteri bahawa kerjasama teknikal di antara Kerajaan Malaysia dengan Maldive ini telahpun terjalin. Demikian juga beberapa bantuan-bantuan yang telah kita salurkan. Pertanyaan saya kepada yang Berhormat Menteri, adakah tawaran Malaysia kepada Maldive ini khasnya kepada penuntut-penuntut dari Maldive ini telah diberikan peluang belajar di Malaysia ini dimasukkan dalam universiti-universiti tempatan. Jika ada berapa ramai daripada rakyat Maldive ini telah menuntut di Malaysia ini.

Tuan Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, memang sebagaimana yang telahpun ditanya oleh Ahli Yang Berhormat, kita telahpun memberi beberapa peluang latihan kepada rakyat dan pegawai-pegawai Kerajaan Maldive. Tentang bilangan yang tepat itu, saya minta maaf, saya tidak dapat memberinya sekarang. Begitu juga kita telah memberi beberapa peluang untuk mengikuti pelajaran di Universiti Islam Antarabangsa kepada pelajar-pelajar dari Maldives juga.

LEMBAGA PERPADUAN NEGARA

9. Dato' S. Govinda Raj minta Perdana Menteri menyatakan bahawa, untuk menyekat wujudnya polarisasi kaum dan agama yang boleh menjejaskan perpaduan negara, yang mana beliau sendiri memandang berat perkara ini, sama ada beliau akan menimbang untuk menukar Lembaga Perpaduan Negara

kepada Kementerian Perpaduan Negara supaya tanggungjawab dan bidangkuasa Jabatan ini lebih luas dan dapat memberikan perkhidmatan yang lebih efektif.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. James P. Ongkili): Tuan Yang Dipertua, Jabatan Perpaduan Negeri telah mengalami beberapa perubahan nama sejak ia diwujudkan dalam tahun 1969. Ia pernah dikenali sebagai Kementerian Perpaduan Negara dan kemudian sebagai Lembaga Perpaduan Negara. Bagaimanapun perubahan-perubahan dari segi nama ini tidak mengubah tanggungjawab asas dan bidang kuasa yang diberikan kepada jabatan ini. Jabatan Perpaduan Negara sekarang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Tugas-tugasnya diawasi oleh seorang Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dalam pada itu tanggungjawab mengatasi masalah polarisasi kaum di negara ini tidak tertumpu kepada Jabatan Perpaduan Negara sahaja. Agensi-agensi Kerajaan yang lain juga terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha mewujudkan perpaduan kaum di negara ini melalui program dan aktiviti mereka masing-masing. Satu penyelarasan yang berkesan diperlukan terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh agensi-agensi tersebut. Tugas penyelarasan ini difikirkan lebih sesuai dijalankan oleh sebuah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri daripada sebuah Kementerian yang berasingan. Oleh itu Kerajaan tidak bercadang untuk menukar taraf Jabatan Perpaduan Negara kepada sebuah Kementerian.

Jabatan Perpaduan Negara adalah dibantu oleh sebuah panel penasihat yang dianggotai oleh hampir lebih kurang 15 orang wakil daripada Kerajaan dan juga swasta. Panel ini sentiasa mengawasi dan menilai perkembangan dan arus perhubungan antara kaum

yang wujud di negara ini dan seterusnya menasihatkan Kerajaan mengenai hal-hal tersebut.

PROJEK TAR JALANRAYA — ANGGARAN

10. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Kerja Raya menyatakan jumlah anggaran untuk menyiapkan setiap satu batu projek tar jalanraya di negara ini.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang Dipertua, jumlah anggaran untuk menyiapkan setiap satu kilometer projek tar jalanraya adalah tertakluk kepada beberapa faktor. Faktor-faktor itu termasuklah seperti jenis taraf jalan yang dicadangkan. Kawasan di mana jalan itu hendak dibina. Sama ada kawasan itu mempunyai banyak kemudahan infrastruktur seperti mempunyai kebel elektrik dan telekom, saluran air paip dan sebagainya yang terpaksa mengalir ataupun kawasan-kawasan itu tidak mempunyai kemudahan-kemudahan infrastruktur yang disebutkan untuk dialih dan juga keadaan tofografi yang berkenaan itu. Pada amnya kos membina satu kilometer jalanraya dua hala bagi empat lorong ialah di antara \$4 juta hingga \$5 juta dan bagi jalanraya yang mempunyai dua hala bagi dua lorong ialah di antara \$1.5 juta hingga \$2 juta kos pembinaan bagi lebuhraya yang dikendalikan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia pula ialah di antara \$4.5 juta hingga \$5.5 juta sekilometer.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri dan saya rasa soalan saya boleh dijawab.

Kita lihat apabila pembaikan jalan-jalan umpama Lebuhraya Seremban/Kuala Lumpur yang mana kita lihat kontraktor itu membaiki lebuhraya itu berselang-seli, lepas membaiki satu batu dibuat di tempat lain. Tidakkah Kementerian sedar supaya pembaikan jalan biar dibuat seterusnya satu batu lepas

itu sambung, bukan ditebuk sana, ditebuk sini bagi menyusahkan lalu-lintas? Tidakkah ada rancangan supaya perkara ini dapat dijalankan dengan teratur di masa yang akan datang bukan di lebuhraya sahaja tetapi kesemuanya?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang Dipertua, seperti apa yang dikatakan tadi oleh Ahli Yang Berhormat semua rancangan-rancangan untuk memperbaiki jalan di Lebuhraya Seremban/Kuala Lumpur ialah mengikut keadaan kerosakan yang telah berlaku. Jikalau tidak ada apa-apa kerosakan, kita tidak memperbaiki di kawasan itu. Jadi ini bukanlah satu rancangan untuk membaiki jalan daripada Kuala Lumpur ke Seremban tetapi di tempat yang mana kita nampak ada kerosakan, itu sahaja. (*Ketawa*).

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan R. M. Jasni.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang Dipertua, dengan izin, soalan No. 11.

KEMPEN KOMUNIKASI ANTARA IBU-BAPA DENGAN ANAK-ANAK

11. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Jabatan Perdana Menteri bercadang untuk mengadakan kempen komunikasi antara ibu-bapa dengan anak-anak sebagai merapatkan jurang generasi.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat usaha merapatkan hubungan di antara ibu-bapa dan anak-anak telahpun merupakan satu aktiviti berterusan yang sedang dijalankan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat. Oleh itu Jabatan Perdana Menteri tidak bercadang untuk mengadakan kempen komunikasi seperti yang dicadangkan buat masa ini.

PEMAJU PERUMAHAN — KESELAMATAN DIKENAKAN

12. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau berpuas hati dengan keselamatan yang dikenakan kepada pemaju perumahan yang menjalankan projek berhampiran kawasan kediaman supaya tidak membahayakan penduduk-penduduk terutama sekali kanak-kanak dan jika tidak, apakah langkah yang akan dikenakan bagi mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang Dipertua, saya berpuas hati dengan keselamatan yang dikenakan kepada pemaju-pemaju perumahan yang menjalankan projek berhampiran dengan kawasan kediaman. Biasanya penguasa-penguasa tempatan sebelum meluluskan sesuatu pelan bangunan dan permit akan mengambil perhatian tentang keselamatan bukan sahaja kepada orang-orang yang terlibat dalam pembinaan sesuatu bangunan atau projek tetapi juga keselamatan orang ramai yang tidak terlibat dalam pembangunan terutama sekali kanak-kanak sekiranya pembangunan itu berlaku di sekitar kawasan kediaman.

Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) ada menyentuh tentang langkah-langkah keselamatan yang patut diambil oleh seseorang pemaju bangunan. Misalnya Seksyen 82 Akta 133 mengandungi peruntukan di mana papan dinding, dengan izin, "hoarding" hendaklah didirikan dalam masa kerja-kerja bangunan dijalankan. Selanjutnya papan dinding atau pagar mestilah berada dalam keadaan baik dan memuaskan dan papan dinding atau pagar itu mestilah diterangi dengan lampu dengan sempurna pada waktu malam.

Sesiapa yang melanggar peruntukan ini adalah melakukan kesalahan dan akan dikenakan denda. Papan-papan

kenyataan adalah juga dipamirkan oleh pemaju-pemaju di kawasan projek untuk menasihatkan orang ramai tentang bahaya kawasan itu dan sesiapa yang melanggar peraturan itu akan didakwa oleh pemaju.

Selain daripada peruntukan-peruntukan perundangan ini, adalah juga terdapat ibu-bapa yang mengawasi kanak-kanak daripada memasuki kawasan yang bahaya seperti kawasan-kawasan pembinaan perumahan atau bangunan.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Sebentar tadi Yang Berhormat telah menyatakan bahawa Seksyen 82 Akta 133 yang menyatakan pihak pemaju dan juga pihak Kerajaan boleh mendakwa. Di sini saya ingin bertanya, adakah pihak Kementerian sedar tiap-tiap bangunan di luar bandar ataupun dalam bandar umpamanya di dalam Kuala Lumpur ini sahaja di kawasan Segambut, umpamanya projek perumahan telah dibuat di situ tiga kawasan. Tetapi sebelum itu kawasan kampung itu tidak pernah dilanda oleh banjir ataupun tidak pernah pasir menimbusi jalan tetapi sekarang ini telah penuh sehingga keselamatan kampung telah terancam, tetapi pihak Kerajaan atau pihak perumahan tidak mengambil apa-apa tindakan. Hanya di sini menyatakan pihak pemaju boleh mengambil tindakan. Bagaimana pula, bolehkah pihak penduduk-penduduk ambil tindakan kepada pemaju?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang Dipertua, soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat adalah berlainan. Walau bagaimanapun, suka saya menerangkan sedikit bahawa ada kawasan-kawasan di mana selepas projek-projek perumahan dijalankan kawasan itu dilanda banjir. Ini Kementerian saya dan penguasa tempatan sedar. Tetapi bukanlah biasanya projek-

projek perumahan yang menyebabkan banjir. Ada sekali sekala di mana projek itu menyebabkan banjir tetapi ada juga sebab-sebab lain yang mengakibatkan banjir berlaku seperti parit-parit dan juga lain-lain yang tidak dibuat dengan sempurna. Walau bagaimanapun kalau Ahli Yang Berhormat ada butir-butir yang lanjut yang menerangkan bahawa projek perumahan yang mengakibatkan banjir berlaku, kita boleh menyasat dan mengambil tindakan jika dakwaan itu didapati betul.

SISTEM KAD PERAKAM WAKTU

13. **Tuan Loo Swee Mok** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau telah mengambil tindakan tatatertib terhadap kakitangan Kerajaan yang telah menyeleweng dari mematuhi sistem perakam waktu semenjak mengamalkan sistem itu dari tahun 1981 hingga sekarang; dan jika ada, berapa banyakkah kakitangan Kerajaan yang telah diambil tindakan tatatertib.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang Dipertua, semenjak Kerajaan mengamalkan sistem kad perakam waktu Kerajaan telah mengambil tindakan memberi amaran kepada 4,843 kakitangan dan mengambil tindakan-tindakan tatatertib mengikut Perintah Am Bab 'D' 1980.

Setakat ini seramai 343 orang kakitangan Kerajaan telah diambil tindakan tatatertib kerana melanggar peraturan sistem kad perakam waktu?

Tuan Loo Swee Mok: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah pihak Kementerian mengesan jika seseorang kakitangan Kerajaan lewat tiba ke pejabat ada orang lain mewakilinya menekan kad perakam waktu.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang Dipertua, sebenarnya kita tidak perlu kesian oleh kerana tempat-

tempat di mana sistem kad ini ditempatkan akan tidak membolehkan mereka ini menyuruh orang lain berbuat demikian kerana dia ditempatkan di mana umpamanya terdapat pegawai-pegawai bertugas di situ.

Jadi sekiranya Yang Berhormat adalah mengesan sendiri barangkali bolehlah dia tolong laporkan kepada kita, kita pun hendak menyasat di mana tempat yang berlaku ini.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Soalan tambahan. Di antara bilangan pegawai-pegawai Kerajaan yang diberi amaran itu yang mana lebih banyak, lelaki atau perempuan? (*Ketawa*)

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang Dipertua, kalau saya membuat klasifikasi mengikut lelaki dan perempuan, panjang ceritanya. Tetapi saya hendak katakan dari segi kategori pegawai itu boleh dikatakan semua golongan. Memang mengikut peraturan kita memandangkan kepada hasrat wanita sekarang, kita tidak kategorikan selaku lelaki dan perempuan. Nampaknya dua-dua sama rajin dan barangkali kedua-dua pun barangkali adalah terlekat sedikit.

Tuan Haji Mohamed bin Yahya: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, berapakah perbelanjaan wang yang telah dibelanjakan kerana membeli perakam waktu.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Ini saya betul-betul memerlukan notis, Tuan Yang Dipertua, Terima kasih (*Ketawa*).

DOKTOR PAKAR — KEKURANGAN

14. **Puan Habibah binti Abdul Ghani** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada bilangan doktor pakar ini masih berkurangan; sama ada benar dengan sebab kekurangan doktor pakar, pesakit-pesakit terpaksa dihantar dari hospital lain ke General Hospital, Kuala

Lumpur; jika benar, apakah cara untuk mengatasinya.

Menteri Kesihatan (Dato Chin Hon Ngian): Tuan Yang Dipertua, saya suka memberitahu Dewan yang mulai ini bahawa pada 15-9-1984 daripada 323 jawatan pakar tingkatan tertinggi di Kementerian Kesihatan, sebanyak 150 jawatan telahpun diisi, menjadikan kekurangan pakar-pakar sebanyak 53.6%. Walau bagaimanapun, selain daripada pakar-pakar tingkatan tertinggi ini, Kementerian Kesihatan mempunyai 179 pakar-pakar klinikal yang dapat memberikan perkhidmatan kepakaran di hospital-hospital. Oleh itu jumlah bilangan pakar-pakar di dalam perkhidmatan Kerajaan bagi kedua-dua jawatan pakar tingkatan tertinggi dan pakar-pakar klinikal tingkatan biasa adalah 329 orang.

Adalah tidak benar bahawa semua kes-kes dirujuk ke Hospital Besar, Kuala Lumpur untuk mendapatkan rawatan kepakaran. Perkhidmatan kepakaran disediakan di semua hospital besar di setiap negeri dan di hospital daerah yang besar yang terpilih. Oleh yang demikian, pesakit-pesakit dari hospital daerah yang tidak mempunyai perkhidmatan kepakaran boleh dirujuk ke hospital sahaja ke hospital daerah yang mempunyai doktor pakar, tetapi juga ke hospital-hospital besar di negeri masing-masing jika memerlukan rawatan. Hanya kes-kes yang memerlukan kepakaran "Hyper Specialisty" sahaja dirujuk ke Hospital Besar, Kuala Lumpur.

LAGU NEGARAKU — LARANGAN GURU AGAMA

15. Tuan Haji Mohamed bin Yahya, minta Menteri Pelajaran menyatakan benar ada guru-guru di sekolah agama yang melarang murid-murid menyanyikan lagu NEGARAKU; jika ada apakah tindakan Kementerian terhadap guru-guru itu.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang Dipertua, sepanjang pengetahuan Kementerian ini, tidak ada guru-guru di sekolah agama iaitu Sekolah-Menengah Kebangsaan Agama yang melarang murid-muridnya menyanyikan lagu NEGARAKU. Sekiranya Yang Berhormat ada maklumat yang tepat dan lengkap mengenai kejadian ini, silalah berikan kepada Kementerian saya supaya tindakan yang sewajarnya boleh diambil terhadap mereka.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan Kementerian Pelajaran tidak mendapat tahu soal ini, tetapi dalam suratkhbar kalau tidak silap saya 2-3 minggu yang lepas heboh perkara ini disiarkan. Oleh itu tidakkah ada pihak Kementerian atau pegawai-pegawainya sendiri untuk menyasat perkara ini benar ataupun tidak supaya dapat kami tahu benar ataupun tidak, atau hanya dibohong-bohongan sahaja oleh akhbar-akhbar dalam negara kita ini.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang Dipertua, apa yang saya maksudkan ialah laporan rasmi tidak disampaikan kepada kami dan tidaklah boleh kita mengambil tindakan semata-mata berasaskan kepada apa yang dilaporkan dalam suratkhbar, kerana mengikut Peraturan Mesyuarat pun apa yang dilaporkan dalam suratkhbar itu tidak boleh dikemukakan sewenang-wenangnya.

PELAMPAU AGAMA MERACUNI FIKIRAN RAKYAT

16. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat kegiatan golongan radikal dan pelampau agama telah masuk ke kampung-kampung bagi meracuni fikiran rakyat supaya menentang Kerajaan dan Raja; jika sedar, nyatakan apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh Kementerian untuk

memberi penerangan di kampung-kampung baru membantarasnya.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato Chan Siang Sun): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Penerangan sedar akan golongan radikal dan pelampau agama yang bergerak di kampung-kampung bagi meracuni fikiran rakyat supaya menentang Raja dan Kerajaan Barisan Nasional.

Kementerian saya sentiasa mengikuti gerak-geri mereka dengan tujuan untuk mengambil tindakan bagi membetulkan keadaan. Dalam usaha memerangi dakyah-dakyah dan tuduhan-tuduhan melulu terhadap Kerajaan oleh golongan ini, Kementerian saya yang berfungsi sebagai penyokong di dalam usaha-usaha membangunkan negara sentiasa memainkan peranan kami seperti yang dipertanggungjawabkan kepada kami.

Fungsi Kementerian Penerangan berkait rapat dengan fungsi dan tugas lain-lain Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan. Pendek kata tugas dan peranan kami antara lain ialah membantu dan membolehkan pihak-pihak yang arif menyampaikan huraian masing-masing di samping memastikan agar huraian penting disalurkan kepada orang ramai melalui media-massa.

Kementerian saya menyampai serta menterjemahkan huraian-huraian tersebut dalam bentuk yang konkrit dan mudah difahami keseluruhan pelusuk tanah air melalui media elektronik seperti radio dan televisyen, media filem dan komunikasi bersemuka.

Kementerian saya melalui Jabatan-jabatan di bawahnya juga merangka dan mewujudkan beberapa program-program keagamaan yang bersesuaian dengan suasana yang terdapat pada masa ini. Program-program tersebut berbentuk tafsiran Al-Quran, forum, ceramah, huraian hadis dan penyebaran risalah-risalah dan ucapan-ucapan

pemimpin-pemimpin negara dan tokoh-tokoh agama yang mempunyai fikiran positif.

Dalam rancangan forum dan ceramah melalui radio dan televisyen dan kursus sivik yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan, umpamanya, kami menjemput pakar-pakar akademik dan alim ulama untuk menghurai dan mengesahkan isi kandungan dan pendapat atau pandangan dari sudut agama terhadap sesuatu isu yang timbul.

Pada keseluruhannya sambutan dan kesan terhadap program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian Penerangan adalah memuaskan.

Dari maklumbalas yang diterima adalah didapati program-program tersebut amat sesuai dengan suasana yang wujud sekarang. Di samping itu Kementerian Penerangan juga sentiasa memberi perhatian terhadap kritik-kritik dan pandangan-pandangan yang membina. Sekiranya munasabah dan berpatutan pihak Kementerian akan melayaninya.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Oleh kerana sekarang ini rakyat tertanya-tanya mengenai dengan penyebaran Kertas Putih yang dibentang oleh Kerajaan, adakah Kementerian Penerangan sedar bahawa penyebaran Kertas Putih kepada orang ramai terlalu kurang. Di beberapa daerah pembahagiannya tidak sepatutnya dihantar sebegitu sedikit. Adakah ini kerana kekurangan peruntukan untuk mencetak ataupun memang sengaja dibuat untuk sebanyak itu sahaja.

Dato Chan Siang Sun: Tuan Yang Dipertua, perkara ini kita akan siasat, jikalau ada didapati kekurangan, kita akan tambah kekurangan itu.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Puan Lim Sean Lean.

Lt. Kol (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Tuan Yang Dipertua, dengan izin, Soalan No. 17.

KURSUS KEPIMPINAN

17. Lt. Kol (B) Abdul Hamid bin Ibrahim (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar akan aktiviti-aktiviti untuk mengadakan Kursus Kepimpinan di beberapa kawasan demi memberi latihan dan kesedaran kepada rakyat khususnya para belia telah diberhentikan baru-baru ini; jika sedar, apakah sebab-sebabnya.

Dato Chan Siang Sun: Tuan Yang Dipertua, sekiranya Kursus Kepimpinan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu merujuk kepada Kursus-kursus Sivik yang dijalankan oleh Jabatan Penerangan, sukacita dinyatakan di sini bahawa kursus-kursus tersebut tidak pernah dihentikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kursus-kursus dan kegiatan-kegiatan yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan adalah seperti berikut:

Kursus Sivik (Khemah Kerja); Perhimpunan Sivik (Majlis Dailog); Hari Sivik; Lawatan Sivik; Jamuan Sivik dan Majlis Penerangan Keselamatan. Ini semuanya masih berjalan tidak diberhentikan.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Kedapatan ada permohonan-permohonan untuk mengadakan Hari Sivik dan Kursus Sivik dijawab oleh pihak negeri mengatakan peruntukan sudah tidak cukup. Adakah Kementerian bercadang untuk mendapatkan peruntukan yang lebih banyak untuk menganjurkan lebih banyak lagi Kursus-kursus Sivik, Perhimpunan Sivik, Hari Sivik, Lawatan Sivik untuk menerangkan kepada rakyat seluruh negara hal-hal semasa yang semakin panas sekarang ini.

Dato Chan Siang Sun: Tuan Yang Dipertua, keadaan yang timbul semacam itu barangkali oleh kerana sudah sampailah bulan Disember jadi tidak lama lagi kita akan, dengan izin, closing of account.

Mengenai perkara yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu supaya kita akan menambahkan peruntukan dalam tahun 1985 akan datang ini, insya Allah, kita akan tambah banyak lagi.

KUMPULAN DAKWAH MENGHASUT MENYINTAI AKHIRAT

18. Puan Hajjah Hafsa binti Osman minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan sedar, bahawa wujudnya kumpulan dakwah yang menghasut pengikut mereka supaya menyintai akhirat semata-mata dan adakah disedari bahawa gerakan ini telah membunuh rasa tanggungjawab rakyat terhadap negara; kalau sedar, apakah langkah yang diambil untuk mengatasinya.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan tidak ada bukti tepat bahawa adanya pergerakan dakwah yang menghasut pengikut-pengikutnya supaya mencintai akhirat semata-mata dan berterima kasih sekiranya Yang Berhormat dapat memberi tahu pihak yang berkuasa mengenai agama sekiranya mengetahui adanya hal ini supaya ditentukan corak tindakan.

Apa yang didapati pada masa ini ialah wujudnya individu-individu yang terlalu menumpukan kehidupannya kepada akhirat semata-mata sehingga mengabaikan tanggungjawabnya sebagai ahli keluarga dan masyarakat seperti yang dituntut oleh Islam sebenarnya. Lazimnya individu-individu seperti ini bertindak sedemikian kerana hendak mengisi kekosongan pengetahuan mengenai Islam yang telah diabaikan selama ini. Dalam pada itu ada juga di

kalangan mereka yang terpengaruh dengan amalan rakan-rakan mereka berbuat demikian. Kita percaya di dalam jangka panjang mereka yang terlibat akan menghayati ajaran Islam. Namun demikian, mereka ini berkehendakan bimbingan daripada ketua-ketua keluarga dan alim ulamak supaya tidak keterlaluan di dalam tindakan-tindakan mereka.

GURU MENGHASUT PELAJAR MENENTANG KERAJAAN

19. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar terdapat guru-guru di negara kita ini yang cuba menghasut pelajar-pelajar supaya menentang Kerajaan; dan jika benar, apakah tindakan yang telah diambil terhadap guru-guru tersebut.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang Dipertua, soalan yang serupa telahpun saya jawab di Dewan yang mulia ini pada 18.12.84 semasa menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed bin Yahya dan saya tidak berhajat hendak membuat apa-apa tambahan.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Beberapa bulan yang lepas ada kita kedapatan dalam suratkhbar dan diheboh begitu luas sekali bahawa salah sebuah sekolah di negeri Kedah iaitu di Sungai Petani terdapat beberapa orang guru yang menghasut murid-murid di situ supaya menentang Kerajaan. Jadi perkara ini telah dihebohkan begitu luas sekali. Saya ingin tahu bagaimanakah keadaannya dan apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian Pelajaran?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang Dipertua, perkara itu memang telah mendapat perhatian oleh pihak Kementerian dan itu bukanlah melibatkan guru itu menghasut pihak pelajar atau membenci Kerajaan. Itu ialah perkara menyentuh mengenai

tingkahlaku guru itu yang sedikit sebanyak tidak memuaskan pihak Kementerian dan Kerajaan dan kita telah dapat mengambil tindakan sewajarnya terhadapnya.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran menyedari bahawa tuduhan-tuduhan seperti ini semakin luas dan semakin banyak ditujukan kepada kaum guru kita, kita menyedari keadaan ini memang berlaku di setengah-setengah tempat. Jadi saya mengesyorkan kepada Kementerian Pelajaran supaya Kementerian Pelajaran menyenaraikan tindakan-tindakan atau perbuatan-perbuatan yang dikatakan menghasut pelajar atau murid menentang Kerajaan supaya mereka yang bergerak dengan cara itu dapat tahu bahawa tindakan dan perbuatannya itu menyalahi kehendak-kehendak negara kita sekarang ini. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran bersedia untuk berbuat demikian?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang Dipertua, memang apa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat itu kita sedia dan telahpun kita ambil kira semuanya dalam usaha kita untuk menentukan supaya guru-guru itu bertindak selaras dengan kehendak Kerajaan.

Misalnya mengenai apa yang telah saya perkatakan semalam semasa menjawab soalan yang hampir sama, saya perkatakan bahawa pihak Kementerian mempunyai cara-caranya yang dianggap sebagai cara yang berkesan dan lengkap untuk mengambil langkah tertentu terhadap perkara ini. Terutama sekali misalnya kalau kita menerima laporan mengenai adanya guru-guru yang terlibat ini kita memang mengambil langkah, dan pihak Kementerian, pihak Jabatan Pelajaran Negeri, pihak sekolah-sekolah dan kita semasa menyiasat perkara yang berlaku di Terengganu misalnya mengenai 10

orang guru itu, kita menyasiat dengan teliti dan kita hantarkan surat yang dikatakan 'show cause letter' kepada mereka untuk mendapat penjelasan daripada mereka dan didapati bahawa tidak cukup dan tidak lengkap bukti-bukti yang menunjukkan bahawa mereka itu terlibat dalam perkara ini. Walau bagaimanapun apa yang dikemukakan itu kita boleh ambil pertimbangan.

KURIKULUM BARU SEKOLAH RENDAH — PELAKSANAAN

20. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh mana pelaksanaan KBSR telah mencapai tahap yang dikehendaki di dalam bidang pembelajaran di negara ini.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang Dipertua, pada masa ini pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) secara penuh baru sampai ke tahun kedua dan pelaksanaan secara terhadap ataupun percubaan baru sampai ke tahun ketiga. Oleh kerana itu adalah masih awal untuk menilai program KBSR secara menyeluruh. Kementerian Pelajaran bercadang menjalankan penilaian ini setelah tamat tahap satu pada tahun 1985. Walau bagaimanapun dari perbincangan pengesanan dan makluman balik dari guru-guru didapati pencapaian murid-murid adalah sangat memuaskan. Mereka didapati juga sangat aktif dan berminat dalam semua aktiviti pembelajaran seperti yang dirancang oleh kita.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan K. Kumaran.

Tuan Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang Dipertua, dengan izin, soalan yang 21.

RAKYAT MALAYSIA DI BRITAIN MEMBURUK NAMA PERDANA MENTERI

21. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri

Luar Negeri menyatakan sama ada benar sekumpulan rakyat muda Malaysia yang bermastautin di Great Britain mengambil beberapa tindakan memburuk-burukkan nama (*character assassination*) Perdana Menteri kita, di negeri itu; jika benar, siapakah yang membantu mereka dan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk mematahkan perbuatan keji itu.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang kita sedia maklum, Kerajaan kita memang menghormati kebebasan rakyat kita menyuarakan pendapat mereka mengenai dasar-dasar Kerajaan mahupun keperibadian pemimpin-pemimpinnya asalnya ianya terbatas kepada kuatkuasaan undang-undang negara. Dengan hal yang demikian, lebih-lebih lagi dalam keadaan kebebasan yang terdapat di Great Britain, maka sudah tentulah akan terdapat berbagai-bagai pandangan dan pendapat mengenai soal-soal tersebut di kalangan rakyat kita yang bermastautin ataupun belajar di sana.

Pada keseluruhannya ini adalah suatu keadaan yang biasa dan pihak Kerajaan tidak bimbang mengenainya. Namun demikian, adakalanya sejumlah kecil penuntut kita diselewengkan pemikiran mereka dengan khabar-khabar dan berita-berita yang tidak berasas. Ini menyebabkan penuntut-penuntut ini mengeluarkan pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat yang tidak berasaskan dan kadangkalanya pula merugikan negara dari segi usaha Kerajaan untuk memupuk sebuah masyarakat Malaysia yang adil dan bersatu padu dan sebuah negara yang maju dan makmur.

Orang-orang yang bertanggungjawab berkenaan kegiatan ini biasanya adalah ahli-ahli ataupun penyokong-penyokong parti Pembangkang. Kerajaan sedang berusaha dengan sedaya upaya untuk membanteras

kegiatan ini dengan berbagai-bagai cara termasuk penyebaran berita-berita mengenai keadaan sebenar dalam negara kita. Para pemimpin Kerajaan juga selalunya digalak untuk menemui penuntut-penuntut dan rakyat kita semasa berada di luar negeri. Dengan cara ini kita berharap dapat membanteras sedikit sebanyak kegiatan-kegiatan yang tidak sihat tadi.

PITA RAKAMAN SUARA MEROSAKKAN KEHARMONIAN RAKYAT

22. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar tentang adanya penjualan berleluasa Pita Rakaman Suara yang merakamkan ucapan-ucapan yang boleh merosakkan perhubungan baik sangka di kalangan penduduk negara ini; jika sedar, sama ada Kementerian bercadang untuk mengkaji kesan negatif yang mungkin timbul hasil dari fenomena ini, serta sama ada Kerajaan akan menggubal dan melaksanakan undang-undang bagi membolehkan pita-pita ini ditapis sebelum diedarkan.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, Kementerian Dalam Negeri sedar kemungkinan terdapatnya penjualan pita rakaman yang merakamkan ucapan yang berpotensi menjejaskan keharmonian rakyat. Di atas kesedaran inilah maka pihak Kementerian Dalam Negeri telah menggubal Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 yang dijangka akan dapat mengawal keadaan yang dibangkitkan oleh orang awam tadi.

Seksyen 7 akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 membolehkan Kerajaan mengharamkan lain-lain penerbitan dan rakaman suara yang mengandungi bahan-bahan prasangka atau yang boleh memudaratkan ketenteraman awam, keselamatan negara, kemurnian akhlak, perhubungan baik dengan Kerajaan-kerajaan sahabat atau kepentingan

negara. Sesiapa memiliki penerbitan atau rakaman siaran yang diharamkan, mereka boleh didakwa dan jika sabit kesalahan di mahkamah, denda tidak melebihi \$5,000 boleh dikenakan. Kepada mereka yang mencetak, mengimport, menerbit, menjual, mengedar bahan-bahan tersebut, mereka boleh didakwa dan jika tersabit kesalahan mereka boleh didenda sebanyak \$20,000 atau penjara tidak lebih 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Kementerian Dalam Negeri tidak bercadang untuk menggubal undang-undang lain bagi mengawal pita-pita rakaman bagi membolehkan bahan rakaman siaran ditapis sebelum diedar memandangkan bahawa peruntukan yang ditetapkan di bawah ataupun dalam Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 adalah memadai.

Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom: Soalan tambahan. Sejak diluluskan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, berapa orangkah yang telah dikenakan hukuman dengan adanya penjualan pita rakaman yang merosakkan keharmonian di dalam masyarakat kita terutama sekali di antara orang-orang Islam sama orang Islam sendiri?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan soalan yang amat mustahak ini kerana untuk makluman semua Ahli-ahli Yang Berhormat, walaupun Akta ini telahpun diluluskan dan dikuatkuasakan mulai pada 1hb September tahun ini, tetapi dari segi penguatkuasaannya belum dijalankan memandangkan bahawa baru sahaja dikuatkuasakan. Tetapi sebagai amaran saya ingin menjelaskan di sini bahawa mulai pada tahun hadapan Kerajaan akan bertindak untuk menguatkuasakan undang-undang ini dan kepada sesiapa yang memiliki atau mengedar, seperti mana yang saya terangkan tadi, mereka boleh didakwa dan didendakan di mahkamah dan

kepada mereka yang menerbit akan didenda tidak lebih daripada 3 tahun penjara.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Sekarang kita kedatangan beberapa buah pita yang diedarkan seluruh negara kita ini yang memburuk-burukkan Kerajaan kita dan pemimpin-pemimpin kita, adakah Kerajaan kita berhajat untuk mengeluarkan pula pita rakaman ini dengan cara-cara menangkis dakyah-dakyah yang disebar oleh parti Pembangkang dengan mengadakan ceramah, syarahan-syarahan daripada ulama kita yang menangkis segala tuduhan melalui rakaman-rakaman kita yang diedar di seluruh negara kita oleh pihak-pihak yang tertentu.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan berpendapat bahawa tidak perlu Kerajaan mengeluarkan pita-pita untuk menangkis kandungan ucapan yang disiarkan secara umum oleh pita-pita rakaman sekarang ini kerana memadailah secara penerangan yang dijalankan oleh pihak Jabatan Penerangan dan juga melalui televisyen.

Walau bagaimanapun, inginlah saya menjelaskan di sini bahawa mengikut Akta yang saya sebutkan tadi, nama penerbit mestilah dicatat di atas pita-pita rakaman yang terdapat dan mulai daripada tahun hadapan jika terdapat siapa yang memiliki pita-pita rakaman yang tidak mengandungi nama penerbit, dia boleh diheret ke mahkamah untuk didakwa dan didenda. Dan kalau mereka yang dapat dikesan sebagai penerbit, dia akan dihukum penjara tidak lebih dari tiga tahun. Ini saya inginlah menjelaskan dengan sejelajelasnya dalam Dewan ini memandangkan bahawa ini hampir tahun yang akhir bagi tahun 1984.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan. Oleh kerana pita-pita rakaman ini akan

menjadikan mudarat kepada rakyat kita dalam negara ini, oleh itu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat adakah dalam rekod-rekod Kementerian berapakah jumlah pita-pita ini yang telah dirakamkan, nama-nama dan siapakah yang berucap jikalau ada, saya ingin hendak tahu dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, untuk menjawab dengan tepatnya saya minta maaf kerana tidak menyimpan rekod-rekod yang tepat. Walau bagaimanapun, sebagaimana kita sedia maklum terdapat banyak pita-pita yang disebar secara umum, secara luasnya di negara kita ini dan insya Allah mulai daripada tahun hadapan kita akan melaksanakan penguatkuasaan undang-undang yang saya sebutkan tadi.

MAS — Pendaratan di LONDON/TOKYO

23. Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapakah MAS tidak dapat memperolehi pendaratan tambahan di London dan Tokyo; dan apakah pula reaksi dan tindak balas Kerajaan terhadap kedua-dua Kerajaan ini.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang Dipertua, perjanjian udara di antara Malaysia dengan United Kingdom ataupun pihak British mempunyai bekal yang membolehkan MAS dan British Airways masing-masing mengadakan sebanyak 4 penerbangan seminggu di antara Malaysia dengan London. Perjanjian ini juga mempunyai peraturan yang ditetapkan untuk penerbangan-penerbangan tambahan bagi kedua-dua syarikat penerbangan.

Selaras dengan peraturan ini MAS boleh mengadakan penerbangan yang kelima ke London tertakluk kepada pencapaian, dengan izin, "seat factor" ataupun muatan penumpang yang

melebihi 67% itu. Malaysia telah memohon kelulusan Kerajaan British untuk melaksanakan penerbangan kelima kerana mengikut rangkaian trafik, MAS dapat memenuhi syarat yang berasaskan kepada pencapaian peratus seat factor tersebut.

Walau bagaimanapun, pihak British belum bersetuju dengan perangkaan ataupun, dengan izin, statistics Malaysia itu. Namun begitu, perkara ini masih dirundingkan oleh kedua-dua belah pihak, Kerajaan masih dan akan terus berusaha untuk mendapatkan satu penyelesaian secepat yang mungkin.

Berhubung dengan pendaftaran tambahan di Tokyo di bawah perjanjian udara di antara Malaysia dengan Jepun, MAS adalah dibenar mengadakan penerbangan sebanyak 7 kali seminggu ke Tokyo. Pada masa sekarang MAS mengadakan perkhidmatan sebanyak 6 kali seminggu ke Tokyo. Memandangkan kepada kedudukan ini, MAS masih boleh membuat satu pendaratan tambahan ke Tokyo sekiranya MAS hendak berbuat demikian.

Dalam hubungan ini mungkin apa Ahli Yang Berhormat maksudkan itu ialah masalah mengenai rancangan MAS untuk mengadakan penerbangan bersama dengan "North-West Airlines" di antara Malaysia ke Amerika Syarikat melalui Tokyo.

Oleh kerana rancangan perkhidmatan bersama MAS dengan North-West Airlines itu memerlukan persinggahan di Tokyo bagi menjadi perkhidmatan tersebut perkhidmatan yang ekonomi dan, dengan izin, viable, pihak Malaysia telah memohon kelulusan pihak Jepun untuk membenarkan penerbangan dibuat melalui Tokyo.

Suka juga saya memaklumkan bahawa butir-butir, dengan izin, "Tripartite Agreement" ataupun "arrangement", pihak ini sedang dibincangkan oleh pihak-pihak pegawai yang berkenaan. Adalah diharapkan

bahawa tarikh pelaksanaan operasi di bawah aturan ini akan dapat dimulakan pada awal April 1985.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 24 hingga 30 adalah diberi di bawah ini)

RASUAH DI JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

24. Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada benar bahawa kegiatan rasuah berlaku di Jabatan Pengangkutan Jalan, sebagaimana yang telah dikatakan oleh Presiden Tuan Punya Lori Malaysia baru-baru ini; jika ya, nyatakan jumlah mereka yang terlibat dan telah diambil tindakan.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa maklumat dan tuduhan yang menyatakan adanya kegiatan rasuah berlaku di Jabatan Pengangkutan Jalan, sebagaimana dikatakan oleh Presiden, Persatuan Tuanpunya-Tuanpunya Lori Malaysia baru-baru ini adalah terlalu umum. Pihak Badan Pencegah Rasuah jua ada menerima maklumat tentang kegiatan rasuah di kalangan pegawai-pegawai di Jabatan Pengangkutan Jalan. Walau bagaimanapun, pihak BPR masih menyiasat perkara ini dan tindakan akan diambil sekiranya bukti telah mencukupi atas mereka yang terlibat dalam aktiviti rasuah.

PELANCONGAN DI GUNUNG LEDANG

25. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan bermaksud memajukan tempat pelancongan Gunung Ledang di Tangkak, Johor dengan mengadakan

Kasino dan segala kemudahan seperti yang ada di Genting Highland bagi pelancong-pelancong.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Kerajaan tidak mempunyai apa-apa rancangan pada masa ini untuk memajukan Gunung Ledang sebagai tempat pelancongan.

PUSAT LATIHAN BELIA DUSUN TUA/PERETAK — KEKURANGAN PENGAJAR

26. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada benar pelajaran di Pusat Latihan Belia Dusun Tua Selangor dan Pusat Latihan Belia Negara Peretak terjejas kerana kekurangan tenaga Pengajar dan jika benar, nyatakan sebab-sebab berlaku kekurangan tenaga pengajar di kedua-dua Pusat Latihan Belia tersebut.

Tidak dinafikan bahawa terdapat kekosongan beberapa jawatan Pengajar di Pusat Latihan Belia Dusun Tua dan Pusat Latihan Belia Negara Peretak, Selangor tetapi kekesanan pelajaran kepada pelatih-pelatih tidak terjejas.

Kekesanan ini dapat dikekalkan dengan cara mengagih-agihkan beberapa mata pelajaran yang tertentu kepada pengajar-pengajar yang berkeupayaan dan berkemahiran melaksanakannya. Di samping itu, pihak Pusat yang berkenaan juga telah mengambil pengajar sambilan untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar. Walau bagaimanapun, tindakan sedang diambil oleh pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mengisi jawatan-jawatan kosong itu.

Sebab-sebab berlakunya kekurangan tenaga pengajar di pusat Latihan Belia Dusun Tua dan Pusat Latihan Belia Negara Peretak adalah kerana kekurangan permohonan daripada calon yang

berkelayakan, pengaliran keluar tenaga pengajar untuk berkhidmat dengan agensi luar atau pihak swasta dan juga kerana perletakan jawatan untuk melanjutkan pelajaran di luar negeri.

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MELAKA

27. Tuan Ng Ah Poi minta Menteri Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar bahawa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Melaka begitu kecil dan sempit, jika sedar, apakah rancangan pendek dan rancangan panjang yang akan diambil untuk memperbaiki kesesakan pejabat JPJ Melaka.

(Tan Sri Chong Hon Nyan): Saya memang sedar bahawa ruangan pejabat di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Melaka begitu kecil dan sempit, dan telah menyebabkan kesesakan orangramai. Kementerian Pengangkutan telah menyediakan rancangan pembangunan jangka pendek dengan mengadakan Pejabat Kecil sementara di Jasin untuk memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk di sekitar kawasan itu membarui Lesen Kereta Motor (atau biasa dikenali sebagai Cukai Jalan) dan Lesen Memandu. Dengan langkah ini, ia dapat mengurangkan kesesakan di Pejabat JPJ bandar Melaka.

Dalam rancangan pembangunan jangka panjang, Kerajaan telahpun meluluskan pembinaan Pejabat Kecil tetap di Jasin dan pejabat JPJ Ibu Negeri, di Mukim Bukit Katil, Daerah Melaka Tengah. Tapak tanah seluas 17½ ekar bagi JPJ Ibu Negeri telahpun diperolehi dan kerja-kerja ukur telah dibuat, tetapi kerja-kerja pembinaan pejabat belum dapat diteruskan kerana keupayaan wang yang terhad. Walau bagaimanapun, jika keadaan ekonomi negara bertambah baik dan Kerajaan dapat memberi peruntukan pejabat yang mencukupi, satu kompleks pejabat yang lengkap dengan keperluan termasuk kawasan Ujian Memandu Berpusat dan

Kawasan Pemeriksaan Kenderaan akan diadakan. Kementerian Pengangkutan akan memohon peruntukan untuk melaksanakan projek ini dalam Rancangan Malaysia Kelima kelak.

PASARAN GETAH DI LUAR NEGERI

28. Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan walaupun usaha-usaha telah diambil oleh pihak Kementerian dan juga rombongan dagangan telah berusaha untuk memperluaskan pasaran getah kita di luar negeri tetapi harga getah masih merosot dan sama ada Kerajaan dapat menstabilkan harga getah ke satu tahap yang memuaskan dan nyatakan harapan ekonomi masa depan getah asli kita di dalam pasaran dunia.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum pihak Kerajaan sentiasa mengambil beberapa langkah untuk menstabilkan dan memperbaiki harga getah. Walau bagaimanapun harga getah adalah dipengerahui oleh keadaan pasaran dunia dan amat bergantung kepada permintaan dan bekalan bahan tersebut bukan sahaja bagi getah asli, tetapi juga dengan mengambilkira perkembangan-perkembangan yang berlaku terhadap getah tiruan. Semasa berlakunya kemelesetan ekonomi dunia baru-baru ini iaitu yang paling teruk sejak zaman Kemelesetan tahun 30an, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum harga bahan-bahan utama yang diniagakan di pasaran antarabangsa telah terjejas. Namun demikian, mengenai getah kita bernasib baik kerana Skim Stok Penimbal di bawah Perjanjian Getah Asli Antarabangsa telah diwujudkan. Malah tidak sampai satu tahun selepas perjanjian ini berkuatkuasa, operasi stok penimbal antarabangsa telahpun dilaksanakan sejak bulan November 1981 sehingga awal tahun 1983 di mana Pengurus Stok

Penimbal telah membuat panggilan kewangan berjumlah \$689 juta dan dari jumlah tersebut separuh daripadanya adalah sumbangan daripada negara-negara ahli pengguna dan baki sumbangannya adalah dari pada negara-negara pengeluar. Dengan sumbangan kewangan tersebut, Pengurus Stok Penimbal telah berjaya mengeluarkan getah daripada pasaran sebanyak lebih kurang 270,000 tan dan dengan itu kejatuhan harga getah telah dapat dipertahankan. Di samping usaha-usaha menstabilkan harga melalui Skim Stok Penimbal tersebut, sukacita saya memaklumkan bahawa agensi-agensi Kerajaan seperti MARDEC dan RISDA terus membeli getah dari pekebun-pekebun kecil bagi menentukan pekebun-pekebun kecil dapat menjualkan getahnya diparas harga yang berpatutan. Dalam rundingan semula Perjanjian Getah Asli Antarabangsa yang dijadualkan bermula dalam bulan April/Mei tahun hadapan usaha-usaha sedang dibuat bagi memperbaiki beberapa kelemahan yang terdapat di dalam Perjanjian Getah Asli Antarabangsa yang ada sekarang, termasuk bagi mewujudkan jajaran harga yang lebih realistik untuk menentukan keyakinan dan kukuhan industri getah asli di setiap masa.

Sejak bulan Mac 1983 berikutan pemulihan ekonomi dua pada keseluruhannya, harga getah telah juga turut pulih di waktu tersebut, namun begitu harga getah sejak beberapa bulan kebelakangan ini telah mula merosot kerana ekonomi dunia belum pulih seratus peratus dan juga disebabkan oleh penurunan nilai matawang Indonesia dan diikuti pula baru-baru ini oleh penurunan nilai matawang bhat Thailand serta pengurangan eksport duti di Thailand. Walau bagaimanapun didapati keadaan dagangan fisikal getah terus menjadi aktif. Kumpulan Kajian Getah Antarabangsa (IRSG) dalam bulan Jun menganggarkan bahawa bagi tahun 1984 akan berlaku lebihan pengeluaran getah asli dari penggunaannya

sebanyak 45,000 tan tetapi berdasarkan dari maklumat terakhir yang diterima menunjukkan bahawa bagi tempoh 6 bulan pertama tahun ini penggunaan getah di dunia telah melebihi pengeluaran sebanyak 80,000 tan. Permintaan yang tinggi terhadap getah asli ini menunjukkan bahawa kedudukan saingan getah asli adalah lebih baik dan dengan itu membolehkan menambahkan syer pasaran elastomer dari 30% dalam tahun 1981 kepada lebih kurang 33% pada masa ini.

Perangkaan-perangkaan terakhir Malaysia juga menunjukkan bahawa jumlah eksport getah asli dari Semenanjung Malaysia bagi bulan Januari hingga September 1984 adalah sebanyak 1,161,083 tan berbanding dengan pengeluaran sebanyak 1,076,783 tan bagi tempoh yang sama dan dengan itu eksport melebihi pengeluaran sebanyak 84,300 tan. Walaupun ini mencerminkan permintaan bagi getah asli masih baik tetapi sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum keadaan prestasi pemulihan ekonomi dunia belum baik terutamanya di negara-negara Eropah barat yang didapati masih lembab. Mengenai Amerika Syarikat pula, walaupun terdapat pertumbuhan ekonomi yang kukuh bagi suku tahun pertama dan kedua tahun ini tetapi pertambahan ini telah mula perlahan bagi suku tahun ketiga dan keempat. Pertumbuhan ekonomi dunia di Jepun dan di beberapa negara membangun yang lainnya terus kukuh di tahun ini. Namun demikian, berikutan keadaan pemulihan ekonomi yang tidak menentu serta kadar faedah yang tinggi, walaupun ada terdapat sedikit penurunan di Amerika Syarikat, telah mempengaruhi pasaran getah.

Walaupun harga getah pada masa ini adalah di paras di mana Pengurus Stok Penimbal boleh menjalankan operasi pembelian, tetapi mengikut penilaian keseluruhannya didapati harga getah akan pulih semula di awal tahun hadapan

dan ini adalah bergantung kepada setakat mana keadaan ekonomi dapat dipulihkan. Dengan ini saya berharap keadaan ekonomi akan pulih sekurang-kurangnya di paras yang munasabah kerana pemulihan ini akan memberi kesan terhadap sektor pengangkutan yang mana menggunakan sebahagian besar getah di dunia akan meningkat ke paras 5 juta tan dalam tahun 1990 dan 6 juta tan dalam tahun 2000 berbanding dengan hanya 3.7 juta tan pada tahun 1982. Berdasarkan kepada ramalan Pasukan Petugas ini dengan mengambilkira pertumbuhan pengeluaran daripada negara-negara yang lain Malaysia mempunyai skop yang baik untuk meningkatkan lagi pengeluaran getah asli bagi menampung pertambahan permintaan getah dunia sehingga ke tahun 2000 seperti yang telah diramalkan oleh Pasukan Petugas. Dalam hubungan ini, prospek pasaran getah pada masa hadapan bagi jangkamasa hingga tahun 2000 adalah diramalkan cerah.

JALAN RAYA KUCHING/SIBU/BINTULU/MIRI

29. Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datuk Hakim Abang Haji Mohideen minta Menteri Kerjaraya, menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan jalan raya di Negeri Sarawak terutama sekali lebuh raya Kuching/Sibu/Miri, adalah masih lagi dalam keadaan yang belum sempurna kalau dibandingkan dengan segala lebuh raya di Semenanjung; jika sedar, apakah tindakan yang telah diambil setakat ini.

Menteri Kerjaraya (Dato S. Samy Vellu): Kementerian saya memang sedar tentang betapa perlunya jalan raya Kuching/Sibu/Bintulu/Miri ditingkatkan tarafnya untuk pembangunan negeri Sarawak keseluruhannya. Kementerian saya juga sedar tentang jalanraya-jalanraya itu yang masih belum sempurna jika dibandingkan dengan jalanraya-jalanraya di Semenanjung.

Oleh sebab itu maka sehingga akhir tahun 1983 sebanyak \$161.7 juta telah dibelanjakan untuk memperbaiki dan meningkatkan lagi taraf jalan raya Kuching/Sibu/Bintulu/Miri ini. Kementerian saya seberapa yang boleh akan terus meningkatkan lagi taraf jalan raya ini dari masa ke semasa.

Bagi tahun 1985 ini pula, Kementerian saya ada memberikan peruntukan sebanyak \$9 juta bagi sektor jalan raya Kuching/Sibu, sebanyak \$20 juta bagi sektor jalan raya Sibu/Bintulu, dan sebanyak \$18 juta bagi sektor jalan raya Bintulu/Miri. Kesemuanya adalah berjumlah sebanyak \$47 juta. Peruntukan-peruntukan ini ialah untuk menjalankan beberapa projek pembinaan jambatan dan juga untuk menurap semula beberapa sektor jalanraya-jalanraya yang berkenaan itu.

PERKHIDMATAN REL BAS

30. Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada perkhidmatan Rel Bas yang telah dicuba pada beberapa bulan yang lalu mendapat sambutan dari orangramai; jika ya, nyatakan samada perkhidmatan itu akan menjejaskan perkhidmatan bas, teksi dan lain-lain.

(**Tan Sri Chong Hon Nyan**): Sukalah saya memaklumkan bahawa perkhidmatan "Rail-Bus" secara percubaan atau ujian yang telah diadakan pada beberapa bulan yang lalu di antara Johor Bahru/Singapura, Butterworth/Alor Setar (dengan perhentian di Sungai Petani) dan Butterworth/Taiping telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orangramai. Sehingga pada akhir bulan Oktober tahun ini, lebih-kurang seramai 100,000 penumpang telah menaiki perkhidmatan "Rail-Bus" itu.

Sukalah saya menyatakan bahawa perkhidmatan "Rail-Bus" ini juga tidak menjejaskan perkhidmatan bas, teksi dan lain-lain perkhidmatan pengangkutan

awam, malahan ia akan dapat memberi satu lagi cara perkhidmatan pengangkutan awam moden kepada rakyat. Tambahan pula, perkhidmatan "Rail-Bus" yang telah dijalankan pada beberapa bulan yang lalu itu adalah secara percubaan atas ujian sahaja untuk tujuan pihak KTM membuat penilaian (evaluation) dan sehingga masa ini, Kementerian Pengangkutan dan pihak KTM belum lagi membuat keputusan untuk mengadakan perkhidmatan "Rail-Bus" secara tetap.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH SYARIAH (BIDANG KUASA JENAYAH) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. "(18hb. Disember, 1984).

3.37 ptg.

Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Md. Nor: Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyambung ucapan saya yang saya telah buat semalam. Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang telah saya katakan bahawa Akta Mahkamah Syariah yang ada di hadapan Dewan Kerajaan bagi meningkatkan lagi taraf Mahkamah Syariah di Malaysia ini maka dengan lulusnya Akta ini terpulanglah kepada Kerajaan Negeri-negeri di Malaysia ini untuk mengambil langkah bagi membuat enakmen ataupun peraturan-peraturan pindaan kepada peraturan-peraturan yang ada sekarang.

Tuan Yang Dipertua, masalah Mahkamah Syariah di negara kita hari ini, pada pandangan saya adalah berpunca daripada beberapa sebab. Oleh kerana beberapa sebab ini maka

pandangan orang terhadap mahkamah syariah pada masa ini begitu lebih rendah daripada pandangan mereka terhadap mahkamah-mahkamah lain, mahkamah adat yang ada di negara kita ini.

Mahkamah Syariah yang ada di negara kita hari ini mengikut peraturan Perlembagaan negara kita adalah tertakluk kepada Kerajaan Negeri masing-masing. Oleh kerana itu ada banyak perbezaan-perbezaan terdapat di negeri-negeri di Malaysia ini. Di negeri-negeri di Malaysia ini tiap-tiap negeri di Malaysia ini mempunyai enakmen-enakmen masing-masing mengenai perjalanan Mahkamah Syariah dan juga mengenai acara perjalanan Mahkamah Syariah itu.

Pada pengalaman saya ada setengah-setengah negeri di Malaysia ini yang mempunyai enakmen yang dibuat dalam tahun 1954 dan sehingga hari ini tidak ada perubahan atau pindaan yang telah dibuat kepada enakmen itu. Dan ada setengah-setengah negeri mempunyai enakmen pindaan yang dibuat beberapa kali selepas tahun 1954 dan kerana itu maka ada perbezaan di negeri-negeri masing-masing. Masalah yang besar sekali ialah tidak ada sistem yang bersamaan di antara negeri-negeri di Malaysia ini.

Bagi mereka yang ingin mengamalkan undang-undang syarak, bagi peguam-peguam yang baru keluar daripada universiti ataupun yang baru menerima kelayakan untuk menjadi peguam adalah menjadi satu perkara yang susah untuk menjalankan amalan undang-undang di mahkamah-mahkamah syarak. Ini ialah kerana tidak ada enakmen yang lengkap mengenai mahkamah syarak itu dan juga perbezaan-perbezaan sikap yang berlainan amalan dari satu negeri dengan satu negeri yang lain.

Oleh kerana itu maka kita dapati bahawa ada setengah-setengah negeri yang kalau ada tuntutan cerai misalnya

susah bagi wanita untuk membuat tuntutan cerai kerana sikap kadi yang tidak mahu adanya berlaku perceraian langsung sehingga ada satu kes Kadi panggil seorang wanita yang hendak bercerai ke dalam biliknya dimarah-marahnya sehingga menangis. Perkara ini tidak berlaku di negeri lain dan ini menunjukkan bahawa sikap yang tidak sama ataupun pandangan yang tidak sama berlaku di kalangan Kadi-kadi menurut negeri-negeri yang ada.

Pada pandangan saya Kerajaan Persekutuan boleh mengambil tindakan-tindakan supaya perkara yang tidak bersamaan ini dapat disamakan. Saya rasa sebagaimana yang telah dikatakan oleh Timbalan Menteri semalam bahawa sudah ada kursus-kursus yang telah diberikan kepada Kadi-kadi, kursus-kursus yang dibuat di peringkat Federal, di peringkat Kerajaan Pusat yang memanggil Kadi-kadi daripada negeri-negeri untuk berkursus. Maka ini adalah satu langkah yang baik yang akan memupukkan semangat yang sama dan sikap yang sama di dalam mahkamah syariah.

Saya rasa satu langkah yang baru patut diambil oleh Kerajaan iaitu mengambil daya usaha supaya di tiap-tiap negeri diadakan enakmen yang bersamaan, enakmen yang sama yang mudah difaham supaya kaedah dan cara perjalanannya tidak berbeza daripada satu negeri dengan satu negeri yang lain.

Banyak perkara-perkara yang menjadi masalah kepada keluarga-keluarga Islam tidak dapat ditakrifkan ataupun ditentukan di dalam enakmen-enakmen yang ada sekarang ini. Misalnya masalah orang yang kahwin di negeri Siam atau di mana-mana negara jiran yang berhampiran dengan Malaysia ini. Setengah-setengah negeri tidak ada peruntukan bagaimana caranya hendak mengiktirafkan perkahwinan yang seperti itu tetapi ada setengah negeri sudah ada peruntukan yang mengiktirafkan perkahwinan seperti itu.

Oleh kerana itu selain daripada itu saya mencadangkan juga supaya diambil daya usaha di dalam kursus-kursus yang dibuat kepada kadi-kadi yang tersebut perkara-perkara yang menjadi masalah kepada keluarga Islam pada masa ini diambilkira dan diperbincangkan dalam kursus-kursus yang tersebut.

Sebagaimana yang saya katakan tadi ada perbezaan sikap dan cara-cara menjalankan perbicaraan di negeri-negeri di Malaysia ini, maka saya suka mencadangkan bahawa untuk mengadakan persamaan atau mengadakan sistem yang sama di seluruh negeri-negeri Malaysia ini, sepatutnya kita mengadakan satu mahkamah Rayuan (Appeal Court) bagi seluruh Malaysia. Mengikut enakmen-enakmen yang ada sekarang ini, rayuan paling tinggi ialah kepada Raja ataupun Sultan negeri masing-masing.

Pada hemat saya perkara ini boleh dilakukan dengan cara mengadakan satu Jawatankuasa Mendengar Appeal daripada keputusan mahkamah negeri-negeri tersebut sebagaimana serupa ataupun sama seperti, dengan izin, Judicial Committee of the Privy Council. Ertinya ada satu Jawatankuasa yang akan mendengar rayuan-rayuan daripada Mahkamah Syariah daripada semua, daripada mana-mana negeri itu. Rayuan itu akan didengar oleh satu Jawatankuasa yang akan menasihatkan Raja masing-masing negeri akan keputusan rayuan tersebut. Saya kira ini boleh dilakukan dalam bentuk Perlembagaan negara yang ada hari ini.

Perkara ini tentulah memerlukan keputusan Majlis Raja-raja terlebih dahulu tetapi untuk ke arah ini Kerajaan sepatutnya mengambil daya usaha untuk mewujudkan sistem ini. Jawatankuasa Rayuan yang saya cadangkan ini perlu dan patut dipengerusikan oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi yang akan diapit oleh dua orang yang mempunyai pengalaman dalam pengamalan Mahkamah Syariah. Saya mencadangkan supaya Pengerusi

Jawatankuasa Mendengar Rayuan itu ialah seorang Hakim Mahkamah Tinggi kerana banyak masalah-masalah yang timbul di dalam perbicaraan di mahkamah syariah perlu kepada pentafsiran undang-undang. Sebagai contoh, Tuan Yang Dipertua, di dalam semua enakmen yang ada sekarang ini di dalam bidang jenayah yang mengenai khalwat yang ada dimaktubkan bahawa khalwat itu ditafsirkan sebagai 'close proximity under suspicious circumstances' atau "dalam keadaan berdua-dua di tempat yang tertutup yang mendatangkan syak wasangka", tetapi di dalam perbicaraan-perbicaraan hari ini kebanyakan keputusan-keputusan itu didasarkan kepada prasangka moral. Oleh kerana itu, didapati bahawa kadang-kadang ada orang yang ditangkap, ada pasangan yang tertangkap di kedai kopi, ada pasangan yang ditangkap di tepi pantai, di tempat terbuka, ada yang di tanah lapang, di tempat persiaran dan sebagainya. Ini ialah kerana di dalam hal-hal itu mereka menjadi Hakim menghakimkan keadaan itu dengan secara atas dasar moral ataupun kerana berduaan itu salah satu kelakuan mereka itu.

Walaupun di dalam Enakmen-enakmen ada menyebutkan bahawa kesalahan itu berlaku jika telah menimbulkan syak ataupun keadaan yang mendatangkan syak. Tetapi di dalam perbicaraan-perbicaraan, banyak Kadi-kadi terlupa untuk menilai sama ada dalam kes-kes yang tersebut sudah ada perkara yang mendatangkan syak atau tidak. Ini ialah kerana di dalam pentafsiran undang-undang yang ada hari ini kebanyakan Mahkamah Syariah atau Kadi-kadi tidak memikirkan takrif Enakmen ataupun pentafsiran Enakmen itu sendiri. Jadi, untuk menyelesaikan masalah ini yang telah menimbulkan banyak kecurigaan di kalangan orang Islam sendiri, maka perlulah ada orang yang mempunyai kelayakan di dalam bidang undang-undang, kelayakan untuk mentafsirkan Enakmen-enakmen yang diluluskan oleh negeri-negeri itu.

Dengan kerana itu, saya mencadangkan bahawa untuk menyelaraskan keadaan ini, Jawatankuasa Rayuan yang saya cadangkan itu hendaklah dipengerusikan oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi kerana mereka ini memang berkelayakan untuk mentafsirkan undang-undang termasuk juga Enakmen-enakmen.

Sebagaimana kita tahu, Tuan Yang Dipertua, Mahkamah Syariah ini dari segi undang-undangnya adalah Statutory Court, dengan izin, ataupun Mahkamah Statut dan undang-undang yang diamalkan adalah oleh kerana ianya termaktub di dalam Enakmen maka ia adalah undang-undang Statut dan pentafsirannya adalah perlu mengikut rule ataupun peraturan pentafsiran statut.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu, banyak perkara-perkara yang boleh pada hemat saya Kerajaan Persekutuan mengambil hirau ataupun mengambil tahu mengenai Mahkamah-mahkamah ini.

Mengenai perjawatan dalam bidang Mahkamah ini, ini pun satu perkara yang menyebabkan banyak orang merasa atau memandang rendah kepada Mahkamah-mahkamah Syariah. Pegawai-pegawai yang menjadi Hakim di Mahkamah ini kebanyakannya tiak setaraf dengan Magistret walaupun dalam Enakmen ini sebagaimana yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi, ianya akan mengangkat taraf Mahkamah Syariah itu kepada taraf Mahkamah Magistret tetapi gaji-gaji pegawai yang menjalankan kerja itu ataupun Hakim-hakimnya tidak sama ataupun tidak setaraf dengan Magistret. Bahkan Kadi Besar sendiri, saya tahu ada sebuah Negeri yang meminta supaya jawatan Kadi Besar itu diangkat menjadi ke Tingkatan Tertinggi. Tetapi walaupun beberapa rayuan telah dihantar kepada peringkat Kerajaan Persekutuan jawatan Kadi Besar Negeri itu masih lagi di bawah Tingkatan Tertinggi G walaupun di peringkat Negeri, seorang Presiden

ataupun seorang Yang Dipertua Mahkamah Sesyen adalah bertaraf Tingkatan Tertinggi G.

Kalau dibandingkan dengan bidang kuasa seorang Kadi Besar dan bidang kuasa seorang Yang Dipertua Mahkamah Sesyen, maka dalam bidang mal ataupun, dengan izin, civil jurisdiction, maka Kadi Besar mempunyai kuasa yang lebih. Seorang Kadi Besar kadang-kadang membicarakan harta sepencarian yang melibatkan harta sampai satu million. Dalam kes-kes pusaka misalnya, dalam perbicaraan menentukan nasab, seorang Kadi Besar mungkin akan membicarakan kes yang melibatkan lebih daripada \$1 juta tetapi gajinya tidak sama dengan seorang pegawai atau seorang Yang Dipertua Mahkamah Seksyen. Inilah perkara-perkara yang menyebabkan orang memandang rendah kepada taraf Mahkamah Syariah:

Tuan Yang Dipertua, ada Mahkamah-mahkamah Syariah yang bangunannya begitu uzur, begitu tidak memuaskan. Ada setengah terpaksa meminjam tempat daripada jabatan lain. Saya rasa pihak Kerajaan Persekutuan boleh mengambil daya usaha supaya keadaan ini dapat diubah. Kalau Kerajaan Persekutuan telah memberikan bantuan-bantuan kepada Kerajaan Negeri di dalam mendirikan mesjid-mesjid dan sebagainya, saya tidak nampak mengapa Kerajaan Persekutuan tidak dapat mengambil daya usaha memberi bantuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang tidak mampu untuk membina bangunan Mahkamah yang lebih selisa kepada orang-orang yang menggunakannya.

Tuan Yang Dipertua, pada peringkat akhir ini ada satu lagi gejala-gejala yang timbul daripada suratkhbar-suratkhbar yang menampakkan bahawa banyak orang yang menyakki ataupun yang tidak berhati dengan keadaan perjalanan Mahkamah Syariah. Maka saya rasa sudah sampai masanya

Kerajaan Persekutuan mengambil daya usaha supaya diadakan di tiap-tiap negeri itu Enakmen-enakmen mengenai acara perjalanan Mahkamah itu sendiri sama ada acara jenayahnya ataupun acara civilnya. Keadaan sekarang ini adalah amat tidak memuaskan hati. Dan saya rasa kalau diharapkan kepada negeri masing-masing, mereka tidak akan mengambil daya usahanya sendiri. Oleh kerana pentingnya peraturan-peraturan yang tertentu yang boleh mudah diketahui oleh orang supaya jangan menimbulkan syak wasangka bahawa Kadi sebagaimana yang telah kita dengar semalam, Kadi menjalankan perbicaraannya dengan sewenang-wenangnya, ada yang ajak minum kopi dahulu, kemudian masuk dalam bilik, selepas itu menjalankan perbicaraan dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa tidak ada sistem yang tertentu.

Setahu saya ada setengah-setengah negeri sekarang ini yang telah mengadakan sendiri peraturan-peraturan di dalam perkara mengenai jenayah dan juga mengenai civil. Tetapi ini hanya di dalam setengah-setengah negeri sahaja. Saya rasa Jabatan Perdana Menteri ataupun Hal Ehwal Agama di Jabatan Perdana Menteri boleh mengambil daya usaha menengok akan peraturan-peraturan yang telah ada di negeri-negeri dan kalau boleh diadakan juga di negeri-negeri yang belum ada lagi.

Tuan Yang Dipertua, oleh kerana kita mempunyai banyak lagi Bil atau Rang Undang-undang yang hendak diluluskan maka setakat inilah sahaja ucapan saya mengenai Rang Undang-undang ini. Walau bagaimanapun, saya menyokong penuh akan Rang Undang-undang ini yang tentunya akan memberi perangsang kepada Kadi-kadi untuk menjalankan tugasnya pada masa akan datang. Sekian.

4.01 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang Dipertua, lebih dahulu saya mengucapkan syukur ke

khadrat Allah s.w.t. di atas pembentangan meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri. Saya mengucapkan syabas dan terima kasih kepada pihak Kerajaan kerana sedia untuk memperbaiki dan menaikkan taraf Mahkamah Syariah, dari satu tahap ke satu tahap yang sekarang ini apabila pembentangan ini kita luluskan akan menyamakan taraf Mahkamah Syariah seperti Mahkamah Majistret.

Saya katakan untuk memperbaiki dan mengemaskan Undang-undang Mahkamah Syariah dari satu tingkat ke satu tingkat yang mana akhirnya, insya Allah, kita akan mengalami dan kita berada di dalam satu undang-undang Islam yang lengkap di satu masa yang akan datang sepertimana yang dikehendaki oleh agama kita.

Di dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Yang Dipertua, di dalam menyahut seruan pemimpin kita dan kehendak kita untuk menerapkan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran seperti yang selalu dilaungkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri kita, maka meminda Akta Mahkamah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 ini adalah membuktikan salah satu daripada isi untuk menerapkan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran. Untuk menerapkan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran — di dalam undang-undang, khasnya di dalam Undang-undang Mahkamah Syariah tidaklah semudah menggoyangkan gigi dan lidah, sebagaimana yang selalu dituduhkan oleh mereka yang menuduh Kerajaan kita ini Kerajaan taghud, mahkamah Firaun dan sebagainya. Sedangkan di dalam melaksanakan kehendak-kehendak yang seperti ini, kejadian-kejadian yang mendalam dan usaha-usaha yang murni hendaklah dibuat dari semasa ke semasa supaya satu undang-undang syarak yang lengkap yang tidak akan mengalami pindaan lagi diperundangkan di dalam negara-negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, saya bukanlah ahli di dalam bidang agama, jauh sekali dalam bidang perundangan Islam, tetapi saya merenung jauh dan saya memikirkan sedang Allah s.w.t. menurunkan Al-Quran yang di dalamnya mengandungi perintah, mengandungi larangan, mengandungi petunjuk, mengandungi teguran, galakan dan pujian yang diwahyukan kepada Rasulullah Muhammad s.a.w. memakan masa lebih daripada 22 tahun. Maka kita ini sebagai manusia biasa yang berada di akhir zaman memerlukan kepada kejadian yang teliti memandangkan bahawa kehidupan kita sekarang ini di dalam keadaan tercabar dan dicabar oleh keadaan sekeliling yang memerlukan kita kepada berhati-hati, kerana tidak ada maknanya jika sekiranya kita memperundangkan di dalam negara kita ini satu undang-undang Islam yang dikehendaki oleh Islam tetapi satu masa kita akan memindanya pula. Namun demikian, syukur saya ke khadrat Allah s.w.t. jika sekiranya selama ini ada golongan yang mahukan supaya mereka yang berzina disebut mengikut sebagaimana hukum yang sebenarnya atau direjam. Dengan adanya hukuman yang selama ini pernah kita dengar dalam Mahkamah Syariah, dengan adanya hukum sebat sehingga enam rotan itu adalah satu tangga untuk kita menyempurnakan pula kepada sesiapa yang melakukan kesalahan kepada dirotan sehingga 80 atau 100 kali.

Tuan Yang Dipertua, hal mengenai dengan Mahkamah Syariah ataupun perundangan Islam yang selengkapnya adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan alim Ulama dan cerdik-candikiawan kita di dalam bidang perundangan Islam.

Saya amat tertarik dengan ucapan Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara kita dua tiga hari yang lalu di dalam satu seminar yang menyeru supaya Alim Ulama dan cerdik-pandai di dalam bidang agama kita tampil ke hadapan

untuk memperkatakan dan untuk melaksanakan kehendak-kehendak itu. Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara kita menyarankan supaya Alim Ulama kita tidak hanya bercakap semata-mata mahu berkehendakkan hukum seperti yang dikehendaki oleh agama kita.

Tuan Yang Dipertua, kita berharaplah supaya masyarakat di dalam negara kita, khususnya masyarakat Islam dan Melayu dan masyarakat majmuk dalam negara kita ini terhindar daripada api kemarahan dan dendam kesumat, terhindar daripada fitnah dan persona, terhindar daripada ajaran dan fatua-fatua jahat seperti yang sekarang ini sedang menjadi satu penyakit yang merebak di dalam masyarakat kita yang telah menyebabkan rusaknya keharmonian di beberapa buah kampung, beberapa buah daerah dan negeri di dalam negara kita dengan adanya gejala mereka yang tidak bertanggungjawab yang telah mengeluarkan ajaran, mengeluarkan fatwa kepada pengikut-pengikutnya.

Tuan Yang Dipertua, apakah gejala-gejala buruk ini akan kita atau Kerajaan biarkan begitu sahaja. Adakah Kerajaan kita cukup dengan hanya mengeluarkan Kertas Putih seperti yang telahpun dibentangkan di dalam Dewan Rakyat baharu-baharu ini. Saya memperlihatkan ini Kertas Putih ini, Tuan Yang Dipertua, kejadian-kejadian seperti yang termaktub di dalam Kertas Putih ini telah bergerak lebih 10 tahun yang lampau tetapi hanya baharu ini Kerajaan mengeluarkan Kertas Putih untuk memaparkan kepada masyarakat akibat dan kesan buruk daripada tindakan orang-orang yang tidak bertanggungjawab yang mempergunakan kemurnian, kemuliaan dan ketinggian syiar Islam.

Tuan Yang Dipertua, kelemahan-kelemahan dan kesilapan yang telah lalu setelah 27 tahun kita merdeka ini sepatutnya kita menjadi pengajaran, kalau kita sesat di hujung jalan, kita

kembali ke pangkal jalan untuk merenang dan meneropong jauh kehadapan kemana kita akan membawa masyarakat kita, bangsa kita dan syiar agama kita (Alislamulyaklu walayukla alaihi).

Tuan Yang Dipertua, saya faham bahawa kita sekarang ini sedang membahaskan Akta untuk meminda Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 daripada denda \$1,000 kepada \$5,000, daripada penjara 6 bulan kepada 3 tahun atau sebat tidak lebih 6 kali, sama ada denda-denda itu berasingan atau bersekali. Mengikut Akta Mahkamah Syariah 1965 bahawa pindaan ini telah dirancangan begitu lama. Dan sekarang ini sampai masanya Kerajaan menunjukkan kepada masyarakat kemampuannya untuk memasukkan nilai-nilai, hukum-hukum Islam di dalam penghidupan sekalipun buat peringkat pertamanya hanya mengenai masyarakat Islam yang mana Akta Mahkamah Syariah ini ada hubungannya dengan Undang-undang Keluarga Islam yang telah kita luluskan beberapa ketika yang lalu.

Tuan Yang Dipertua, memandangkan kepada kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri sewaktu membentangkan Akta ini bahawa jenayah di dalam kalangan umat Islam sendiri makin menjadi-jadi, makin bertambah. Saya ingin bertanya mengapa jenayah di dalam kalangan umat Islam makin bertambah sedangkan usaha-usaha, sedangkan gerakan-gerakan dakwah sama ada yang dianjurkan oleh Kerajaan atau oleh perseorangan atau oleh kelompok-kelompok umat Islam begitu menghebat di seluruh negara tetapi mengapa kejadian jenayah seperti yang disebutkan sewaktu membentangkan Akta ini di dalam kalangan umat Islam sendiri makin bertambah. Apakah ini memperlihatkan kejahilan umat Islam sendiri di zaman-zaman kebelakangan ini, atau apakah ini kerana umat Islam tidak diberitahu apakah bentuk jenayah yang salah dari segi Islam? Kepada

masyarakat Islam hari ini di dalam peraturan Undang-undang Jalan Raya sama sahaja, tidak memakai topi keदार sama salahnya, kalau membuang sampah di bandaraya sama salahnya, tetapi Undang-undang Mahkamah Syariah ini melibatkan khusus masyarakat Islam semata-mata.

Jadi kejahilan masyarakat Islam mengenai dengan kesalahan-kesalahannya di dalam hukum-hukum Islam ini perlulah Kerajaan mengambil satu usaha untuk menerangkan kepada masyarakat Islam bahawa perbuatan-perbuatan yang begini, begini, begini adalah salah mengikut Akta Mahkamah Syariah.

Saya berterima kasih kepada usaha-usaha Kerajaan melalui RTM yang memberikan pengajaran agama di dalam berbagai-bagai bentuk seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan di dalam masa Soal Jawab tadi. Tetapi hari ini, Tuan Yang Dipertua, baru kita menyedari bahawa menakutkan umat dengan neraka dan menyukakan umat dengan syurga kepada sebahagian besar daripada umat Islam dalam negara kita hari ini, dijawab dengan senyum kambing. Sebab itu, dengan izin, Tuan Yang Dipertua, Allah subhanahu wa taala di dalam Al-Quran, firmanNya yang bermaksud: "Tidak aku utus engkau, Ya Muhammad, melainkan membawa khabar gembira dan membawa berita siksa kepada umat manusia, namun demikian banyak di antara mereka yang tidak tahu". Di antara mereka yang tidak tahu itu ialah umat Islam sendiri. Maka adalah menjadi tanggungjawab Uliil Amri, maka adalah menjadi tanggungjawab kepada Kerajaan untuk memberitahu kepada rakyat, sungguhpun di dalam sekolah-sekolah, di dalam pelajaran agama di sekolah rendah, menengah dan tinggi, ada pelajaran-pelajaran agama yang dimasukkan dalam kurikulum Pelajaran Agama tetapi masyarakat dewasa, masyarakat ramai lupa dengan

pelajaran yang diterima di sekolah-sekolah rendah ataupun di sekolah-sekolah menengah.

Tuan Yang Dipertua, sebab itulah maka sekarang ini timbul di dalam masyarakat Melayu dan Islam kelompok-kelompok yang mengajar pengikutnya, yang mengajak pengikutnya, yang mengajak anak jemaahnya dengan cara bersendirian. Maka timbullah kelompok-kelompok di dalam masyarakat kita dengan berbagai-bagai nama yang mengambil sempena nama-nama tempat di zaman Rasulullah s.a.w. seperti Arqam, Kampung Ansaar, Al-Falah dan berbagai-bagai nama lagi yang ada di sekeliling ibukota kita ini dan juga dinegeri-negeri lain. Mengapa ini berlaku, kerana apabila guru-guru dakwah kita, tok guru-guru kita, ustaz-ustaz kita bersyarah di tempat awam, bersyarah dengan penuh semangat, dengan penuh kesedaran dengan ikhlas untuk mengajak masyarakat kepada 'amar makruf' dan 'nahi mungkar', tetapi kejadian-kejadian yang menjolok mata di dalam kalangan masyarakat Islam terus berjalan, terus mengalir dan terus nampak di hadapan kita.

Maka golongan ini mengambil jalan sendiri dengan mengumpulkan anak jemaahnya, dengan mengumpulkan murid-muridnya, dengan mengumpulkan pengikut-pengikutnya, bahawa ini yang patut kita buat dan ini yang patut kita jalani. Siapa yang tidak mengikut kita, yang tidak menjalani seperti yang kita lalui, Islamnya tidak tulen, Islamnya tidak sejati, imannya tidak mu'ni, taatnya tidak tinggi, taqwanya tidak sempurna. Maka inilah yang menimbulkan satu gejala buruk di dalam masyarakat kita sekarang ini.

Tuan Yang Dipertua, sewaktu membentangkan Akta Pindaan ini tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri menegaskan semalam, untuk menghalang orang-orang Islam daripada terlibat dengan jenayah, maka pihak Kerajaan perlu mengambil tindakan yang lebih

positif dan berkesan dengan mengadakan pindaan denda, penjara dan sebat. Dan dengan pindaan ini akan membawa taraf Mahkamah Syariah sama dengan Mahkamah Majistret.

Tuan Yang Dipertua, setelah 18 tahun atau pada tahun 1965 dahulu dan sekarang setelah 27 tahun kita merdeka dan sekarang sampai masanya kepada pemimpin kita yang mahukan supaya umat di dalam negara kita ini hidup di dalam keadaan baik dan sejahtera, sesuai dengan ajaran Islam. Saya difahamkan bahawa Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri sedang menggubal satu Etika Kerja secara Islam pula. Ini juga saya sanjung dan saya ucapkan syabas dan terima kasih kerana ini adalah satu cara dakwah yang tidak kita namakan dakwah, tetapi itu adalah mengajak manusia kepada kebersihan zahir dan batin, kepada kemurnian fikiran dan hati. Tetapi untuk sampai kepada natijah itu, untuk sampai kepada matlamat itu, apa lagi untuk sampai kepada melaksanakan di dalam sebuah negara yang masyarakatnya berbilang kaum, agama, keturunan, adat resamnya di dalam negara kita ini, bukanlah satu perkara yang mudah untuk kita hendak melaksanakan hal seperti yang kita perlukan ini.

Apa yang perlu diambil kira di dalam melaksanakan undang-undang jenayah di dalam Islam, dalam Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) tahun 1965 yang sekarang ini kita pinda, saya berharap supaya Kerajaan mengambil berat benar-benar kepada mereka, orang perseorangan ataupun kelompok-kelompok, yang mempermain-mainkan kemuliaan dan kesucian ayat-ayat Quran untuk kepentingan mereka. Kerajaan mengambil tindakan kepada mereka atau kelompok-kelompok yang mempermainkan di bibirnya akan hukum-hukum Allah, Kerajaan mengambil tindakan yang sewajarnya kepada mereka yang melakukan jenayah di dalam segi akidah dan keimanan.

Tuan Yang Dipertua, apakah bukan satu jenayah namanya dalam Islam kalau seseorang itu mempersenda-sendakan hukum Allah? Seseorang yang mempersenda-sendakan hukum Allah apakah hukumannya denda \$5,000 atau penjara 3 tahun atau sebat 6 kali, sedangkan di dalam hukum yang sebenarnya adalah jauh lebih berat dari itu. Maka tahap ini adalah satu tahap yang terkemudian, yang insya Allah akan difikirkan oleh Kerajaan dan pemimpin kita di masa akan datang.

Apakah mereka yang mempermain-mainkan kalimah "Allahu-Akhbar" di dalam satu forum memberikan sokongan moral kepada seorang yang bukan beragama Islam bukan satu jenayah dalam Islam? Mempersenda-sendakan satu kalimah yang Maha Besar, kalimah "Allahu-Akhbar", apakah hukumannya melakukan jenayah di dalam Islam yang boleh dibicarakan di Mahkamah Syariah? Kepada golongan yang mengadakan 2 Jumaat, 2 Imam, 2 khutbah; kepada mereka yang mengadakan membaca Khutbah yang ditulis sendiri yang di dalam khutbah itu menarik orang ramai, di dalam khutbah itu memfitnah, di dalam khutbah itu meracuni fikiran jemaah supaya membenci Kerajaan dengan cara halus, dengan cara yang tidak dapat dikesan, kalau difikir sepintas lalu tetapi jika direnung maka khutbah itu adalah meracuni fikiran masyarakat. Apakah ini bukan jenayah di dalam Islam? Apakah perbuatan memansuh dan membatalkan nikah orang yang telah dinikahkan oleh Jurunikah yang dilantik oleh Kerajaan itu bukan jenayah di dalam Islam? Apakah mengadakan perkuburan yang berasingan dengan kubur yang telah dikhaskan untuk orang Islam itu bukan jenayah? Apakah mengajak pengikutnya, atau kumpulannya, atau kelompoknya supaya mengeluarkan zakat dan fitrah kepada Amil yang tidak dilantik oleh Sultan bukan suatu jenayah?

Tuan Yang Dipertua, banyak perkara-perkara yang patut saya

sebutkan dalam Dewan yang mulia ini yang pada pendapat saya merupakan jenayah di dalam Islam. Tetapi, insya Allah, ini semua akan difikir dan ini semua akan dikaji, maka kita berharap kepada alim ulama, cerdik cendekiawan kita yang keluar daripada Azhar Universiti di dalam bidang-bidang Perundangan Islam yang banyak dalam negara kita dan kita berharap kepada anak-anak kita yang sekarang ini sedang menuntut di Universiti Islam Antarabangsa untuk tampil ke hadapan menjadi penyambung ulama-ulama perundangan Islam dalam negara kita. Sepertimana yang disebut oleh seorang sahabat Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini kepada rakyat Malaysia yang bukan Islam, jangan khuatir, bahawa Islam tidak mengajar umatnya merompak harta orang lain. Islam tidak mengajar umatnya menyiksa orang lain. Islam mengajak manusia ini bersatu padu, berkenal-kenalan, berbaik-baik sesama manusia walau apa keturunan bangsa sekalipun.

Tuan Yang Dipertua, maka saya berharap dan saya menyeru kepada pihak yang berkuasa yang akan menjalan dan melaksanakan Undang-undang Mahkamah Syariah ini supaya benar-benar apabila menjatuhkan satu-satu hukuman itu akan menjadi teladan, akan menjadi contoh kepada anggota masyarakat, kepada ahli masyarakat Islam kerana kadang-kadang sekarang ini kita lihat hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah menjadi senda gurau oleh masyarakat Islam dan oleh masyarakat bukan Islam. Kedai kopi yang dibuka oleh seorang yang bukan Islam sepanjang bulan Ramadhan, diserbu ke dalam kedai kopi itu, dapat tangkap orang Islam yang sedang minum di balik tabir, didenda \$15. Di luar Dewan ini, di mana-mana perjumpaan, di mana-mana rapat umum, ceramah parti-parti politik menimbulkan ini. Apakah ini undang-undang Islam yang Kerajaan Barisan Nasional buat? Jadi, ini patut kita fikir dan renungkan.

Satu perkara yang saya ingin mendapat penjelasan ialah Mahkamah Syariah berada di bawah Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing dan lantikan Hakim-hakim Mahkamah Syariah adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri masing-masing, namun demikian apabila hendak diwujudkan jawatan-jawatan yang setaraf, jawatan-jawatan yang lebih tinggi yang memerlukan kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam, maka jawapannya dukacita diberikan, bahawa kelonggaran kepada pembentukan jawatan-jawatan baru itu masih belum dapat diluluskan. Adakah dengan naiknya taraf Mahkamah Syariah sama dengan Mahkamah Magistret ini, Kerajaan telah bersedia dengan persiapan-persiapan yang cukup dalam semua segi. Jika sekiranya Kerajaan belum siap dan belum cukup dalam semua segi. Jika sekiranya Kerajaan belum siap dan belum cukup dengan persiapan saya takut Akta ini kita luluskan tahun 1984 bulan Disember, sampai tahun 1986 besok perjalanannya tidak lancar lagi kerana masih ada keperluan-keperluan yang sepatutnya telah ada tetapi masih belum ada.

Tuan Yang Dipertua, ucapan Yang Amat Berhormat Dato Musa beberapa tahun dahulu di Kelana Jaya sewaktu merasmikan kursus Kadi-kadi seluruh negara, hari ini saya nampak membuahkan hasil yang ditunggu-tunggu oleh para Kadi kita di seluruh negara, umat Islam di seluruh negara yang mahukan satu tingkat yang lebih tinggi di dalam bidang Mahkamah Syariah kita. Di harap supaya barang dijauhkan Allah tidak pula berlaku sesuatu yang tidak diinginkan di dalam Mahkamah Syariah kita yang terdiri daripada orang alim yang tahu hukum-hukum agama tetapi menjadi bahan ketawa kepada masyarakat Islam seperti yang pernah berlaku di negeri Selangor satu masa dahulu di mana seorang Kadi dituduh rasuah dan sabit kesalahannya, dan juga pernah berlaku beberapa kali di tempat-tempat lain. Sifat-sifat dan

kelakuan yang memalukan ini sepatutnya di bawah pimpinan dinamis, progresif sekarang ini, kepimpinan melalui teladan, maka kepimpinan orang-orang alim dan ulama-ulama kita adalah menjadi pandangan kepada masyarakat Islam kita.

Tuan Yang Dipertua, dengan pindaan ini, saya percaya Kerajaan akan menanggung beban bukan sahaja dari segi wang tetapi dari segi masalah-masalah yang lain. Dalam beberapa hal, Kerajaan akan menanggung beban bukan sahaja dari segi wang ringgit tetapi dari hal-hal yang lain. Kepada mereka yang akan terlibat di dalam membangunkan struktur Mahkamah Syariah ini diharap supaya tidak akan berlaku kejadian-kejadian menanggung di air keruh atau memasang jerat di tempat yang genting. Saya berharap supaya taraf Kadi benar-benar tepat seperti kehendak jawatan Kadi dan Hakim Syarak tidak sebagai pendaftar nikah cerai, atau untuk memanggil dua orang suami isteri yang bergaduh berlarutan, kesudahannya hingga 4, 5 tahun tidak selesai.

Tuan Yang Dipertua, apabila pergaduhan atau perkelahian dua orang suami isteri tidak selesai sedangkan di dalam taklik sewaktu akad nikah; maka jika sekiranya suami meninggalkan isteri selama sekian bulan, sekian bulan dengan tidak diketahui alamatnya, tempat tinggalnya, maka boleh mengadu kepada Hakim Syarak. Maka di situ disebut Hakim Syarak, tetapi keputusan Hakim Syarak ternyata seperti yang telah disebutkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, adalah mengecewakan kita. Satu masalah yang menjadi tanda tanya dan persoalan kepada saya ialah sudahkah Kerajaan bersiap untuk mengeluarkan lesen kepada bakal Peguambela-peguambela Syariah. Syarat-syarat untuk menjadi Peguambela Syariah ini mengikut lunas-lunas perundangan Islam. Kita tahu sekarang ini ada beberapa kes yang dibela oleh

Peguambela orang Islam tetapi dalam masalah Mahkamah Syariah ini, maka satu peraturan yang saya rasa perlu ialah adanya Majlis Peguambela Syariah seluruh negara patut diwujudkan supaya tidak akan berlarutan dakwaan di dalam Mahkamah Syariah ini nanti sehingga kesudahannya keputusannya di luar Mahkamah Syariah.

Tuan Yang Dipertua, juga sudahkan Kerajaan mempunyai peraturan bahawa di dalam menjalankan hukum di dalam Mahkamah Syariah ini saksi-saksi yang dijadikan saksi di dalam Mahkamah Syariah itu benar-benar mengikut fungsi saksi seperti yang dikehendaki oleh Islam yakni "masyhur" adilnya. Jika sekiranya tidak maka hukuman yang dijatuhkan adalah hukuman yang mempunyai saksi yang tidak "masyhur" adilnya.

Tuan Yang Dipertua, maka konsep jujur, bersih, cekap, amanah ini telah wujud di dalam ajaran Islam sekian lama yang dibawa oleh Rasullullah s.a.w. tetapi oleh kerana pengaruh yang mempengaruhi kita, penjajah yang telah menjajah negara kita sekian lama telah membawa kita lalai kepada hal-hal yang seperti ini.

Tuan Yang Dipertua, saya percaya Rang Undang-undang ini akan mengalami pindaan lagi di masa akan datang dan apa yang perlu ialah supaya bila dikemukakan Rang Undang-undang mengenai Mahkamah Syariah ini hendaklah Kerajaan menggunakan Bahasa Malaysia di dalam naskah sah. Akta Mahkamah Syariah 1965 menggunakan naskah sahnya dalam bahasa Inggeris. Kalau hendak mengikut kehendak hati saya, naskah sah dalam Akta Mahkamah Syariah ini sepatutnya di dalam bahasa Arab terpaksa kita adakah satu penterjemah dalam bahasa Arab dalam Dewan ini.

(Timbalan Yang Dipetua
mempengaruhi mesyuarat)

Tuan Yang Dipertua, sepatutnya perkara yang semacam ini tidak

sepatutnya berlaku dan di dalam Dewan ini telah berkali-kali kita timbulkan masalah Bahasa Malaysia, Bahasa Kebangsaan negara kita yang sepatutnya perkara ini diambil perhatian yang berat.

Saya menyeru kepada golongan alim ulamak, saya menyeru kepada cerdik pandai, kepada mereka-mereka yang berkelulusan tinggi dalam bidang-bidang agama dalam hal perundangan Islam khasnya supaya menggubal undang-undang, menggubal peraturan-peraturan di dalam kehidupan masyarakat Islam terutama di dalam kuasa jenayah supaya dapat diketahui oleh orang ramai supaya dapat dijadikan matapelajaran, supaya dapat diikuti oleh mereka yang mahu tahu Akta Jenayah di dalam Hukum Syarak ini supaya masyarakat kita akan lebih faham dan lebih mengerti.

Tuan Yang Dipertua, ayat yang terakhir yang diturunkan oleh Allah s.w.t. telah menyatakan dengan izin seperti maksud "bahawa agama ini sempurna bagi mu Ya Muhammad".

Tuan Yang Dipertua, untuk menyempurnakan ini maka saya sekali lagi menyatakan bahawa Kerajaan kita, pemimpin-pemimpin kita sedang berusaha di dalam cita-cita murni untuk mengisi kehendak-kehendak seperti yang telah disebutkan tadi.

Dengan ini, Tuan Yang Dipertua, saya menyokong dengan sepenuhnya Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 1965 dan terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

4.33 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang Dipertua, saya bersyukur kehadiran Allah s.w.t. kerana terdapat beberapa orang Ahli. Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang telah bangun

berucap membuat beberapa pandangan dan cadangan dan seterusnya menyokong pindaan cadangan untuk meminda Seksyen 2 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965.

Tuan Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dalam ucapan mereka telah menyarankan beberapa perkara kepada Kerajaan diantaranya mengenai undang-undang Islam yang sepatutnya dilaksanakan sepenuhnya di peringkat negeri-negeri walaupun secara beransur-ansur memperluaskan bidang kuasa jenayah dalam Akta ini menaikkan taraf jawatan dan Kadi-kadi di Mahkamah Syariah, memperlengkapkan lagi Mahkamah Syariah dengan pegawai-pegawai dan kakitangan yang cukup dan berkelayakan, menaikkan taraf Mahkamah Syariah setanding dengan Mahkamah Sivil dan memberi ganjaran yang berpatutan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di Mahkamah Syariah. Ada pula yang mencadangkan supaya ditubuhkan Majlis Peguam Syariah.

Tuan Yang Dipertua, sukalah saya menerangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bahawa Undang-undang Jenayah yang ditadbirkan melalui Mahkamah-mahkamah Sivil iaitu Mahkamah Majistret, Mahkamah Tengah atau yang dikenali sebagai Mahkamah Sesyen, Mahkamah Tinggi dan seterusnya Mahkamah Persekutuan adalah ditadbirkan selaras di seluruh negara. Ini berbeza dengan Undang-undang Jenayah yang ditadbirkan dengan Mahkamah-mahkamah Syariah dan perbezaan ini juga terdapat dari negara ke negeri kerana mengikut Enakmen Hukum Syarak Negeri masing-masing.

Majistret dan Yang Dipertua Mahkamah atau Presiden Mahkamah dilantik oleh satu Suruhanjaya khas iaitu Suruhanjaya Kehakiman. Kadi-kadi Mahkamah Syariah pula dilantik oleh Duli-duli Yang Maha Mulia Rajaraja Melayu mengikut negeri-negeri masing-masing dan kepada negeri-

negeri yang tiada beraja lantikan mereka dibuat oleh Duli Yang Maha Mulai Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong. Selain daripada itu, terdapat juga taraf kadi-kadi berbeza dari negeri ke negeri. Juga kita tidak ada Mahkamah Tinggi Syariah seperti yang terdapat Mahkamah Tinggi Sivil dan seterusnya Mahkamah Persekutuan Sivil.

Oleh kerana Mahkamah Syariah diletak di bawah bidang kuasa Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing maka prosedur perbicaraan di Mahkamah Syariah berbeza dari negeri ke negeri mengikut Enakmen Hukum Syarak Negeri masing-masing. Begitu juga dalam kes jenayah. Terdapat undang-undang yang berbeza dari segi had hukuman dari negeri ke negeri. Ini bermakna bahawa satu kes, umpamanya kes khalwat, yang dibicarakan di Kota Bharu mungkin Berbeza dengan kes khalawat, yang dibicarakan di Alor Setar dan hukumannya mungkin berbeza juga kerana mungkin terdapat perbezaan Enakmen Hukum Syarak di Negeri Kelantan dan juga di Negeri.

Tuan Yang Dipertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, maka ternyatalah kepada kita semua bahawa Mahkamah Sivil menjalankan pentadbiran Undang-undang Jenayahnya di seluruh negara melalui mahkamah yang terendah iaitu Mahkamah Majistret dan mahkamah yang tengahnya yang dikenali sebagai Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Tinggi dan seterusnya kepada mahkamah rayuan yang dikenali sebagai Mahkamah Persekutuan mengikut Undang-undang Jenayah yang sama, prosedur juga pun sama dan penerimaan bukti-bukti atas standard yang sama. Di Mahkamah Syariah bukan sahaja tidak terdapat prosedur yang sama tetapi juga taraf Kadi-kadi yang berbeza dari negeri ke negeri. Maka tidak hairanlah bahawa kes-kes yang diputuskan oleh Mahkamah Syariah sekarang ini tidak begitu dihormati dan patuhi oleh semua pihak.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran-teguran ke arah ini, tetapi saya percaya selepas mendengar sedikit penjelasan daripada saya tadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bolehlah nampak dengan begitu terangnya sebab-sebab apa keputusan Mahkamah Syariah tidak dihormati dan dipatuhi seperti hukuman-hukuman ataupun keputusan-keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Sivil.

Tuan Yang Dipertua, dalam usaha Kerajaan kita menerapkan nilai-nilai Islam peringkat demi peringkat, Kerajaan memang memberi perhatian yang khusus untuk bukan sahaja untuk menyelaraskan prosedur di Mahkamah Syariah di seluruh negara tetapi juga mempertingkatkan taraf Mahkamah-mahkamah Syariah itu sendiri. Sehubungan dengan itu sukalah saya menjelaskan di sini kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Agama telah sedang giat menjalankan usaha-usaha ke arah ini.

Satu jawatankuasa telahpun ditubuhkan oleh Majlis Kebangsaan, Bahagian Hal Ehwal Agama Islam Malaysia untuk mengkaji kedudukan Mahkamah-mahkamah Syariah dan taraf kadi-kadi di seluruh Malaysia.

Jawatankuasa ini telahpun menyiapkan satu laporan dan telahpun dibentang dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dan beberapa perakuan telahpun dibuat untuk melaksanakan perkara-perkara seperti berikut:

Pertama, struktur Mahkamah Syariah dicadangkan untuk dibahagikan kepada tiga peringkat.

- (i) Mahkamah Syariah sepertimana yang terdapat sekarang.
- (ii) Mahkamah Tinggi Syariah.
- (iii) Mahkamah Rayuan. Mahkamah Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah akan ditubuhkan di

peringkat negeri dan Mahkamah Rayuan akan diwujudkan di peringkat Persekutuan.

Kedua, penubuhan satu Penal Hakim-hakim Mahkamah Rayuan yang dipersetujui oleh Majlis Raja-raja yang akan ditempatkan di Kuala Lumpur untuk mengendalikannya Mahkamah Rayuan atas tanggungan Kerajaan Persekutuan. Inginlah saya menjelaskan di sini bahawa Mahkamah Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah yang akan ditubuhkan, insya Allah, akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri masing-masing.

Ketiga, mengadakan satu Skim Perkhidmatan yang dipanggil Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Syariah bagi pegawai Mahkamah Syariah termasuk Hakim yang sekarang ini dikenali sebagai Kadi, Pendakwa dan Pendaftar yang mana penyandangannya perlu mendapat kelulusan ijazah dalam bidang Syariah dan Diploma Lanjutan Profesion. Perlu juga saya menegaskan di sini bahawa jika cadangan ini boleh diterima, adalah dicadangkan juga bahawa perkhidmatan ini akan diasingkan daripada Jabatan Agama Islam negeri masing-masing supaya membolehkan Jabatan ini bergerak dengan cara bebas seperti mana Mahkamah-mahkamah Sivil sekarang bergerak dengan cara bebas.

Keempat, satu perakuan lengkap sedang disusun untuk memastikan bahawa prosidur perbicaraan di Mahkamah Syariah dapat diselaraskan di seluruh negara setanding dengan perbicaraan di Mahkamah Sivil. Seperti mana yang saya terangkan tadi mengikut prosidur di Mahkamah Sivil terdapat satu prosidur dari segi menerima bukti-bukti untuk memastikan bahawa kes itu dapat dibukti atau tidak. Dan adalah dicadangkan supaya Mahkamah Syariah pun membuat satu peraturan yang sedemikian rupa juga, dan diselaraskan di seluruh negara. Umpamanya, jika mengikut hukum Islam diperlukan 3 saksi, maka seluruh negeri-negeri akan

mengeluarkan undang-undang yang serupa di mana dikehendaki 3 saksi, begitu dan seterusnya. Di samping itu juga latihan dan kemahiran yang cukup akan diberi kepada Kadi-kadi yang ada sekarang untuk mengikuti Kursus Anjuran Universiti Islam Antarabangsa yang mana kursus tersebut dikenali sebagai Kursus Diploma Lanjutan Undang-undang dan Mahkamah Islam. Ini adalah bertujuan untuk meninggikan taraf Kadi-kadi yang ada sekarang supaya segala keputusan kes-kes yang dibicarakan bukan sahaja dihormati tetapi dipatuhi oleh semua pihak.

Tuan Yang Dipertua, dalam penyusunan semula organisasi ataupun Jabatan Agama Islam Negeri, inginlah saya mengumumkan di sini bahawa pihak Kerajaan juga telah memberikan peruntukan supaya Mahkamah-mahkamah Syariah di negeri-negeri diberikan pejabat asing dan dilengkapi dengan alat dan kelengkapan yang moden setanding dengan Mahkamah-mahkamah Sivil.

Tuan Yang Dipertua, jika terwujudnya cadangan-cadangan seperti mana yang saya huraikan tadi bermakna di negara kita, insya Allah akan terwujudlah dua sistem perundangan. Satu sistem perundangan mengikut Undang-undang Sivil dan satu sistem perundangan mengikut Undang-undang Islam dan taraf mereka setanding. Umpamanya, Hakim-hakim Mahkamah Syariah setanding dengan Majistret di Mahkamah Rendah dan juga Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah setanding dengan Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Sivil dan Hakim-hakim Mahkamah Rayuan Syariah di peringkat Pusat setanding dengan Hakim-hakim di Mahkamah Persekutuan Sivil.

Perlu ditegaskan di sini bahawa dalam usaha Kerajaan menerapkan nilai-nilai Islam dan memperkenalkan sistem perundangan mengikut Islam, kita berjalan dengan beransur-ansur,

dengan lain perkataan kita mestilah menyiapkan dahulu perkara-perkara yang perlu disiapkan sebelum kita terus melaksanakan Undang-undang Islam secara menyeluruh.

Kerajaan sentiasa berusaha dan mengambil langkah-langkah yang positif untuk menyatupadukan umat Islam di seluruh Malaysia, misalnya melalui Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, Majlis Muzakarah, Jawatankuasa Fatwa, Persidangan Ketua-ketua Jabatan Agama Islam Negeri-negeri Malaysia dan juga melalui perjumpaan Kadi-kadi Besar Malaysia. Dengan adanya Majlis seperti di atas ini, Kerajaan berharap pentadbiran agama Islam di negeri dalam Malaysia akan dapat diselaraskan dan umat Islam di Malaysia akan dapat disatupadukan.

Tuan Yang Dipertua, tujuan sebenarnya meminda undang-undang yang dikemukakan ke Dewan yang mulia ini adalah untuk membolehkan Mahkamah Syariah membicarakan manamana kes yang mana hukumannya tidak melebihi 3 tahun penjara ataupun denda \$5,000 ataupun disebat 6 kali ataupun apa-apa cantumannya.

Baru-baru ini kita telahpun meluluskan satu Undang-undang iaitu Akta Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam yang telah membolehkan Kadi-kadi di Mahkamah Syariah menjatuhkan hukuman dalam satu-satu kes kesalahan melebihi \$1,000 atau hukuman penjara lebih daripada 6 bulan. Apa yang sebenarnya dengan pindaan ini Kerajaan Persekutuan berharap Kerajaan Negeri masing-masing akan turut serta melaksanakannya, meminda undang-undang ataupun enakmen-enakmen hukum syarak negeri masing-masing untuk membolehkan hukuman yang lebih berat lagi kepada jenayah-jenayah mengikut agama Islam, sehinggalah ke tahap 3 tahun penjara atau \$5,000 denda dan sebat tidak lebih 6 kali.

Tuan Yang Dipertua, dengan itu tidaklah dapat saya hendak menjawab beberapa soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyarankan agar hukuman yang lebih berat berkenaan dengan kes-kes khalwat umpamanya dikenakan kepada mereka yang melakukannya, kerana seperti mana yang kita semua sedia maklum perkara-perkara ini adalah di dalam bidangkuasa Majlis Agama Islam Negeri masing-masing. Kerajaan Persekutuan hanya boleh, dengan izin, membuka pintu memberi jalan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk turut bersama melaksanakan Undang-undang Islam dan buat sementara waktu menjatuhkan hukuman 3 tahun, denda \$5,000 atau disebat 6 kali. Insya Allah selepas perkara-perkara ini dilaksanakan seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom, kita akan menambahkan hukuman dan seterusnya diharapkan Kerajaan Negeri akan mengikut serta untuk menambahkan hukuman-hukuman selaras dengan hukuman Islam yang sebenar.

Inilah sahaja yang saya boleh menjawab dan saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, iaitu Yang Berhormat Senator Fadzil bin Mahmood, Senator Mohd Yusoff Kassim, Senator Haji Mohd. Nour bin Haji Abdullah, Senator Haji Ibrahim bin Haji Ujang, Senator Mohd. Yusof bin Haji Md. Nor dan Senator Haji Shaharom bin Haji Maasom yang telah bangun memberi pandangan-pandangan dan teguran-teguran kepada pindaan yang dikemukakan ke dalam Dewan yang mulia ini. Apa-apa perkara yang telah tidak terjawab, saya mohon memaklumkan bahawa telahpun dicatit untuk dilaksanakan, insya Allah. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah ini kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah

bahasa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalahnya dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KERJA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.53 ptg.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang Dipertua, saya memohon mengemukakan Rang Undang-undang Akta Kerja (Pindaan) 1984 dibaca kali yang kedua.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta Kerja 1955 merupakan perundangan asas dalam bidang piawaian buruh dan perlindungan kepada pekerja-pekerja di sektor swasta sama ada yang berkesatuan atau tidak. Ia menetapkan syarat-syarat pekerjaan yang minima bagi pekerja-pekerja dan melindungi mereka dalam perkara-perkara seperti bayaran gaji, waktu bekerja, kerja malam, hari-hari rehat mingguan, cuti tahunan, cuti sakit, hari-hari kelepasan, faedah-faedah bersalin, faedah-faedah penamatan dan renti kerja sementara dan lain-lain.

Pekerja-pekerja yang berkesatuan boleh menikmati faedah-faedah yang lebih baik daripada piawaian-piawaian minima yang diperuntukkan di dalam Akta melalui perjanjian bersama dalam setiap perusahaan atau tempat pekerjaan. Bagi pekerja-pekerja yang tidak berkesatuan pula yang masih lagi merupakan sebahagian besar daripada tenaga kerja negara kita adalah bergantung kepada piawaian dan perlindungan yang telah dikuatkuasakan oleh Kerajaan menerusi undang-undang untuk kebajikan mereka.

Kerajaan sentiasa menyedari tanggungjawabnya terhadap pekerja-pekerja dan akan terus bertindak untuk memperbaiki piawaian dan perlindungan tersebut sejajar dengan kehendak pembangunan dan juga perkembangan sosio-ekonomi negara.

Justeru itu Rang Undang-undang ini mencadangkan pindaan kepada dua peruntukan penting dalam Akta Kerja 1955 iaitu hak elaun bersalin untuk pekerja-pekerja wanita dalam sektor swasta dan liputan Akta.

Berhubung dengan perlindungan bersalin, sebelum 1hb Jun, 1984 pekerja-pekerja wanita dalam sektor awam layak mendapat cuti bersalin dengan bergaji sehingga maksima 42 hari sahaja sebanyak tiga kali dalam tempoh perkhidmatan mereka. Bagi kelahiran kali keempat dan berikutnya mereka tidak layak mendapat cuti bersalin bergaji tetapi mereka boleh memohon cuti rehat atau cuti tanpa gaji. Mulai daripada 1hb Jun, 1984 yang lalu kelayakan cuti bersalin telah dinaikkan daripada tiga kali kepada lima kali selaras dengan dasar sekarang mengenai kependudukan.

Tuan Yang Dipertua, dalam sektor swasta, seseorang pekerja wanita adalah berhak mendapat cuti bersalin tidak kurang daripada 60 hari setiap kali bersalin di bawah perenggan (a) seksyen kecil (1) kepada Seksyen 37 Akta Kerja

1955. Manakala di bawah perenggan (c) subseksyen (1) kepada Seksyen yang sama pekerja itu tidak berhak mendapat sebarang elaun bersalin, jika pada masa bersalin dia mempunyai tiga orang anak yang hidup atau lebih. Dalam lain perkataan, untuk mendapatkan hak elaun bersalin dia hendaklah mempunyai dua orang anak yang hidup atau kurang pada masa dia bersalin.

Fasal 2 Rang Undang-undang tersebut memohon untuk meminda perenggan (c) seksyen kecil (1) kepada Seksyen 37 bagi membenarkan seseorang pekerja wanita mendapat hak elaun bersalin jika dia mempunyai sehingga empat orang anak yang hidup pada masa dia bersalin. Ini bermakna dia tidak akan berhak mendapat elaun bersalin jika pada masa dia bersalin sudah mempunyai lima orang anak yang hidup atau lebih. Ini adalah sejajar dengan dasar kerajaan sekarang mengenai penduduk dan juga dengan keputusan Kerajaan baru-baru ini menaikkan kelayakan cuti bersalin untuk pekerja-pekerja wanita di dalam perkhidmatan Kerajaan atau sektor awam daripada tiga kali kepada lima kali di dalam tempoh perkhidmatan mereka. Pindaan ini akan memberi perlindungan bersalin yang bertambah kepada pekerja-pekerja wanita di dalam sektor swasta supaya mereka akan berhak mendapat elaun bersalin untuk dua kali bersalin lagi.

Yang kedua ialah berhubung dengan liputan Akta. Akta Kerja 1955 meliputi orang-orang yang digajikan di dalam kerja buruh kasar tidak mengira gaji mereka. Walau bagaimanapun di dalam kes orang-orang yang tidak digajikan di dalam kerja buruh kasar, hanya mereka yang gajinya tidak melebihi \$750 sebulan sahaja diliputi oleh Akta. Had gaji tertinggi sebanyak \$750 sebulan ini bagi pekerja-pekerja bukan buruh kasar telah ditetapkan pada 1hb Januari, 1977 yang lalu. Dengan kenaikan kadar gaji tahun demi tahun sejak tahun 1977 itu banyak pekerja bukan buruh kasar telah

terkeluar daripada skop Akta ini, kerana gaji mereka melebihi sekatan \$750 yang dihadkan.

Fasal 3 Rang Undang-undang ini memohon untuk meminda perenggan (1) kepada Jadual Pertama Akta ini bagi menaikkan liputan Akta ini daripada \$750 sebulan kepada \$1,000 sebulan bagi pekerja-pekerja bukan buruh kasar dalam sektor swasta.

Dengan kenaikan sekatan \$1,000 pekerja-pekerja tersebut yang telah terkeluar daripada skop Akta ini akan dibawa kembali ke dalam bidang kuasa dan perlindungan Akta ini. Kenaikan yang dicadangkan ini adalah juga sejajar dengan kenaikan sekatan gaji dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja atau PERKESO, 1969 dan merupakan langkah ke arah keseragaman dalam liputan di bawah semua Undang-undang Buruh.

Tuan Yang Dipertua, adalah dianggarkan bahawa dengan pindaan ini tambahan sebanyak 100,000 orang pekerja bukan buruh kasar akan menikmati faedah-faedah dan perlindungan yang disediakan oleh Akta ini. Pada masa ini adalah dianggarkan Akta tersebut meliputi seramai 1,300,000 orang pekerja dalam sektor swasta yang berkerja di bawah kontrak perkhidmatan.

Tuan Yang Dipertua, kedua-dua pindaan di dalam Akta ini telah dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan yang diadakan pada 24hb. Ogos, 1984 yang lalu telah mendapat persetujuan kedua-dua pihak majikan dan pekerja.

Melalui Rang Undang-undang ini Kerajaan sekali lagi melaksanakan kewajibannya untuk memperbaiki kebajikan pekerja-pekerja sejajar dengan perkembangan semasa.

Tuan Yang Dipertua, saya dahului dengan ucapan terima kasih kepada Dewan yang mulia ini yang akan menerima dan mempersetujui Rang Undang-undang tanpa banyak

perbahasan. Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. James P. Ongkili): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Kerja 1955 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Jaafar bin Harun.

5.03 ptg.

Tuan Jaafar bin Harun: Tuan Yang Dipertua, saya bangun mohon izin bercakap sepatah dua mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kerja 1955 sepertimana yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang Dipertua, pembentangan Rang Undang-undang meminda Akta Kerja 1955 ini oleh Timbalan Menteri Buruh pada hari ini di Dewan Parlimen ini saya kira memang telah kena pada masa dan telah bersesuaian waktunya kerana sebelum ini beberapa pandangan atas rayuan atau syor-syor dari pihak kaum wanita telah disuarakan bukan sahaja dalam pertubuhan parti-parti politik, badan-badan kebajikan tetapi juga dalam akhbar-akhbar tempatan dan sebagainya.

Atas laungan-laungan atau desakan-desakan oleh kaum wanita itu Kerajaan kita mengambil berat dan pandangan serta teliti untuk mengubahsuai Akta Kerja yang ada beberapa lama itu bagi diselaraskan pada masa sekarang. Walaupun Akta Kerja 1955 dahulu telah disemak dalam tahun 1981 tetapi oleh kerana perkembangan manusia berkait pula dengan ekonomi negara serta perkembangan semasa dunia hari ini, maka Akta yang ada itu telah

memerlukan pindaan untuk disesuaikan dengan keadaan manusia yang ada pada hari ini terutamanya khusus kaum wanita kita.

Saya nampak sekarang pekerja-pekerja kita dalam negara ini sama ada dalam sektor swasta, jabatan-jabatan Kerajaan, badan-badan berkanun dan lain-lain lagi pada keseluruhannya jika dibanci kalau tidak pun 50% kaum wanita mungkin lebih daripada itu terdiri daripada kaum wanita kita kecuali dalam angkatan bersenjata. Jadi maknanya sekarang lelaki dan perempuan telah bersama-sama memberi pengorbanan kepada negara, bangsa dan agama kita.

Dalam pada itu yang patut kita olahi ataupun perbetuli jika terdapat mana-mana bahagian yang canggung ataupun tidak sedap pada pandangan umum lebih-lebih lagi tentang cara-cara aturan pekerjaan kepada kaum wanita ini patutlah dikaji dan dibaiki mana-mana kelemahan yang ada atau yang tersasul atau terlebih kerana Kerajaan kita sekarang sedang menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam pemerintahan kita sekarang.

Kita juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana Kerajaan telah dapat melaksanakan pembayaran gaji sama antara lelaki dan wanita, kalau pada masa dahulunya tidak terdapat demikian. Tetapi bagaimanakah halnya dengan kaum wanita kita yang bertugas atau bekerja di sebelah malam?

Memang benar kaum wanita kita boleh mampu bekerja sama ada siang atau malam sepertimana juga kaum lelaki. Apatah lagi kaum wanita kita juga mendapat gaji yang sama. Tetapi yang hendak dipersoalkan sekarang bukannya masalah gaji, yang hendak diteliti sekarang ialah cara-cara mereka bekerja menjalankan tugas-tugas, adakah bersesuaian atau tidak dari segi agama Islam kita jika kaum wanita bekerja di sebelah malam.

Saya berharap kepada Kerajaan supaya mengkaji semula perkara itu adakah bersesuaian atau tidak kaum wanita kita bekerja di sebelah malam di mana didapati pada jabatan-jabatan tertentu. Jika ada kecacatan atau kerosakannya dari segi hukum agama Islam, maka satu peraturan lain hendaklah disediakan dan dilaksanakan. Tentang cara-cara pekerjaan kepada kaum wanita kita supaya selaras dalam kita mewujudkan dan menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran Kerajaan kita pada hari ini.

Tuan Yang Dipertua, jika sekiranya tidak ada kecacatan atau kecelaannya dari segi hukum agama Islam kita yang maha suci ini berhubung dengan wanita-wanita kita yang bekerja di sebelah malam itu saya fikir Kerajaan patut juga mengkaji atau merangka peraturan-peraturan supaya kaum wanita kita tidak bekerja di sebelah malam.

Pertimbangan itu dibuat ada kaitannya dengan unsur-unsur agama kita tambahan pula diukur dari segi keselamatan wanita-wanita kita dan tanggungjawab mereka kepada keluarga dan rumahtangga. Kalau peraturan ini dilaksanakan maka satu perubahan baharu telah diwujudkan oleh Kerajaan kita Malaysia ini dan saya percaya akan mendapat sambutan baik bukan sahaja kaum wanita kita tetapi juga seluruh rakyat.

Tuan Yang Dipertua, menyentuh Fasal 2, perenggan (c) sub-seksyen 1, Seksyen 37 bermaksud yang membolehkan pekerja-pekerja wanita menuntut elaun bersalin dari anak pertama hingga anak kelima yang masih hidup. Dan sehubungan dengan itu Kerajaan juga menambahkan kelayakan mereka cuti bersalin daripada tiga kali menjadi lima kali. Maka saya adalah mengalu-alukan Rang Undang-undang ini kerana Kerajaan secara langsung atau tidak langsung menggalakkan rakyat untuk mendapatkan dari segi keramaian pertumbuhan penduduk untuk mencapai

matlamat Kerajaan kepada 70 juta manusia menjelang tahun 2000 nanti.

Ini juga bererti Kerajaan telah mengambil unsur-unsur penerapan nilai-nilai Islam kita ke dalam pentadbiran kita pada hari ini dari segi perkembangan ummah.

Tuan Yang Dipertua, saya suka menyentuh sedikit berhubung dengan cuti bersalin bagi pekerja-pekerja wanita kita. Di masa-masa yang sudah ini seseorang pekerja wanita itu apakala bersalin mendapat cuti diberi oleh Kerajaan melalui jabatan masing-masing selama 42 hari sahaja. Selepas daripada itu mereka hendaklah menjalankan tugas seperti biasa. Tuan Yang Dipertua, ibu yang baharu bersalin ini kebanyakan mereka belum berapa sihat betul dan masih lemah lagi sementelahan pula kita menggalakkan rakyat supaya ibu-ibu menyusukan bayinya dengan susu ibunya. Dengan cuti selama 42 hari itu tentulah bayi-bayi tidak mendapat kesempurnaan dan kebiasaan untuk menyusu kepada ibu-ibunya.

Kebanyakan bayi-bayi itu terpaksa diberikan susu botol yang akhirnya kanak-kanak itu tidak berkehendakkan lagi kepada susu ibunya pada hal Kerajaan kita menggalakkan kanak-kanak atau bayi-bayi menyusukan susu ibu.

Oleh itu, Tuan Yang Dipertua, melalui Dewan yang mulia ini saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan supaya cuti bersalin selama 42 hari itu ditambah kepada 60 hari kerana mereka yang bekerja dengan swasta apakala mereka bersalin, mereka mendapat cuti selama 60 hari dan ada kemudahan-kemudahan doktor pakar bagi rawatan mereka. Oleh itu, Kerajaan kita juga patut mengambil perhatian bagi menyelaraskan cuti-cuti bersalin kepada pekerja-pekerja wanita kita pula daripada 42 hari itu ditambah kepada 60 hari. Kalau bersalin selama 42 hari itu diselaraskan dengan pekerja-pekerja swasta menjadi

60 hari, maka saya percaya pekerja-pekerja wanita kita tidak terasa perbezaan dan tidak lari bekerja dengan swasta oleh kerana layanan cuti bersalin antara pegawai-pegawai Kerajaan dengan swasta telah sama tidak ada perbezaan.

Pendek kata, sebagaimana layanan cuti bersalin bagi mereka yang bekerja dengan pihak swasta, sama ada layanan kepada kemudahan, doktor pakar dan lain-lain, ada juga didapati kepada pekerja wanita kita yang bekerja dengan pihak Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, saya fikir cukup setakat itu dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Senator Mohd. Yusoff bin Kassim.

5.13 ptg.

Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim: Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana diberi peluang kepada saya bangun bersama-sama rakan saya mengambil bahagian di dalam perbincangan satu Akta untuk meminda Akta Kerja 1955 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri baru-baru ini.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan juga pihak Kerajaan yang sedar dan telah membawa satu Akta yang begitu baik khasnya kepada kaum buruh di seluruh negara kita pada ketika ini. Ada dua perkara yang penting telah disentuh oleh Yang Berhormat Menteri. Pertamanya berkenaan dengan cuti bersalin bagi pihak wanita-wanita. Saya menyokong dengan rakan saya tadi iaitu cuti bersalin ini biarlah saya cadangkan diberikan lebih lagi dan juga saya tambahkan lagi cadangan itu janganlah

diberi cuti bersalin hanya satu hingga 5 orang sahaja anak yang hidup dan untuk memberi galakan kepada mereka itu hendaklah ditambah lagi daripada 5 ke atas supaya diberikan sekurang-kurangnya 50% cuti sebagaimana yang akan dicadangkan. Ini kerana dapat kita menggalakkan kepada wanita-wanita supaya mereka ini tidak menyekatkan supaya bersalin itu had 5 anak sahaja. Dan juga saya di sini, kita juga lebih faham iaitu wanita-wanita itu sentiasa, kadangkala kita tahulah, kita tahu kesusahan mereka itu bersalin, janganlah kita anggapkan iaitu sakit bersalin iaitu adalah normal, tetapi apabila kita kaji dan kita teliti kadangkala di dalam gambar-gambar, di dalam TV dan sebagainya apabila mereka bersalin kita dapati mereka itu terlampau susah untuk hendak bersalin. Jadi beri kepada mereka itu keistimewaan-keistimewaan untuk bersalin.

Dan saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri iaitu dalam Akta ini juga, kenaikan daripada \$750 sehingga \$1,000 iaitu bukan buruh. Di sini juga cuma Yang Berhormat Menteri tidaklah menekankan di dalam Akta ini kepada gaji-gaji buruh-buruh yang rendah, cuma menekankan kepada gaji-gaji yang bukan buruh.

Kita harus sedar di seluruh negara kita ini gaji pekerja-pekerja khususnya di swasta-swasta sangat berleluasa iaitu pekerja-pekerja itu tidak stabil gajinya iaitu tidak seimbang di antara satu swasta dengan satu swasta yang lain. Saya di sini berharap kepada Yang Berhormat Menteri menyelidiki iaitu banyak daripada kawasan industri-industri, khususnya pelombong-pelombong bijih, khususnya di negeri Perak, mereka ini kadangkala tidak seimbang gajinya di antara buruh yang lain, umpamanya buruh kilang dan buruh-buruh industri. Wanita-wanita itu gajinya terlampau rendah daripada swasta yang lain. Kenapakah perkara ini boleh berlaku?

Saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri bahawa supaya

dapat mengambil tindakan yang tegas dan haruslah kita selidiki lebih mendalam supaya gaji-gaji di dalam semua swasta kepada buruh-buruh itupun hendaklah dizamankan gaji mereka ini.

Tuan Yang Dipertua, juga kita dapat ialah pekerja-pekerja, kalaulah mereka itu masuk di dalam satu pertubuhan iaitu pertubuhan pekerja, kalaulah Yang Dipertua ataupun Setiausahanya terlampau begitu aktif di dalam Pertubuhan Pekerja ini, maka pihak majikan terlampau senang sahaja memberhentikan mereka daripada tugas-tugas mereka di dalam syarikat majikan itu. Jadi ini saya rasa Ahli Yang Berhormat sendiripun tahu baru-baru inipun ada Setiausaha Kerja di dalam satu fektori telah diberhentikan sehingga membawa mogok dan semua pekerja-pekerja itu tidak bersetuju di atas pemberhentian oleh majikan mereka di atas Setiausaha Pertubuhan Pekerja-pekerja itu. Perkara ini saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri supaya tindakan itu hendaklah tegas, janganlah pihak majikan sentiasa membuang pekerja-pekerjanya sewenang-wenangnya sahaja.

Di tempat saya memang banyak berlaku iaitu sehingga kadang-kadang lebih dari 40 orang dibuang dengan serta-merta oleh majikan-majikan tanpa sebab. Apabila dikemukakan kepada pihak Kerajaan, mereka tidak memberi satu alasan yang begitu baik. Umpamanya, seorang pekerja di Lombong SEK di Kampar, Perak yang begitu sewenang-wenangnya dibuang kerja. Saya telah membuat permohonan kepada Yang Berhormat Menteri Besar untuk mengambil sama-sama tindakan dengan Kementerian, tetapi tidak ada apa-apa tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan. Ini sangat mendukacitakan pihak saya, khususnya pekerja-pekerja di lombong SEK itu.

Tuan Yang Dipertua, saya tidak hendak panjangkan ucapan saya kerana Yang Berhormat Menteri juga

mengatakan biarlah perbahasan ini pendek sedikit, saya kalau hendak sentuh di sini banyak faktor, saya hendak sentuh, cuma saya akhiri dengan satu cadangan sahaja iaitu cadangan saya supaya hari kelepasan mingguan; hari kelepasan mingguan ini saya mencadangkan supaya biarlah di seluruh negeri kita ini sama. Saya cadangkan supaya hari Jumaat ataupun hari Sabtu biarlah digantikan hari Minggu kerana kita dapati di dalam negara kita inipun iaitu cuti kelepasan mingguan ini pun tidak sama di antara satu negeri dengan satu negeri.

Saya percaya apabila saya membuat cadangan ini, Yang Berhormat Menteri akan mengatakan itu adalah "hak negeri-negeri" tetapi saya percaya kalaulah satu sidang Kabinet akan mengarahkan, nasihatkan kepada semua pihak iaitu pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri saya percaya semua pemimpin Kerajaan Negeri akan turut bersama-sama untuk membuat satu kelepasan kepada hari Jumaat.

Kita pandangkan di sini di Kedah umpama kata hari Jumaat dan di Perak hari minggu, dengan kerana itu perhubungan di antara negeri tidak sama, tidak sama kelepasannya iaitu kalau kita pergi ke Kedah, masa itu hari Jumaat, di negeri Perak masih bekerja di hari Jumaat. Kalaulah orang negeri Kedah hendak buat-buat kerja di hari Minggu di negeri Perak, rasa saya tak dapat dijalankan kerja-kerja di hari Minggu. Saya percaya perkara ini juga Yang Berhormat Menteri akan menyentuhkan iaitu perniagaan dan perhubungan luar negeri akan pula terjejas. Tetapi di sini tak perlulah kita timbangkan sangat iaitu terjejasnya kita di luar negeri, tetapi hendaklah kita samakan kelepasan mingguan itu di negara kita ini ke satu hari yang tetap, umpamanya, katalah hari Jumaat, jadi nescaya dapat kita semua di dalam negeri-negeri di dalam Malaysia kita ini dapat cuti yang begitu sama di dalam seluruh negara Malaysia kita ini.

Jadi tidaklah saya hendak bercakap dengan panjang, saya berikan peluang kepada rakan saya yang akan bercakap. Di sini saya menyokong penuh di atas Rang Undang-undang satu Akta untuk meminda Akta Kerja 1955. Saya sokong dengan penuh. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Puan Rokiah binti Zainuddin.

5.20 ptg.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kerana memberi peluang kepada saya membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kerja Tahun 1955.

Wanita mengalu-alukan Akta ini di mana ia merupakan satu penghormatan ataupun satu penghargaan dari Kerajaan di atas sumbangan besar wanita kepada negara. Penghargaan Kerajaan ini adalah wajar memandangkan ia merupakan satu sumbangan ke arah pencapaian dasar baru Kerajaan iaitu dasar kependudukan 70 juta. Di samping itu nasib negara kita juga bergantung kepada pengorbanan wanita bagi melahirkan tenaga pekerja, cerdik-pandai, ahli-ahli politik dan lain-lain lagi sebagai menyambung satu generasi ke satu jenerasi lain. Tanpa sumbangan ini sudah tentu negara kita akan mengalami kekurangan tenaga pekerja, cerdik-pandai, ahli-ahli politik dan lain-lain lagi yang mana akan menyebabkan negara mengalami masalah-masalah besar. Saya menyeru kepada Kerajaan, khususnya kepada Kementerian Kesihatan agar memberi perhatian yang lebih kepada menambahkan lagi wad-wad bersalin, bidan-bidan Kerajaan dan doktor-doktor wanita untuk memberi pengawasan yang cukup kepada wanita yang bersalin. Ini adalah satu cara untuk menggalak wanita menyahut seruan Kerajaan menambah penduduk

negara. Pada masa sekarang, seseorang ibu yang hendak bersalin hanya boleh dimasukkan ke wad bersalin bila sudah sampai ke peringkat saat-saat hendak bersalin. Dengan ini berlakulah ibu-ibu bersalin di pejabat, di dalam kereta, di dalam bas dan di dalam perjalanan ke rumah sakit. Tidakkah Kerajaan bercadang hendak memberi cuti kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang hendak bersalin seminggu sebelum tarikh ia dijangka bersalin bagi mengelak kejadian seperti di atas dan juga untuk memberi peluang kepada mereka membuat persediaan terakhir bagi menyambut kelahiran anak atau orang baru itu.

Tuan Yang Dipertua, pada masa sekarang, Kerajaan hanya memberi cuti bersalin kepada pegawai Kerajaan selama 42 hari. Ini bermakna ia terpaksa hadir ke pejabat masih dalam pantang kerana pantang pada orang-orang Islam adalah 44 hari. Saya menyeru kepada Kerajaan untuk memberi kepada pegawai-pegawai wanita cuti bersalin selama 60 hari seperti yang diberi oleh pihak swasta kepada pekerja-pekerja wanita. Ini adalah juga satu cara untuk menggalakkan pegawai-pegawai wanita bersalin dengan perasaan senang hati dan gembira tanpa sebarang tekanan dari pihak majikan. Dan mereka akan hadir ke pejabat selepas bersalin dengan kesihatan yang baik dan siap sedia untuk menjalankan tugas-tugas pejabat.

Tuan Yang Dipertua, saat-saat seseorang isteri hendak bersalin adalah saat seseorang suami perlu sangat berada di sisinya. Maksud saya, seseorang suami tidak akan tenteram perasaannya jika ia berada di pejabat sementara isterinya bersabung nyawa antara hidup dan mati di rumah, di klinik atau di rumah sakit. Tidakkah Kerajaan bercadang memberi sehari atau dua hari cuti tanpa rekod kepada suami yang isterinya bersalin sebagai satu insentif ataupun simpati Kerajaan kepada seorang suami yang mengalami saat-saat kecemasan di atas.

Tuan Yang Dipertua, Akta ini memberi cuti kepada pegawai Kerajaan wanita sebanyak lima kali cuti bersalin. Apa hal dengan wanita yang sudah bersalin selama lima kali tetapi anak yang dilahirkan itu mati setiap kali dilahirkan atau lima kali cuti bersalin tetapi anaknya hidup hanya seorang dua sahaja. Adakah Kerajaan hendak memberi kelonggaran kepada mereka yang masih hendak mencuba nasib mereka agar mereka tidak merasa kecewa.

Tuan Yang Dipertua, sekianlah sahaja dengan ringkas yang dapat saya sumbangkan kerana banyak telah diperkatakan oleh rakan-rakan yang sebelum saya.

Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Buruh sebentar tadi.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Puan Nen Abidah.

5.25 ptg.

Puan Nen Abidah binti Abdullah: Tuan Yang Dipertua, terima kasih saya ucapkan oleh kerana mendapat peluang untuk memperkatakan berhubung dengan menyokong pindaan Akta Kerja 1955 ini. Saya amat mengalu-alukan pindaan ini dan merasa bahawa perkara ini bukanlah satu perkara yang dipandang rendah atau hina.

Pindaan yang dicadangkan ini adalah untuk menaikkan sekatan gaji bagi pekerja-pekerja. Pada satu masa dahulu kita mendengar ada cemuhan-cemuhan mengatakan bahawa wanita-wanita yang bekerja sentiasa mementingkan make up sahaja dan tidak mementingkan kerja dengan betul. Sudah tentu, Tuan Yang Dipertua, apabila sampai waktu yang seperti begini maka wanita lebih-lebih memberikan sokongan terhadap Akta

yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Setinggi tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan yang sentiasa mengambil dan memandang berat kepada bukan sahaja golongan yang berpendapatan tinggi tetapi juga kepada berpendapatan rendah. Dan ini adalah sesuai dengan sabda junjungan Nabi kita Muhammad s.a.w. yang bermaksud: "Bahawa kamu sebagai seorang pemimpin, maka kamu akan disoal atau ditanya di bawah kepimpinanmu". Ertinya, Kerajaan yang ada pada hari ini tidaklah memandang pada sebelah pihak sahaja ataupun tidak memandang kepada pihak kaum sejenis mereka sahaja tetapi adalah memandangkan berat kepada kaum jenis wanita kerana wanita sebagai ibu ataupun sebagai anak kepada kaum lelaki maka haruslah kaum lelaki memandang berat di atas perkara ini. Kerana jika isterinya bersalin hingga kepada lima orang tidak mendapat cuti yang sempurna maka sudah tentu kesihatan ibu-ibu yang bersalin tidak akan terjamin. Kita juga merasa hairan pada masa-masa lalu kenapa Kerajaan memberikan sekatan hanya tiga orang sahaja dan tidak memberikan kelonggaran cukai pendapatan kepada iaitu anak-anak yang dilahirkan, bukan sahaja kita memandangkan bahawa Kerajaan hari ini mahukan penambahan penduduk sehingga 70 juta hingga kepada tahun 2100 maka baru ketika ini memandangkan keadaan yang seperti demikian. Tetapi bolehlah kita katakan bahawa keadaan seperti demikian kesedaran baru timbul kepada Kerajaan maka itulah sebabnya diberi kelonggaran ataupun diberi cuti bersalin lebih daripada masa-masa yang lalu.

Wanita, Tuan Yang Dipertua, bukan sahaja bekerja dalam satu sektor tetapi wanita adalah bekerja di segenal lapisan kerana kita amat memerlukan tambahan tenaga di masa hadapan kerana wanita bukan sahaja kaum yang

lemah dikatakan pada satu masa tetapi sekarang tidak dikatakan lagi kaum yang lemah. Apa yang boleh dikerjakan oleh kaum lelaki maka boleh dikerjakan oleh kaum wanita. Maka itulah sebabnya kita memandang berat kepada Akta ini dan kita merasa bahawa Akta ini adalah amat baik dan bijak dan kena pada masanya. Dan bukanlah pula ada orang memandangkan bahawa ini satu cemuhan dan kehinaan pada wanita manakala kita berkehendakkan pertambahan penduduk 70 juta, baru kita berikan kelonggaran seperti demikian. Tetapi oleh perkara ini adalah kelemahan manusia biasa maka wanita tidaklah menjadi sesuatu dan kita merasa bahawa pandangan ini adalah pandangan yang berguna dan pandangan yang memberi faedah kepada rakyat ataupun kepada kaum wanita sendiri.

Mungkin adakalanya iaitu satu-satu tenaga akan lumpuh jika tidak disertai tenaga wanita. Maka sudah tentu kepentingan wanita harus dipertimbang dan dijaga. Cadangan ataupun pindaan lain adalah menunjukkan bahawa ini membolehkan bagi seseorang pekerja wanita layak menuntut elau bersalin sehingga lima orang anak dan dengan ini bahawa saya rasa peningkatan yang kita harapkan akan dapat memenuhi sasaran 70 juta menjelang pada tahun 2100. Apa boleh buat, Tuan Yang Dipertua, saya dan rakan saya sudah tidak dapat melahirkan anak lebih daripada lima, jikalau tidak, kita pun mahu juga.

Tuan Yang Dipertua: Cubalah (*Ketawa*).

Puan Nen Abidah binti Abdullah: Dalam Akta ini sudah menunjukkan gambaran yang jelas bahawa Kerajaan tidak menyekat kelahiran anak. Oleh kerana pada masa yang lalu seolah-olah satu sekatan kelahiran anak ini dengan hanya membolehkan mendapatkan cuti bersalin sebanyak 40 hari sahaja.

Selain daripada itu, Tuan Yang Dipertua, kita berharap Kerajaan mahu

memandang daripada segenap segi. Jika sekiranya kita mahu bahawa kelahiran seseorang keluarga itu lebih daripada 5 maka kita pula mahu melihat tentang kedudukan ataupun ekonomi keluarga tersebut. Janganlah kita berkehendakkan supaya keluarga itu menambah anak 5 maka gajinya \$1,000 sudah tentu tidak memadai untuk menanggung atau menyara hidup anak-anak ataupun keluarga mereka.

Pada masa sekarang ini kita lihat bahawa keadaan hidup mereka, setengah daripada setengahnya tidak sempurna maka itulah sebabnya bahawa satu-satu keluarga takut ataupun curiga untuk melahirkan anak lebih daripada 5 orang kerana dikatakan bahawa pencarian mereka atau pendapatan mereka tidak cukup, sungguhpun kita dengar dalam Quraan kita tidak takut bahawa penambahan anak itu menambahkan kemiskinan tetapi itu adalah gambaran kepada mereka yang mengetahui sahaja. Kepada mereka yang tidak mengetahui keadaan ini sudahlah menjadi satu keluh kesah bahawa jika keluarganya bertambah maka sudah tentulah pendapatan mesti mahu ditambahkan.

Begitu juga dalam hal penduduk atau kependudukan, seolah-olah seumpama satu keluarga pada hari ini diberi sebuah rumah yang begitu kecil yang kita pandang pada hari ini sudah tidak meliputi kekeluargaan lagi. Sebuah rumah yang diberi oleh Kerajaan ataupun rumah kos rendah dia hanya mempunyai dua bilik sahaja dan apabila kita masuk sahaja ke ruang rumah maka kita sudah lihat dapur dan begitu juga bilik-bilik yang tidak dapat menyenangkan kedudukan keluarga ini. Maka kita haruslah memandang pula dari segi tersebut supaya keadaan hidup mereka akan lebih sempurna jika ditelek atau dibandingkan dengan keluarga mereka yang wujud pada hari ini. Kita harus mengembalikan kekeluargaan dengan memberikan lebih banyak

peluang kepada mereka ini seumpamanya Kerajaan haruslah tidak hanya memberi rumah kos rendah tetapi kita hendaklah memberi sebidang tanah ataupun tanah yang diminta oleh mereka supaya mereka sendiri dapat mendirikan rumah di atas tanah-tanah yang mereka pohon daripada Kerajaan dan akan dapat memberi lebih keselesaan kepada kehidupan sekeluarga mereka dan ini bolehlah kita katakan bahawa mereka ini berkehendakkan dalam serba-serbi

Begitu juga dalam hal pelajaran yang semakin mencabar dari sehari ke sehari maka sudah tentulah ibu dan bapa kepada anak-anak tadi akan memandang berat bahawa tanggungan mereka pada masa akan datang akan bertambah dan juga peningkatan dalam serba-serbi hal akan lebih-lebih lagi berat pada masa-masa yang akan datang. Jadi, kita mahu bahawa Kerajaan bukan sahaja mahu menambahkan penduduk sehingga 70 juta pada tahun 2100 lagi dan mahu memberikan kelonggaran kepada cuti bersalin dan juga kepada 5 orang anak.

Dalam hal kerja pula, Tuan Yang Dipertua, iaitu kami wanita berharap janganlah cuti bersalin diberi 5 orang anak dan juga lebih daripada 60 hari maka diberatkan pula kepada wanita-wanita ini bekerja lebih daripada masa-masa yang lalu. Hendaknya kerja biarlah setakat sebagaimana yang ada pada hari ini dan kita berharap supaya Kerajaan akan memandang berat dalam hal-hal wanita pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang Dipertua, saya dengan segala sukacitanya juga menyokong Akta yang dibentangkan baharu sebentar tadi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

5.35 ptg.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, saya juga mengambil peluang ini mengucapkan

berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah memberi pandangan, syor dan teguran. Sesungguhnya segala pandangan-pandangan dan syor-syor itu adalah amat berguna untuk pertimbangan Kerajaan dan insya Allah Kementerian saya akan sentiasa memberi perhatian, penelitian dan di mana yang sesuai akan dilaksanakan. Walaupun demikian, Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin juga daripada Tuan Yang Dipertua untuk mengambil masa sedikit bagi menerangkan beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Senator sekalian.

Memang benar pindaan Akta ini adalah juga hasil daripada pandangan-pandangannya yang disuarakan selama ini oleh orang ramai, anggota masyarakat, terutama sekali golongan pekerja-pekerja sendiri. Perkara yang berhubung dengan cuti bersalin bagi pekerja-pekerja wanita merupakan desakan yang amat lantang pada masa-masa kebelakangan ini daripada pekerja-pekerja kaum wanita. Oleh yang demikian, pihak Kerajaan khususnya, Kementerian Buruh sentiasa memberi perhatian di atas pandangan-pandangan ini dan bersedia pada bila-bila masa mempertimbangkannya dan sekiranya ia didapati sesuai, Kerajaan tidak teragak-agak untuk mengadakan pindaan demi pindaan untuk kebaikan bersama.

Yang Berhormat Senator Tuan Jaafar bin Harun juga menimbulkan berhubung dengan gaji antara pekerja wanita dengan pekerja lelaki didapati tidak sama di sektor swasta.

Memang betul, Tuan Yang Dipertua, kita dapati pada masa ini ada diamalkan di setengah-setengah tempat oleh setengah-setengah majikan iaitu diberi gaji yang sama antara pekerja wanita dengan pekerja lelaki. Namun demikian masih juga terdapat di setengah-setengah tempat yang pemberian gajinya adalah berbeza, walaupun di setengah-setengah tempat kita dapati tahap

kebolehan kerja antara pekerja wanita dan pekerja lelaki adalah sama. Saya sendiri dan pegawai-pegawai daripada Kementerian saya sentiasa memberi pandangan kepada majikan-majikan supaya seboleh-bolehnya menghapuskan perbezaan ini terutama sekali dalam jenis-jenis pekerjaan yang sama-sama boleh dilaksanakan antara pekerja wanita dengan pekerja lelaki tanpa perbezaan.

Yang Berhormat Senator Tuan Jaafar bin Harun juga menimbulkan persoalan tentang pekerja-pekerja wanita yang ditugaskan bekerja pada waktu malam. Kebimbangan wujud mungkin kalau dibenarkan pekerja-pekerja wanita bekerja di waktu malam ini menimbulkan perkara-perkara yang mungkin dipandang buruk. Sebenarnya, Tuan Dipertua, undang-undang kita juga menghadkan majikan-majikan di sektor swasta daripada menggunakan tenaga wanita ini untuk bekerja pada waktu malam di tempat pekerjaan seperti di kilang-kilang hanya kepada waktu-waktu tertentu sahaja. Tetapi apabila persoalan ini ditimbulkan barangkali kita juga terpaksa mempertimbangkannya dan saya menghargai pandangan Yang Berhormat itu dan ini akan dikaji dari masa ke semasa jika perlu mungkin satu pindaan akan diadakan kepada Akta Pekerjaan tahun 1955 ini juga di atas masalah ini.

Tetapi sekali fikir, Tuan Yang Dipertua, kerja malam ini sebenarnya ada juga memberi faedahnya.

Sebenarnya mengikut peraturan yang diamalkan di negara kita pada masa ini majikan-majikan swasta yang menggunakan pekerja-pekerja untuk bekerja pada shift waktu malam dipaksakan memberi elaun shift tambahan, dengan yang demikian pekerja-pekerja yang bekerja malam akan memperolehi pendapatan yang bertambah daripada pekerja-pekerja yang hanya bekerja di siang hari sahaja. Tetapi sudah tentulah barangkali kita

tidak mementingkan sangat dari segi pendapatan ini semata-mata, kita juga mementingkan dari segi buruk baiknya tetapi dari segi buruk baiknya juga, sekali sekala boleh juga difikirkan bahawa ada lebih baiknya pekerja-pekerja wanita ini dibenarkan bekerja atau ditetapkan bekerja pada waktu malam, kerana dengan cara yang demikian pekerja-pekerja ini tidaklah tergugat dengan gangguan-gangguan lain sebagaimana sekiranya mereka mempunyai masa yang lapang pada waktu malam. Oleh yang demikian, ini juga patut dipertimbangkan. Barangkali sekiranya pekerja-pekerja wanita dibenarkan bekerja pada waktu malam dan mereka hanya pada siang hari sahaja berada di rumah, barangkali gejala-gejala buruk dapat dihindarkan. Oleh yang demikian, pandangan Yang Berhormat itu sentiasa dipertimbangkan kerana sesungguhnya kita hendak mencari sesuatu yang baik yang boleh memberi kebaikan kepada kita bersama.

Berhubung dengan perkara-perkara lain yang ditimbulkan, mungkin saya tidak mempunyai masa yang cukup untuk menjelaskannya satu persatu. Walaupun demikian, saya telahpun mencatatkannya dan akan diberi pertimbangan dan penelitian yang lebih rapi.

Berhubung dengan jumlah hari cuti bagi wanita yang bersalin memang ada perbezaan antara pekerja-pekerja wanita di sektor swasta, di bawah Akta ini dibenarkan bercuti selama 60 hari, tetapi pekerja-pekerja wanita di sektor awam yang bekerja dengan Kerajaan pada masa ini hanya dibenarkan bercuti selama 42 hari sahaja. Oleh yang demikian ramai di antara Yang Berhormat Senator-senator yang bercakap menyarankan supaya keadaan ini disamakan dan saya percaya syor-syor ini akan diberi perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan. oleh Jabatan yang berkenaan terutama sekali Jabatan Perkhidmatan Awam yang

bertanggungjawab bagi pihak Kerajaan sebagai majikan kepada pekerja-pekerja di sektor awam.

Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Tuan Mohd. Yusoff Kassim juga telah menimbulkan banyak perkara dan memberi pandangan-pandangan yang sangat berguna dan berfaedah. Saya mengucapkan terima kasih di atas sokongan yang diberi oleh Yang Berhormat itu, tetapi saya suka menerangkan satu perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat berhubung dengan Kesatuan-kesatuan Sekerja di mana pemimpin-pemimpin yang cergas sentiasa menjadi mangsa kepada majikan-majikan. Tindakan-tindakan dikenakan dan setengah-setengahnya diberhentikan kerja dengan sewenang-wenangnya.

Saya sukalah menyatakan di sini, dalam amalan negara kita pada masa ini yang mengamalkan sistem demokrasi yang menjunjung kedaulatan undang-undang, sudah tentu tidak menyetujui dan tidak membenarkan perbuatan seumpama ini dilakukan kerana seseorang pekerja adalah dibebaskan oleh undang-undang, diberi kuasa bergerak di dalam sesebuah Kesatuan Sekerja jika Kesatuan Sekerja itu didaftarkan secara halal mengikut undang-undang di dalam negara kita ini. Maka tidak sepatutnya pihak majikan mengambil tindakan-tindakan yang sewenang-wenangnya memberhentikan pekerja-pekerja yang cergas di dalam Kesatuan Sekerja. Perbuatan seumpama ini adalah dianggap melanggar undang-undang dalam negara kita. Sekiranya ada terbukti dengan jelas penganiayaan seumpama ini dilakukan, sudah tentu tindakan-tindakan boleh diambil terhadap majikan-majikan yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, suka saya menjelaskan bahawa pemberhentian kerja di dalam negara kita sekarang ini pada umumnya dilakukan oleh majikan-

majikan dengan dua cara. Yang pertama, sebagaimana yang disebutkan tadi iaitu dengan memberhentikan seseorang pekerja itu sesuka hati ataupun dengan sebab-sebab yang dinyatakan dengan tindakan disiplin dan sebagainya. Satu cara lagi ialah dengan melakukan pemberhentian beramai-ramai atas alasan kemerosotan ekonomi.


Saya suka memaklumkan mengikut Undang-undang Buruh yang berkuatkuasa pada masa ini iaitu Akta Perhubungan Perusahaan yang juga dikuatkuasakan oleh Kementerian Buruh, mana-mana pekerja yang merasai dirinya diberhentikan oleh majikan dengan tidak adil, dengan tidak ada sebab, maka pekerja yang berkenaan boleh, di dalam masa 30 hari, menuntut supaya ianya diambil bekerja kembali oleh majikan yang berkenaan dan tuntutan itu hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Perhubungan Perusahaan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh ianya diberhentikan. Pihak Jabatan Perhubungan Perusahaan boleh membuat penyiasatan dan mendesak supaya majikan yang berkenaan mengambil balik jika pemberhentian itu didapati tidak dilakukan dengan cara yang adil.

Jika majikan masih enggan, pihak Kementerian Buruh boleh merujukkan kes seumpama itu ke Mahkamah Perusahaan di mana Hakim Mahkamah Perusahaan boleh membuat keputusan muktamad di mana majikan yang berkenaan wajib mematuhi. Jika sekiranya pemberhentian dilakukan dengan sebab-sebab kemerosotan ekonomi, misalnya pekerja-pekerja lombong terpaksa diberhentikan kerana lombong itu terpaksa ditutup atau terpaksa dikurangkan pengeluarannya dengan sebab-sebab sekatan kuota dan sebagainya, maka oleh yang demikian undang-undang tidak menghalang majikan yang berkenaan daripada berbuat demikian. Pihak majikan mestilah mematuhi peraturan-peraturan

yang ditentukan oleh Akta Pekerjaan, 1955 ini juga yang mana pihak majikan diwajibkan memberi notis terlebih dahulu ataupun membayar gaji sebagai ganti notis dan selain daripada itu memberi bayaran faedah-faedah berhenti kerja sebagaimana yang dicatatkan oleh undang-undang kepada pekerja-pekerja yang diberhentikan supaya pekerja-pekerja itu mendapat faedah-faedah yang dijangka berpatutan dan dapatlah pula meneruskan hidup baru, mencari pekerjaan baru.

Kerajaan tidak dapatlah memaksa majikan-majikan supaya terus menggaji seseorang atau semua pekerja masing-masing jika sekiranya perniagaan atau perusahaan yang dialami oleh majikan yang berkenaan itu benar-benar merosot dan terpaksa diberhentikan perniagaan atau perusahaannya. Walaupun demikian, kita dapati juga aduan-aduan mengatakan ada setengah-setengah majikan yang mengambil kesempatan daripada keadaan ini sahaja, menjadikan kemerosotan ekonomi ini sebagai suatu alasan semata-mata untuk memberhentikan pekerja-pekerja dengan tujuan yang lain. Perbuatan yang seumpama ini sesungguhnya adalah perbuatan yang tidak sepatutnya dilakukan oleh mana-mana pihak majikan yang bertanggungjawab.

Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Yusoff juga mencadangkan supaya Cuti Mingguan disamakan di seluruh negara. Saya memang amat bersetuju dengan cadangan ini dan saya percaya ramai lagi orang yang bersetuju dengan cadangan ini kerana selama ini pun kita mendengar adalah barangkali tidak begitu munasabah kita dalam sebuah negara Cuti Mingguan tidak bersamaan antara satu tempat dengan satu tempat yang lain, atau antara satu negeri dengan negeri yang lain. Tetapi dalam hal ini juga masih ada orang yang tidak bersetuju. Jadi oleh sebab ada yang bersetuju dan ada yang tidak bersetuju dengan alasan masing-masing, maka pertimbangan-pertimbangan yang



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Penggunaan Bahasa Rasmi Mesyuarat [Ruangan 577]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 578]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 592]

Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 618]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Badan Berkanun Getah [Ruangan 592]

Rang Undang-undang Instituit Teknologi MARA [Ruangan 619]

Rang Undang-undang Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) [Ruangan 647]

Rang Undang-undang Eksais [Ruangan 664]

Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) [Ruangan 668]

Rang Undang-undang Petroliaam (Cukai Pendapatan) (Pindaan) [Ruangan 672]

teliti juga harus diberi oleh pihak Kerajaan.

Saya percaya Yang Berhormat sekalian pun maklum jika ini hendak dilaksanakan melibatkan peringkat tinggi pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam negara kita ini, maka saranan Yang Berhormat itu bolehlah disuarakan lagi dengan lantang, jika Yang Berhormat bersetuju, supaya ianya mendapat pertimbangan yang lebih serius oleh semua pihak yang terlibat.

Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Puan Rokiah dan Yang Berhormat Puan Nen Abidah juga menyentuh perkara-perkara dan mengucapkan terima kasih dan saya ingin mengambil peluang ini untuk menyampaikan ucapan terima kasih kembali di atas ucapan-ucapan itu dan sesungguhnya ucapan terima kasih itu memberi galakan kepada kami di Kementerian Buruh. Perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat yang berkenaan itu patut juga diberi perhatian, umpamanya, dari segi penambahan wad-wad bersalin.

Saya juga kadang-kadang merasa bimbang, saya takut dengan lulusnya Rang Undang-undang ini nanti pekerja-pekerja wanita kita berlumba-lumba pula hendak melahirkan anak supaya sampai 5 orang dengan yang demikian wad-wad bersalin di hospital pula menjadi sesak dan tidak mencukupi dan saya percaya pandangan itu juga akan mendapat perhatian daripada Kementerian Kesihatan.

Begitu jugalah pandangan supaya diberi cuti kepada suami. Sebenarnya jika berlaku kecemasan di saat-saat seseorang isteri hendak bersalin, sudah tentulah pihak suami yang berkenaan, dengan apa cara pun, boleh memperolehi cuti. Tetapi sekiranya suami juga hendak bercuti rehat kerana isterinya bersalin, saya rasa barangkali ini juga tentulah dipersetujui oleh semua pihak, apatah lagi suami-suami sendiri. Tetapi kita juga mestilah

fikirkan dari segi pelaksanaannya sama ada ianya boleh sesuai dilaksanakan atau tidak.

Yang Tuan Dipertua, Yang Berhormat Senator Puan Rokiah juga bertanya tentang Akta ini, tafsirannya dari segi bilangan anak itu adakah termasuk anak-anak yang hidup atau anak-anak yang meninggal dunia. Sebenarnya angka yang digunakan di sini ialah anak-anak yang masih hidup, anak-anak yang meninggal dunia memang tidak dikira; anak-anak yang masih hidup pada masa seseorang isteri yang hendak mendapat cuti untuk bersalin.

Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Senator Puan Nen Abidah menekankan satu perkara berhubung dengan masalah pendapatan pekerja-pekerja. Kita menggalakkan pekerja-pekerja kita mendapat anak yang lebih ramai kerana ini merupakan dasar kependudukan negara kita pada masa ini hendak mencapai hasrat 70 juta, tetapi di masa yang sama juga sudah tentulah kita mesti memikirkan tentang pertambahan pendapatan setiap keluarga itu untuk menampung atau menanggung perbelanjaan anak yang bertambah, begitu juga kemudahan-kemudahan asas yang lain seperti tempat tinggal, tempat bekerja dan sebagainya.

Tuan Yang Dipertua, dari segi pendapatan pekerja-pekerja, memanglah Kerajaan sentiasa berusaha melalui berbagai-bagai cara dan kita berhasrat dan kita menyedari bahawa pendapatan kebanyakan pekerja-pekerja di negara kita pada masa ini, khususnya yang bekerja sebagai buruh yang ditakrif sebagai buruh mengikut liputan Akta Kerja 1955 ini, sebahagian besarnya masih pada tahap yang rendah, sebagaimana juga yang disebut dan digambarkan oleh Yang Berhormat Senator-senator yang lain dan ada pendapatan setengah-setengah pekerja di setengah-setengah sektor pekerjaan yang masih dianggap tidak mencukupi untuk menyara keluarga masing-masing. Maka

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

Penggal Yang Kedua

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN TAPA, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T. J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).

oleh yang demikian, kita tidaklah boleh semata-mata dengan memaksa majikan untuk membayar lebih daripada apa yang dibayar sekarang kepada pekerja masing-masing, tetapi hendaklah diusahakan dengan berbagai-bagai cara sehingga membolehkan majikan yang berkenaan itu mampu memberi bayaran yang lebih kepada pekerja-pekerja masing-masing.

Antara beberapa usaha yang sedang dijalankan dan akan terus dijalankan ialah, pertamanya, meningkatkan daya pengeluaran. Kita mahu pekerja-pekerja kita di mana-mana sahaja bekerja sebenar-benarnya merupakan pekerja-pekerja yang produktif yang menambah produktiviti dan meningkatkan daya pengeluaran masing-masing. Dengan cara yang demikian kita percaya akan meningkatkan pendapatan.

Kedua, ialah dengan mewujudkan atau menggalakkan pengurusan yang cekap kerana dengan cara yang demikian juga, kita jangka akan meningkatkan pengeluaran dan dengan demikian akan menambahkan pendapatan.

Ketiga, melalui perhubungan perusahaan yang sihat yakni hubungan yang baik, harmoni antara pekerja dengan majikan. Tidak lagi majikan dan pekerja menggunakan sebahagian besar dari masa masing-masing untuk berkelahi, bahkan biarlah kita gunakan sebahagian besar, kalau boleh 100% daripada masa masing-masing untuk bekerja, kerana dengan cara yang demikian kita boleh meningkatkan pendapatan. Dengan cara yang demikian juga, yang keempatnya boleh menggalakkan pertumbuhan ekonomi dalam negara ini. Dengan yang demikian tentulah pulangnya kembali kepada pekerja-pekerja dan pekerja-pekerja akan dapat menikmati gaji, elaun, kemudahan-kemudahan lebih baik dari masa ke semasa dan sesungguhnya tidak dapat dinafikan dalam negara kita pada masa-masa yang lalu dan pada masa sekarang pun perubahan-perubahan yang dinikmati oleh pekerja-pekerja di mana-mana

sahaja sektor pekerjaan meningkat dari setahun ke setahun.

Tuan Yang Dipertua, saya rasa setakat itulah penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan sekali lagi memberi jaminan bahawa pandangan-pandangan dan syor-syor daripada Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan mendapat perhatian seperti juga di masa-masa yang lalu, jika perlu dasar, undang-undang akan diubah mengikut pensesuaian demi kebaikan bersama. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PEJABAT POS (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.57 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Haji Abdul Rahim bin

Yang Berhormat DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).

- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ TAN SRI LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K., (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P. Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHAYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).
- „ TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

Abu Bakar): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pejabat Pos 1947 dan mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda Akta Pejabat Pos 1947 dengan memasukkan satu bahagian baru bagi memperuntukkan sistem perakaunan perniagaan yang akan diterima pakai oleh Jabatan Perkhidmatan Pos. Untuk tujuan ini Kumpulanwang Pos perlulah ditubuhkan yang mana wang yang ditetapkan dalam fasal tertentu Rang Undang-undang ini akan dimasukkan ke dalam Kumpulanwang ini dan pembayaran yang ditetapkan dalam fasal tertentu Rang Undang-undang ini akan dibuat daripadanya.

Tuan Yang Dipertua, sebagaimana kita sedia maklum, Jabatan Perkhidmatan Pos adalah termasuk dalam golongan jabatan yang menjalankan kegiatan bercorak perniagaan. Walau bagaimanapun, sistem perakaunan yang telah dijalankan selama ini bukanlah sistem perakaunan perniagaan, tetapi sistem perakaunan perniagaan, tetapi sistem perakaunan sebagaimana yang diamalkan oleh kebanyakan jabatan Kerajaan yang lain. Objektif penukaran sistem perakaunan Jabatan Perkhidmatan Pos Malaysia kepada Sistem Perakaunan Perniagaan yang dicadangkan adalah antara lain untuk membereskan setakat mana mungkin segala belanja membekalkan kemudahan dan perkhidmatan pos dengan segala pendapatan yang diperolehi daripadanya. Sistem Perakaunan Perniagaan akan juga dapat memberi Jabatan Perkhidmatan Pos flexibility dan autonomy yang lebih dalam pengurusan dan operasi hariannya di samping mewujudkan kawalan yang lebih baik terhadap pendapatan dan perbelanjaan

operasinya termasuk perbelanjaan pembangunan. Dengan ini kecekapan jabatan akan meningkat dan orang ramai akan menikmati faedah perkhidmatan yang lebih sempurna.

Sistem Perakaunan Perniagaan yang dicadang dilaksanakan di Jabatan Perkhidmatan Pos hanya boleh dipraktikkan dengan adanya satu kumpulanwang supaya akaun Jabatan Perkhidmatan Pos itu diasingkan daripada akaun hasil dan perbelanjaan Kerajaan yang disatukan. Tanpa pengasingan tersebut, adalah sukar bagi cadangan ini dilaksanakan oleh kerana mengikut amalan sekarang perakaunan hasil dan perbelanjaan bagi Jabatan Perkhidmatan Pos adalah sebahagian daripada kira-kira hasil dan perbelanjaan Kerajaan yang disatukan.

Kumpulanwang Pos yang dicadangkan ini boleh diwujudkan melalui pindaan kepada Akta Pejabat Pos 1947 sepertimana yang pernah dilaksanakan bagi mewujudkan Kumpulanwang Telekom dalam tahun 1971 dan Kumpulanwang Penerbangan Awam dalam tahun 1975 melalui pindaan kepada Akta Jabatan berkenaan.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang bagi meminda Akta Pejabat Pos 1947 yang dicadangkan ini adalah melibatkan Bahagian II Akta berkenaan dengan memasukkan Bahagian IIA yang baru.

Rang Undang-undang ini akan memperuntukkan sistem perakaunan perniagaan yang akan dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Pos. Untuk tujuan ini satu Kumpulanwang Pos akan diadakan yang mana wang yang ditetapkan akan dimasukkan dalam Kumpulanwang itu dan pembayaran yang ditetapkannya akan dibuat daripadanya.

Menteri Kewangan selepas berunding dengan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos akan memutuskan bagi satu-satu

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

tahun kewangan jumlah yang akan dibayar daripada Kumpulanwang itu bagi maksud pembangunan dan ianya juga boleh memutuskan selepas berunding dengan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos supaya apa-apa jumlah wang yang lebih daripada apa yang diperlukan oleh Kumpulanwang Pos itu dimasukkan dalam akaun hasil yang disatukan.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Pos Malaysia hendaklah menjalankan dasar yang boleh mendatangkan hasil kewangan sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri selepas berunding dengan Menteri Kewangan. Apa-apa keuntungan bersih yang diperolehi daripada perkhidmatan pos bagi satu-satu tahun kewangan hendaklah digunakan mengikut cara yang diputuskan oleh Menteri selepas berunding dengan Menteri Kewangan.

Rang Undang-undang ini juga memperuntukkan supaya penyata anggaran pendapatan dan perbelanjaan bagi satu-satu tahun kewangan dihantar kepada Perbendaharaan dan supaya suatu penyata Anggaran Hasil Kewangan bagi satu-satu tahun kewangan itu dikemukakan kepada Kedua-kedua Majlis Parlimen dan juga supaya akaun perniagaan diaudit oleh Ketua Audit Negara.

Rang Undang-undang ini juga memperuntukkan fasal pengecualian, yakni apa-apa peruntukan lain dalam Akta Acara Kewangan 1957 dan Akta Kumpulanwang Kemajuan 1966 serta apa-apa peraturan yang dibuat dan apa-apa arahan yang dikeluarkan di bawahnya itu dipakai bagi Jabatan Perkhidmatan Pos.

Tuan Yang Dipertua, dari segi kewangan, Rang Undang-undang yang dicadangkan ini akan melibatkan Kerajaan dengan perbelanjaan tambahan yang dijangka akan berkisar di sekitar keperluan mengadakan tenaga kerja perakaunan serta belanja perjalanan, latihan dan lain-lain yang diperlukan

semasa melaksanakan sistem baru ini. Walau bagaimanapun, adalah menjadi prinsip perniagaan supaya perbelanjaan yang tidak dapat dielakkan semasa melaksanakan sistem ini perlu ditanggung oleh Jabatan Perkhidmatan Pos sendiri.

Tuan Yang Dipertua, memandangkan kepada faedah-faedah yang telah dinyatakan maka adalah difikirkan perlu bagi Rang Undang-undang ini dipertimbangkan oleh Dewan yang mulia ini bagi menubuhkan Kumpulanwang bernama Kumpulanwang Pos pada tarikh yang akan ditetapkan dalam *Warta* dan melaksanakan sistem perakaunan perniagaan dalam Kumpulanwang Pos yang akan ditubuhkan itu. Saya dengan ini memohon mencadangkan.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. James P. Ongkili): Tuan Yang Dipertua saya mohon menyokong.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah dihadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pejabat Pos tahun 1947 dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

6.05 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk sama-sama membuat perbincangan dalam Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan) yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang Dipertua, saya mengalu-alukan Akta Pejabat Pos (Pindaan) ini kerana daripada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi bahawa Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan) ini menggambarkan kepada saya tujuan besarnya ialah untuk meningkatkan

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Selasa, 4hb Mei, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN YANG
DI-PERTUA

PENGGUNAAN BAHASA RASMI
MESYUARAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memaklumkan iaitu mulai mesyuarat Dewan Negara yang akan datang, Yang di-Pertua tidak lagi akan membenarkan dengan cara umum Ahli-ahli Yang Berhormat menggunakan bahasa Inggeris dalam ucapan-ucapan Ahli-ahli. Akan tetapi, Yang di-Pertua akan membenarkan seseorang Ahli Yang Berhormat menggunakan bahasa Inggeris hanya dalam perkara-perkara khas atau teknikal sahaja, yang mana pada timbangan Yang di-Pertua ada baiknya kerana sebab-sebab yang tertentu diberi kebenaran.

Lebih daripada lapan tahun telah berlalu sejak dibuat keputusan supaya Bahasa Malaysia diterima sebagai Bahasa Kebangsaan dan rasmi yang tunggal. Pada masa-masa yang lampau, Yang di-Pertua telah melonggarkan aturan mengenai penggunaan Bahasa Malaysia dan membenarkan setengah-setengah Ahli Yang Berhormat menggunakan juga bahasa Inggeris. Satu daripada tujuan-tujuannya ialah supaya Ahli-ahli itu dapat melatih diri supaya lebih mahir dalam Bahasa Malaysia. Sekarang sukacita saya melihat ramai Ahli-ahli Yang Berhormat berucap dalam Bahasa Malaysia dan membuktikan kebolehan mereka berbuat demikian. Oleh itu, saya anggap telah sampailah masanya kita ketatkan Peraturan Majlis Mesyuarat mengenai penggunaan Bahasa Malaysia.

Walau bagaimanapun, bagi Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak, mereka tidak dilarang menggunakan bahasa Inggeris mengikut peruntukan Akta Bahasa Kebangsaan, tetapi mereka digalakkan supaya

menggunakan Bahasa Malaysia seberapa yang boleh.

Setiausaha Dewan Negara telah diarah menghantarkan satu salinan Pengumuman ini kepada tiap-tiap seorang Ahli Yang Berhormat untuk makluman.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN
LAYANAN JURURAWAT
KEPADA PESAKIT

1. Tuan Abdul Aziz bin Tapa minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan sungutan-sungutan orangramai terhadap layanan jururawat-jururawat terhadap pesakit-pesakit samada kursus dalam perkhidmatan bagi jururawat telah diadakan dan samada tatarakyat telah diajar sebagai salah satu matapelajaran, sesuai dengan budi bahasa dan adat resam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, kursus dalam perkhidmatan dan kursus-kursus ulangan bagi jururawat-jururawat adalah dikelolakan pada satu-satu tempuh masa yang teratur dan perkara-perkara yang diajar termasuklah perhubungan manusia dan orang ramai, tatasusila dan budi bahasa, adat resam dan kepercayaan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

Walau bagaimanapun, suka saya menyatakan di sini bahawa memandangkan kepada perkhidmatan perubatan kita yang membangun dengan pesatnya, Kementerian saya masih menghadapi kekurangan kakitangan kejururawatan. Nisbah bagi jururawat-jururawat kita jika dibandingkan dengan lain-lain negeri yang telah maju adalah masih sangat jauh rendahnya. Oleh yang demikian, kebanyakan daripada jururawat-jururawat kita terpaksa memikul beban kerja yang lebih dan mungkin kerana inilah terdapat beberapa kelemahan.

lagi keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan pos di negara kita sesuai dengan perkembangan dan pembangunan yang pesat sekarang ini.

Maka satu sistem perakaunan perdagangan dan satu sistem Kumpulanwang Pos akan ditubuhkan bagi memperkemas dan menjamin kelancaran perjalanan perkhidmatan pos di negara kita. Kerana dengan adanya Kumpulanwang Pos yang tersendiri akan memudahkan bagi mentadbirkan perkhidmatan pos di negara kita untuk merancang perkhidmatan pos dan untuk melaksanakan berbagai rancangan perkhidmatan pos bagai seluruh negara bukan sahaja di dalam bandar malahan sampai ke hujung-hujung kampung pedalaman di seluruh negara di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Kerana dengan mempunyai Kumpulanwang Pos yang tersendiri perkhidmatan pos akan melangkah kesatu langkah lebih tepat dan cergas, tidak teragak-agak di dalam memberi perkhidmatan kepada negara dan rakyat.

Tuan Yang Dipertua, dengan adanya perakaunan perdagangan kepada perkhidmatan pos supaya faedah yang didapati oleh kedua-dua pihak iaitu pemberi dan penerima akan setimpal. Apabila kita dan pemimpin-pemimpin kita menyebut penswastaaan kepada beberapa agensi-agensi Kerajaan maka saya nampak ini adalah langkah awal menuju kepada matlamat ini. Ertinya memberi kebenaran kepada satu agensi Kerajaan membuat tabung kewangannya sendiri, merancang sendiri dan melaksanakan sendiri. Tetapi saya memberi ingat, was jangan sampai berlaku curang, salah guna wang, pecah amanah dan lain-lain kes jenayah. Kalau selama ini kita dengar beberapa buah Pejabat Pos kena rompak, di samun sama ada oleh perompak-perompak atau penyamun-penyamun daripada rakyat kita atau daripada luar,

saya berharap supaya tidak akan berlaku pula rompakan dari dalam perkhidmatan pos sendiri.

Tuan Yang Dipertua, jika sekiranya berlaku kelemahan-kelemahan selama ini di dalam perkhidmatan pos, kita berharap semoga kelemahan-kelemahan itu akan diperbaiki dengan adanya pindaan Akta ini. Sesungguhnya kejadian seperti banyak surat-surat yang dihumbankan ke gaung ataupun ke sungai tidak akan berulang lagi.

Tuan Yang Dipertua, supaya perkhidmatan pos lebih cergas diharapkan supaya surat daripada Petaling Jaya ke Kuala Lumpur yang pernah mengalami berhari-hari baru sampai tidak akan berulang. Dan kiriman wang pos yang memakan masa hingga berbulan-bulan tidak kunjung tiba kepada penerimanya juga tidak akan berulang. Juga surat cepat atau telegram memakan masa tiga hari baru sampai kepada si penerimanya juga tidak akan berulang. Sekalipun kejadian-kejadian ini peratusnya sangat kecil tetapi rungutan daripada rakyat hendaklah diambil kira.

Yang Berhormat Menteri di dalam huraiannya tadi menyatakan Jabatan Perkhidmatan Pos adalah salah satu jabatan yang bercorak perniagaan. Maka sekarang ini kenalah pada masanya diluluskan pindaan ini untuk memberi peluang kepada perkhidmatan pos negara kita mengorak langkah lebih dahulu ke hadapan. Tetapi ingat di dalam mengorak langkah untuk mencari keuntungan jangan sampai hasrat rakyat untuk menerima perkhidmatan pos cemerlang kecewa.

Harga setem boleh dinaikkan dari satu masa ke satu masa tetapi janganlah setem habis di satu-satu Pejabat Pos hingga memakan berhari-hari baru dapat peruntukan semula.

Kiriman Wang Pos dan Wang Berdaftar sepatutnya disampaikan kepada alamat yang tertulis tetapi masih

Bagi tahun 1976, Kementerian saya telah membuat permohonan sebanyak 921 jawatan tambahan jururawat dan pihak Agensi Pusat pada asalnya telah bersetuju memberikan 866 jawatan tetapi pada akhirnya 672 jawatan sahaja yang telah diluluskan. Oleh kerana bilangan jawatan yang diluluskan itu adalah sangat kurang daripada bilangan asal yang dipohonkan. Kementerian saya masih lagi menjalankan perundingan untuk mendapatkan jumlah bilangan asal yang dipohonkan itu.

HOSPITAL DAERAH, JASIN

2. Tuan Abdul Aziz bin Tapa minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kementerian beliau mempunyai rancangan untuk membina sebuah hospital daerah di Jasin, Melaka dan jika ya, bila, jika tidak, mengapa.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kementerian Kesihatan jangka panjang untuk mengadakan sebuah Hospital dalam tiap-tiap Daerah di Semenanjung Malaysia ini. Pada masa ini keutamaan yang tinggi adalah diberi kepada kawasan-kawasan yang terpencil seperti di negeri-negeri di Pantai Timur, yang mana kemudahan-kemudahan Hospital adalah sangat kurang jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang di Pantai Barat.

Dengan peruntukan yang terhad tidak mungkin dapat diberi keutamaan yang lebih kepada setengah-setengah negeri selain dari apa yang dinyatakan di atas. Oleh yang demikian, cadangan Hospital bagi Jasin hendaklah mengikut jadual keutamaan yang tersebut.

Pekan Jasin tidak berapa jauh daripada Bandar Melaka dan Alor Gajah, di mana ada perkhidmatan Hospital pada masa sekarang. Pada masa ini untuk mengatasi masalah pesakit-pesakit, sebuah Ambulan baru telah ditempatkan di Pusat Kesihatan Besar dengan tujuan membawa pesakit-pesakit itu dengan segera ke Hospital dan juga jika perlu sebuah Ambulan tambahan akan ditempatkan di situ. Pusat Kesihatan Besar di Jasin memberi perkhidmatan perubatan dan kesihatan dan juga Pergigian kepada pesakit-pesakit luar.

TUDUHAN HANOI TERHADAP ASEAN

3. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah terjejas sikap ASEAN dengan limparan tuduhan oleh Hanoi terhadapnya yang mengatakan bahawa ASEAN adalah satu pakatan tentera menggantikan SEATO untuk mempertahankan Imperialisme Amerika. Samada Malaysia telah menerangkan kedudukan yang sebenarnya melalui duta-duta Malaysia di negeri tersebut dan jika sudah, apakah sambutannya.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya nyatakan dalam Dewan ini kenyataan yang dibuat oleh Hanoi itu mungkin terbit dari salah faham atau prasangka terhadap ASEAN. Kenyataan-kenyataan itu tidak akan menjejaskan ASEAN sendiri. Negara-negara ASEAN menyatakan hasrat mereka untuk menjalinkan hubungan dengan negara-negara Indo-China untuk kepentingan dan keuntungan bersama. Adalah diharap hubungan dan dialog yang diadakan dapat membasmikan apa-apa prasangka terhadap ASEAN di kalangan negara-negara Indo-China. Perwakilan-perwakilan Malaysia di Hanoi dan juga di negeri-negeri Indo-China telah memberi keterangan yang lanjut dan jelas kepada Kerajaan-kerajaan Vietnam dan juga Laos mengenai kegiatan Malaysia dalam ASEAN serta tujuan-tujuan ASEAN. Terpujanglah kepada Kerajaan-kerajaan itu membuat apa-apa kesimpulan yang mereka ingin.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini berpendapat bahawa dengan perhubungan diplomatik antara Kerajaan kita dengan Kerajaan Kemboja baharu-baharu ini telah menunjukkan satu pandangan yang baik daripada negara-negara block Indo-China itu terhadap ASEAN?

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Ya.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan Malaysia dapat menerima dengan penuh kesabaran dan pengertian bahawa keadaan Kerajaan Hanoi itu sedang menyusun dan memperbaiki

ada kejadian orang tua yang sudah bongkok diminta datang ke Pejabat Pos berpuluh-puluh batu jauhnya untuk mengambil Kiriman Wang Pos daripada anak atau cucunya. Sepatutnya kejadian ini dimaklumi dan belas kasihan daripada pihak Pejabat Pos kepada orang-orang tua yang seperti ini sepatutnya dikecualikan.

Lainlah kalau yang menerima kiriman itu orang muda, isteri seorang tentera kita yang berkhidmat di tempat yang jauh misalnya, bolehlah orang muda untuk dihantarkan satu kad supaya datang mengambil kirimannya di Pejabat Pos. Saya berharap benar supaya orang-orang tua, nenek-nenek, makcik-makcik atau pakcik-pakcik tidak akan lagi diminta datang ke Pejabat Pos dan kita berharap supaya Perkhidmatan Pos akan menghantarkan posmenya sendiri ke alamat orang tua yang berkenaan.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu beberapa bangunan-bangunan lama Pejabat Pos yang telah dibina lebih 50 tahun dahulu, di zaman penjajah yang sudah bocor, yang dindingnya sudah berlubang dan kakitangan yang bekerja di situ pun saya lihat sudah mempunyai satu perasaan tawar hati, maklumlah orang lain sudah mendapat pejabat yang baru, tetapi dia masih duduk di pejabat yang lama. Ini berlaku seperti di Jeram di Sepang, di Banting dan beberapa tempat yang lain, dengan keadaan pejabat yang sempit, panas, waktu hujan banjir.

Saya berharap semoga dengan adanya pindaan Akta ini khidmat pos akan berusaha untuk mengubah dan membuat perancangan masing-masing untuk mempercepat perubahan-perubahan di tempat-tempat yang masih ketinggalan itu.

Tuan Yang Dipertua, saya tidak ragu di dalam menyokong pindaan ini kerana saya berpendapat dengan adanya Sistem Perakaunan Perdagangan di dalam khidmat pos banyak hal dan perancangan

boleh dibuat kerana ianya tidak akan berulang alik, tanya jawab apabila membuat estimate belanjawan bagi setiap tahun.

Tuan Yang Dipertua, di dalam membahaskan pindaan Akta Pejabat Pos tahun 1947 ini, saya juga mengucapkan syabas kepada Kementerian kerana sistem drop back dengan izin, yang baru diperkenalkan, sekiranya di Petaling Jaya dan Kuala Lumpur perkara ini dapat berjalan dengan baik dan penerima-penerima akan menerima surat di dalam tempoh 24 jam terutama surat-surat Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, satu perkara lagi yang saya ingin sebutkan di dalam membahaskan Akta pindaan ini ialah mengenai dengan Sistem Kod Pos, untuk Kuala Lumpur nampaknya sudah mulai bercelaru kerana saya katakan demikian, pembangunan dan penambahan kawasan-kawasan perumahan dan sebagainya yang berada di Kuala Lumpur ini telah menjadikan angka-angka di dalam Kod Pos itu bercelaru. Saya syorkan supaya ditukar kepada huruf-huruf kod. Lebih senang jika sekiranya Kuala Lumpur ini menggunakan huruf 'W' sahaja iaitu daripada 'W1' hingga 'W...' seberapa banyak kawasan-kawasan yang diperlukan dan jika ada rancangan Kod Pos ini hendak dilancarkan di seluruh negara, maka saya mengesyorkan supaya digunakan sahaja Kod Huruf seperti huruf kenderaan, Selangor menggunakan kod 'B', Perak gunakan kod 'A', Johor kod 'J' dan begitulah seterusnya.

Tuan Yang Dipertua, satu masalah yang saya fikirkan perlu ialah kebajikan kakitangan Pejabat Pos. Kakitangan Pejabat Pos ada yang terbunuh waktu bertugas, ada yang terbunuh waktu menghantar telegram. Jika Angkatan Tentera kita ada mempunyai wang tabung kebajikannya, maka saya rasa sudah sampai masanya supaya Perkhidmatan Pos ini juga ditubuhkan satu tabung kebajikan kepada anggota-

tadbiran dalam negeri itu, maka dengan sebab itu satu masa lagi yang akan datang mereka akan memberi sokongan yang penuh terhadap konsep ASEAN kita.

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan pertama, saya rasa sukar hendak memberikan pandangan apa yang berlaku dalam negeri mereka, tetapi untuk menjawab soalan kedua, saya suka menyatakan kita berharap moga-moga pada masa yang akan datang dengan persefahaman yang sejelas-jelasnya kedudukan ASEAN, kita akan dapat berhubung dan bekerjasama pada masa-masa akan datang.

KAWASAN-KAWASAN PERINDUSTRIAN

4. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) bilangan kawasan perindustrian mengikut negeri di Malaysia;
- (b) bilangan yang masih terbengkalai;
- (c) bilangan yang akan didirikan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga; dan
- (d) kenapa Kawasan Perindustrian Segamat ditinggalkan begitu sahaja.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut siasatan baru-baru ini ke atas Kawasan-kawasan Perindustrian yang dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan, kini terdapat sejumlah 54 kawasan perindustrian di Malaysia. Pecahannya adalah seperti berikut: Negeri Johor—5, Negeri Melaka—7, Negeri Sembilan—2, Negeri Selangor—8, Negeri Perak—5, Negeri Pulau Pinang—8, Negeri Kedah—4, Negeri Pahang—4, Negeri Trengganu—2, Negeri Kelantan—1, Negeri Sarawak—5, dan Negeri Sabah—3.
- (b) Di antara 54 kawasan perindustrian di Malaysia, 35 daripadanya masih belum dipenuhi keseluruhannya. Walau bagaimanapun, sebahagian besar dari 35 kawasan perindustrian ini telah diperuntukkan kepada pelabur-pelabur yang berminat.
- (c) Sejumlah 51 kawasan perindustrian baru telah dicadangkan oleh berbagai Kerajaan Negeri untuk dimajukan

dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga. Walau bagaimanapun, bilangan sebenarnya yang akan ditubuhkan adalah bergantung kepada pertimbangan selanjutnya tentang kesesuaian setiap cadangan ini.

- (d) Sebagaimana pada jawapan (c), pembangunan kawasan perindustrian ini akan bergantung kepada kesesuaiannya untuk dijadikan kawasan perindustrian.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian ini sedar atau berpendapat bahawa kawasan perindustrian di Segamat itu tidak sesuai dan dengan itu kita patut tarik balik rancangan itu.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kawasan perindustrian di Segamat ini memang telah ada cadangan dahulu untuk mengwujudkan satu kawasan perindustrian di situ, kalau tidak silap saya satu kawasan kira-kira 3 batu daripada bandar Segamat, dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor telah mengambil langkah untuk mendapatkan sebidang tanah seluas kira-kira 114 ekar untuk dijadikan kawasan perindustrian itu. Akan tetapi, oleh kerana terdapat pada akhir-akhir ini ataupun dua tahun yang lalu, keadaan ekonomi yang tidak baik yang mungkin telah menyebabkan beberapa pelabur asing yang pada asalnya bertujuan untuk mendirikan industrinya di kawasan Segamat telahpun menukar sikapnya, maka Perbadanan Kemajuan Negeri Johor merasakan perlu pada ketika itu untuk menumpukan usahanya kepada membangun dan membina industri-industri di kawasan perindustrian yang sedia ada sebelum dibuka satu kawasan yang baharu. Jadi, dari segi ini nampaklah memang telahpun ada hasrat daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Johor, akan tetapi kalau sekiranya dalam keadaan pada hari ini ada pelabur-pelabur yang dapat menyatakan keinginannya untuk mendirikan kilang-kilang di Segamat. Saya fikir Perbadanan Kemajuan Negeri Johor akan mengambil tindakan untuk menentukan bahawa rancangan membina satu kawasan perindustrian di Segamat yang telahpun dicadangkan dahulu itu diteruskan semula ini terpaksa menimbang kepada keadaan yang akan ada selepas ini.

anggotanya, kerana kita tidak mahu apabila berlaku kemalangan terbunuh seperti yang berlaku di Bachok, baru sibuk kita memohon derma daripada dermawan-dermawan.

Tuan Yang Dipertua, kejadian di Bachok, kejadian di Bukit Rotan dan Kuala Selangor adalah pengalaman pahit kepada anggota-anggota Perkhidmatan Pos di dalam negara kita. Selain daripada terkena tembak peluru sesat, gigitan anjing-anjing yang garang juga adalah patut kita lindungi daripada kakitangan di Perkhidmatan Pos.

Tuan Yang Dipertua, Pejabat Pos yang kelihatan telah uzur dan telah lama digunakan itu, saya percaya di dalam Rancangan Malaysia Kelima telah diperuntukkan, tetapi kita berharap supaya di mana-mana Pejabat-pejabat Pos yang telah uzur dapat diutamakan pembinaannya.

Kebersihan dan keselesaan di Pejabat-pejabat Pos juga adalah menjadi cermin "Kepimpinan Melalui Teladan" kepada rakyat. Setengah-setengah Pejabat Pos ditulis dengan perkataan 'Jangan Buat Kotor' dan disiapkan dengan kain buruk atau kertas tissue untuk kegunaan orang ramai. Namun demikian kedapatan juga dinding-dinding Pejabat Pos yang comot dengan kesan-kesan dakwat di mana mereka yang masih menggunakan cap ibujari.

Lagi satu perkara, Tuan Yang Dipertua, mengenai dengan kenderaan-kenderaan yang digunakan oleh Pejabat Pos kelihatan banyak yang telah uzur. Adakah ini kerana keuzuran yang disengajakan, tidak dijaga dengan rapi atau memang kenderaan itu telah lama yang sepatutnya dikondemkan. Satu perkara ialah mengenai cat warna merah di kenderaan-kenderaan Pejabat Pos ini nampak sangat cepat kotor dan cepat tua. Kalau dapat cat itu diganti sahaja dengan cat yang lain.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin mendapat maklumat yang jelas daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bilakah Pejabat Pos di Pekan Banting akan dibuat baru kerana yang ada ini sudah tidak sesuai bangunannya, nampaknya kesesuaian dan keadaan sudah tidak boleh menampung keperluan sebuah kawasan daerah yang sedang membangun dengan pesat.

Tuan Yang Dipertua, akhirnya saya menyokong pindaan kepada Akta Pejabat Pos 1947 untuk diluluskan bagi membolehkan satu kumpulanwang pos ditubuhkan untuk membolehkan Perkhidmatan Pos mempunyai kuasa-kuasa otonomi di dalam rancangannya di dalam belanjanya, ini memandangkan kerana Perkhidmatan Pos adalah menunjukkan satu agensi Kerajaan yang mendapat kelebihan pendapatan daripada belanjanya. Pada tahun 1982 kelebihannya kalau tidak salah saya \$6.8 juta dan pada tahun 1983, kalau tidak silap saya kelebihannya sebanyak \$35.5 juta. Dengan ini Tuan Yang Dipertua, munasabahlah ianya diluluskan pada mesyuarat kita pada hari ini.

Tuan Yang Dipertua, dengan ini saya menyokong pindaan Akta Pejabat Pos 1947.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman:
(Bangun)

Timbalan Yang Dipertua: Saya ingat tidak ada yang lain, cuma Yang Berhormat Abdul Ghani seorang yang hendak berucap, kalau dapat dipendekkan sedikit supaya dapat dihabiskan undang-undang ini pada petang ini juga.

6.15 ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman:
Tuan Yang Dipertua, saya ringkas sahaja mengenai perkara ini. Izinkan saya untuk memberi pandangan mengenai pindaan Akta Pejabat Pos 1947 yang memberi peruntukan supaya

Sistem Perakaunan Perdagangan digunakan untuk menggantikan kalau tidak salah saya Sistem Perakaunan Jenis Awam.

Saya berpendapat bahawa ini adalah satu perubahan yang segar di dalam sektor awam keseluruhannya dan suatu langkah yang baik, yang boleh digunakan sebagai contoh. Saya percaya bahawa perkhidmatan pos di negara kita ini adalah suatu jenis monopoli yang mungkin tidak akan diubah melalui penswastaaan kerana kita dapati tidak ada precedent, dengan izin, untuk menswastakan perkhidmatan pos. Ini bermakna bahawa Sistem Perakaunan Perdagangan di dalam Jabatan Kerajaan yang berbentuk monopoli sebenarnya suatu langkah yang sepatutnya dialu-alukan.

Apabila kita melihat Sistem Perakaunan Perdagangan ini secara jumlahnya, secara keseluruhannya, maka kita akan dapat dua implikasi. Yang pertama, sewajarnya pihak Jabatan ataupun kementerian dapat mengesan perjalanan Jabatan tersebut dengan lebih terperinci. Apabila kita melihat secara jumlah, maka sewajarnya kita akan dapat jumlah pendapatan pada suatu tahun kemudian diikuti dengan jumlah perbelanjaan secara keseluruhannya dan kita dapat membezakan sama ada adanya lebihan ataupun adanya kekurangan dan kita dapat memastikan sama ada Jabatan tersebut mendapat subsidi ataupun sebaliknya di dalam melaksanakan kewajipannya sebagai satu Jabatan Kerajaan.

Selain daripada melihat perkara ini secara keseluruhannya, saya rasa sistem ini dapat membantu kita melihat secara terperinci, kalau kita pecahkan pendapatan itu menurut sumbernya, sama ada daripada perkhidmatan surat menyurat ataupun telegram ataupun money order, maka saya mengharapkan dengan adanya sistem perakaunan seperti ini kita dapat membeza-bezakan

apakah sumber-sumber pendapatan sama ada ianya daripada perkhidmatan yang saya sebutkan tadi.

Begitulah juga apabila kita pecahkan perbelanjaan mengikut item ataupun perkara-perkara yang menjadi kelaziman di dalam perbelanjaan Perkhidmatan Pos.

Selain daripada itu, Tuan Yang Dipertua, yang saya hendak tekankan di sini ialah implikasi ekonomi daripada sistem perakaunan itu. Apabila kita melihat sistem ini kita akan dapati bahawa kita akan dapat membezakan antara kos yang ditanggung oleh Jabatan tersebut dan apabila kita melihat kos maka kita akan dapat membezakan antara berapa peratuskah pendapatan jika dibandingkan dengan kos yang terpaksa kita bayar. Jadi kalau kita melihat Jabatan ini sebagai satu contoh maka mungkin pada satu hari nanti daripada sistem perakaunan ini kita dapat menentukan sama ada kadar pulangan di Jabatan Pos ialah 2% ataupun 7% dan seterusnya. Saya mengharapkan bahawa daripada contoh yang pertama ini kita dapat beralih kepada Jabatan-jabatan yang lain dan mengatakan bahawa pada puratanya kadar pulangan Jabatan-jabatan Kerajaan adalah sebanyak peratus yang tertentu.

Satu lagi implikasi yang mungkin kita dapatkan daripada langkah yang segar ini ialah kita sepatutnya dapat memastikan sama ada adanya apa yang kita sebut subsidi silang antara satu Jabatan ataupun satu perkhidmatan dengan perkhidmatan yang lain ataupun daripada satu tempat dengan tempat yang lain. Istilah yang kita gunakan ialah, dengan izin, cross subsidy antara perkhidmatan dengan perkhidmatan yang lain ataupun yang sewajarnya kita dapati ialah cross subsidy antara perkhidmatan di kawasan bandar dibandingkan dengan luar bandar. Ini adalah beberapa pecahan ataupun ciri-ciri maklumat yang sepatutnya dapat

kita sedut daripada adanya sistem perakaunan yang hendak digunakan ini.

Satu lagi perkara yang patut disebutkan di sini ialah Jabatan Pos ini selain daripada memberi perkhidmatan pos, kita juga menggunakan Jabatan Pos untuk menjadi agensi mengutip bayaran untuk Kerajaan. Jadi saya hendak pastikan sama ada adakah pembayaran ataupun adakah commission, dengan izin, Pejabat Pos ini menjadi tempat untuk bayaran bil-bil air, api dan seterusnya menjadi agen untuk Bank Simpanan Nasional.

Tuan Yang Dipertua, itulah pandangan saya mengenai Rang Undang-undang ini dan oleh kerana ada peruntukan bahawa hasil daripada sistem perakaunan ini akan dibentangkan kepada kedua-dua Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara ini, saya harap bahawa banyak maklumat yang sepatutnya kita dapati daripada penggunaan sistem perakaunan ini dan saya percaya ini adalah satu langkah yang akan membuktikan bahawa ianya adalah suatu Kerajaan yang terbuka, yang sanggup mendedahkan maklumat-maklumat yang seharusnya menyakinkan masyarakat kita kepada Jabatan yang memberi perkhidmatan kepada masyarakat.

Itulah sahaja pandangan saya, Tuan Yang Dipertua, saya dengan ikhlasnya dan sepenuhnya menyokong Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.24 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar): Tuan Yang Dipertua, awal-awal sekali saya mahu merakamkan terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat, Tuan Haji Shahrom dan Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman kerana menyertai perbahasan Rang

Undang-undang ini. Saya percaya ada lagi yang ingin menyertai tetapi oleh kerana masa tidak ada dan saya berterima kasih. Saya akan singkatkan jawapan ini kerana hendak mengengangkan masa juga.

Daripada kedua-dua yang Berhormat yang menyertai perbahasan ini, kedua-duanya mengharapkan peningkatan prestasi Jabatan Pos apabila bermulanya sistem perakaunan ala perdagangan ini dijalankan pada suatu masa yang akan ditetapkan selepas mendapat kelulusan Dewan yang mulia ini. Jadi dari segi itu sebagaimana diharapkan berbagai-bagai masalah yang dihadapi oleh Pejabat Pos yang sudah-sudah dan sehingga sekarang akan dapat dilangsaikan. Walaupun harapan Yang Berhormat Tuan Haji Shahrom supaya tak berulang-ulang perkara-perkara yang pernah merupakan kelemahan Pejabat Pos, saya bagi pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos tidak beranilah beri satu jaminan perkara ini tidak akan berulang tetapi yang boleh saya jamin bagi pihak Pejabat Pos akan berkuranglah segala kelemahan-kelemahan tersebut insya Allah.

Perkara yang dibangkitkan juga yang menarik ialah tentang perbelanjaan Jabatan Pos kepada bangunan-bangunan yang lama-lama yang disebutkan banyak terdapat di Selangor. Saya percaya Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom datang daripada Selangor.

Sebenarnya memang ada perancangan Pejabat Pos untuk seluruh negara. Memang kita sedar banyak bangunan-bangunan kita itu terlalu tua tetapi apa hal keadaan kemelesetan ekonomi kita hari ini. Kita pun tidak begitu puas dengan keadaan ini tetapi kita pun faham dengan keadaan kedudukan kewangan Kerajaan dan kita bersabar. Saya juga berharap pihak Yang Berhormat dan rakyat jelata juga bersabar, perancangan sudah dibuat dan akan dijalankan, insya Allah,

sampai masa dan kedudukan kemampuan.

Satu lagi yang agak menarik ialah tentang kenderaan. Ini sebenarnya bukan tidak ada penyenggaraan tetapi Pejabat Pos mempunyai kenderaan-kenderaan kebanyakannya yang sudah lama dan ada yang sepatutnya boleh diberi certificate BER (Beyond Economic Repair), dengan izin, tetapi oleh kerana kemelesetan juga kita terpaksa menggunakan sebaik mungkin yang kita mampu.

Saya agak keliru sedikit tentang Yang Berhormat mengatakan poskod di Kuala Lumpur ini sudah bercelaru. Yang saya faham poskod ini belum berjalan lagi. Kita belum mula lagi. Jadi saya tidak tahu dari mana timbul bercelaru poskod itu. Walau bagaimanapun, saya mengambil kira sangat tentang cadangan yang diberikan supaya kita ikut macam plet kereta "L" dan sebagainya. Itu satu cadangan yang boleh dipertimbangkan dan sebenarnya perkara ini telah diserahkan kepada pakar yang sedang merancang poskod untuk dijalankan, insya Allah, pada tahun hadapan di seluruh negara.

Satu lagi yang dibangkitkan yang saya harus sebut ialah tentang tabung kebajikan bagi pekerja-pekerja pos yang menerima kemalangan. Sebenarnya, hendaklah diingatkan di sini bahawa pekerja-pekerja Pejabat pos ini pegawai Kerajaan dan memang ada imbuhan bagi isteri dan anak-anaknya yang berhalang, ada sefer yang tertentu. Namun begitu, tidaklah menjadi kesalasan sebagai kita sesama kita, sesama satu keluarga, satu masyarakat, sepekerja barangkali mendapatkan derma kilat dan sebagainya untuk membantu si malang. Walau apa pun disediakan sebagai compensation tentulah tidak salah sebagai amalan hidup masyarakat Malaysia atau masyarakat Islam khususnya dengan secepat mungkin mendapat derma. Jadi pihak Kerajaan, pihak Pejabat Pos memang ada menyediakan bantuan kepada yang

hidup, yang ditinggalkan oleh yang menerima kemalangan.

Perkara-perkara lain yang saya rasa ada banyak lagi tetapi oleh kerana masa tidak ada, saya ambil perhatian, seperti kebersihan Pejabat Pos dan sebagainya, walau bagaimanapun, saya mohon izin untuk mengambil masa sedikit lagi tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Abdul Ghani. Secara prinsip dia menyentuh berbagai-bagai aspek yang menarik. Yang saya hendak sebutkan di sini ialah dengan adanya sistem perakaunan begini kita akan dapat membuat analisa yang lebih tepat dan mendapat perkiraan dari segi pulangan modal dan sebagainya.

Sebenarnya sememangnya sudah ada kita membuat analisa daripada sistem lama tetapi tentulah tidak begitu kemas kalau dibandingkan dengan sistem yang baru dibentangkan ini. Dengan adanya sistem yang kita akan dapat buat kalau diluluskan nanti, insya Allah, oleh Dewan ini, kita dapat memperkemas dan penganalisaannya akan memberi manfaat bagi meningkatkan prestasi Perkhidmatan Pos.

Kalau kita perhatikan mengikut perbelanjaan dan penghasilan kita, kita memang ada kelebihan tiap-tiap tahun dan, insya Allah, kelebihan ini akan meningkat. Ini akan memberi peluang untuk kami meningkatkan, membaiki Ibu Pejabat Pos yang buruk, kenderaan dan berbagai-bagai lagi.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat berhenti sekejap, membolehkan Yang Berhormat Datuk Dr. James Ongkili membawa satu usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Menteri Kehakiman dan Menteri di
Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr.
James P. Ongkili):** Tuan Yang
Dipertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan) diluluskan.

Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar: Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan Usul ini untuk dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan) diluluskan.

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, sila jemput dengan seberapa ringkas yang boleh.

Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar: Satu perkara selain daripada penganalisaan dan implikasi ekonomi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Abdul Ghani tadi yang dibangkitkan ialah "cross subsidy" dengan izin, atau subsidi silang yang disebutkan tadi. Saya pun mencari-cari perkataan Melayu apa yang dikatakan "cross subsidy" itu saya dapat hari ini, terima kasih subsidi silang. Perkara ini memang sudah ada sekarang inipun. Kalau dikirakan perkhidmatan pos di luar bandar memang tidak padan, untuk bayaran gaji posman dengan motosikalnya dan berbagai-bagai lagi tetapi kita ada kelebihan hasil dari perkhidmatan kita di bandar-bandar.

Jadi sudah ada sebagai contoh sahaja konsep subsidi silang ini dalam Pejabat Pos dan saya rasa ini dapat ditingkatkan lagi supaya perkhidmatan pos ini dapat dirasai nikmatnya ke seluruh negara,

tidak kira di mana tempat tinggal, di luar bandar atau di bandar. Ini memang satu konsep yang hendak kami tingkatkan. Satu objektif yang hendak ditingkatkan supaya penghasilannya boleh dinikmati oleh seluruh negara khususnya kepada masyarakat luar bandar.

Satu lagi yang saya hendak terangkan di sini dengan tidak emosi iaitu tentang agensi Pejabat Pos ini sebagai satu agensi mengutip bayaran-bayaran. Yang saya tahu hanya satu sahaja agensi yang membayar komisyen kepada Pejabat Pos iaitu ASN. Yang lain LLN, Jabatan Air, Pejabat Tanah atau apa sahaja yang boleh membayar bayaran kepada Pejabat Pos telah diputuskan oleh Kerajaan tidak ada kena apa-apa bayaran komisyen kepada Pejabat Pos. Saya hendak tambah sedikit lagi bahawa Pejabat-pejabat Kerajaan, Kementerian dan sebagainya dikecualikan dari bayaran setem untuk surat menyurat.

Setakat itu sahaja dalam persoalan itu Tuhan Yang Dipertua. Saya rasa sudahlah untuk jawapan dan saya percaya walaupun kedua-dua Yang Berhormat yang bercakap tadi ataupun yang berhajat bercakap tetapi kerana masa tidak cukup masa tidak dapat bercakap, semuanya mengharapkan perkhidmatan pos dapat ditingkatkan prestasinya apabila dapat ia menjalankan sistem kewangan perakaunan ala perniagaan itu diluluskan di sini. Tidaklah saya katakan semua masalah Pejabat Pos dapat diselesaikan dengan kelulusan undang-undang ini tetapi ini satu usaha ke arah meningkatkan menemui aspirasi rakyat keseluruhan khususnya masyarakat di luar bandar kepada perkhidmatan pos. Dengan demikian, sekian.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 hari esok, 20hb Disember 1984.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.37 petang.